



ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM
**PENGAJIAN TAHFIZ
AL-QURAN & AL-QIRAAAT**



(SIRI 5) 2024

PENYUNTING:

MOHAMAD REDHA MOHAMAD . SHARIFAH NOORHIDAYAH SYED AZIZ

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAAT SIRI 5 (2024)

PENYUNTING

MOHAMAD REDHA MOHAMAD
SHARIFAH NOORHIDAYAH SYED AZIZ

PENERBIT FPPI

Universiti Islam Selangor (UIS)
2024

HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2024

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-45-9
ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN &
AL-QIRAAAT SIRI 5 (2024)

ISI KANDUNGAN

		HALAMAN
	KATA PENGANTAR	iv
	PRAKATA	v
	PENDAHULUAN	vi
BAB 1	PERKEMBANGAN PRA TAHFIZ DI MALAYSIA	1-7
	Fatin Nazmin Mansor, Mohd Asri Ishak & Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi	
BAB 2	PENGARUH PEMBUDAYAAN BIAH SOLEHAH MEMBENTUK AKHLAK PELAJAR TAHFIZ: KAJIAN DI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	8-15
	Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Lissailin Baharudin, Alif Lutfi Durroni & Nor Hasanah Mohd Yusoff	
BAB 3	SURAH-SURAH AMALAN RASULULLAH SAW DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN	16-21
	Mohamad Redha Mohamad & Nurul Khadijah Mohamad	
BAB 4	PENGARUH FARID AL-ANSARY TERHADAP INDIVIDU DAN MASYARAKAT SETEMPAT DI MAGHRIBI	22-29
	Rohana Zakaria, Mohd Farid Ravi Abdullah & Syafee Salihin Hassan	
BAB 5	KELESTARIAN ILMU QIRAAAT: KAJIAN TINJAUAN SIKAP DI KALANGAN NETIZEN TERHADAP PEMBACAAN QIRAAAT DI DALAM MEDIA SOSIAL	30-36
	Ahmad Shahir Masdan, Mahmud Lutfi Abd Hadi, Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi & Shaharuddin Pangilun	
BAB 6	PENGENALAN KITAB KANZ AL-MA'ANI DAN PENGARANGNYA AL-IMAM MUHAMMAD BIN AHMAD BIN MUHAMMAD AL-MAWSILI	37-41
	Mahmud Lutfi bin Abd Hadi, Ahmad Shahir bin Masdan & Nik Mohd Nabil bin Ibrahim @ Nik Hanafi	
BAB 7	KAJIAN IKHTILAF AL-QIRAAAT SURAH AL-A'RAF AYAT 1-30 BERDASARKAN TEMATIK ILMU TAWJIH AL-QIRAAAT	42-48
	Muhammad Syafee Salihin Hasan & Mohd Mahfuz Jaafar	
BAB 8	ISU DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM PENGAJIAN TAFSIR DI MAAHAD TAHFIZ NEGERI SELANGOR	49-56
	Mohd Asri Ishak,Mohd Norzi Nasir, Abi Syafiq Al Hakiem Ab Jabar & Nik Arwa Athhoyyib Nik Mohd Rosli	

BAB 9	TAHAP PRESTASI PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ DI MALAYSIA: SATU KAJIAN HALA TUJU PELAJAR	57-64
	Khairul Azhar Abdul Aziz & Mohd Dininazmi Sabri	
BAB 10	HALATUJU PELAKSANAAN SISTEM HAFAZAN AL-QURAN DI MAAHAD DARUL TAHFIZ ALQURAN JERANTUT PAHANG	65-78
	Muhammad Izzat Ngah, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Mohd Mahfuz Jaafar & Huzaifah Fakrul Razid	

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد

Rasa syukur tiada hingga dipanjangkan ke hadrat ilahi atas segala limpah kurniaNYA, Universiti Islam Selangor (UIS) menerusi Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) berjaya menerbitkan buku “Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Siri 5 (2024)” versi digital yang memuatkan koleksi kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2024).

Buku versi digital ini menghimpunkan intisari penulisan hasil penyelidikan berkaitan isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Qiraat melibatkan pelbagai skop dan batasan kajian. Korpus perbincangan antara lain menyentuh pra tahfiz, akhlak pelajar tahfiz, prestasi pusat pengajian tahfiz, sistem hafazan al-Quran, bacaan qiraat di media sosial, surah-surah amalan, *khilaf al-Qiraat*, dan tokoh-tokoh al-Quran bersama kitab mereka.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan buku digital ini, sama ada atas kapasiti sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel. Penglibatan semua pihak merupakan dokongan utama kepada pihak fakulti dan pihak universiti dalam melastarkan pembudayaan ilmu-ilmu pengajian Islam terutama al-Quran dan al-Qiraat agar terus kekal relevan serta berdaya saing sepanjang zaman.

Besar harapan kami agar penerbitan buku versi digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi untuk merancakkan lagi momentum kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Qiraat pada masa kini.

Sekian, Salam hormat.

DR. ROSNI WAZIR

Dekan,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
Universiti Islam Selangor (UIS).

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda SAW, para sahabat RA, tabiin serta umat Islam seluruhnya. Buku “Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Siri 5 (2024)” versi digital ini mengandungi kompilasi kertas-kerja seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2024) yang bertemakan disiplin pengajian al-Quran dan al-Qiraat. Buku digital ini menggabungkan penulisan hasil kajian para penyelidik Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berlatarkan kepakaran dalam bidang tahfiz, al-Quran dan al-Qiraat.

Bab-bab dalam buku digital ini memaparkan data-data penyelidikan yang terperinci menyentuh isu-isu kontemporari berkaitan bidang al-Quran dan al-Qiraat. Rangkuman isu-isu yang dikupas antaranya tertumpu kepada pra tahfiz, akhlak pelajar tahfiz, prestasi pusat pengajian tahfiz, sistem hafazan al-Quran, bacaan qiraat di media sosial, surah-surah amalan, *khilaf al-Qiraat*, dan tokoh-tokoh al-Quran bersama kitab mereka.

Pada kesempatan ini juga, pihak penyunting ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Universiti Islam Selangor (UIS), pihak penerbit iaitu Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) dan tidak lupa juga para penulis selaku penyumbang kertas kerja atas segala kerjasama yang dihulurkan untuk memudahkan penerbitan buku versi digital ini.

Besar harapan kami agar buku digital ini membawa manfaat yang besar kepada pembaca terutamanya pelajar, pensyarah, penyelidik dan masyarakat awam.

Sekian, selamat membaca.

**Mohamad Redha Mohamad
Sharifah Noorhidayah Syed Aziz**
Penyunting

PENDAHULUAN

Buku ini membincangkan kepelbagaiannya topik penting dalam Pengajian Islam. Ia memfokuskan kepada isu-isu kontemporari serta peranan ajaran Islam dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan beretika. Artikel-artikel yang terkandung dalam buku ini mencerminkan usaha para penulis untuk meneroka dan menghubungkan konsep-konsep agama Islam dengan cabaran dan keperluan masyarakat moden. Justeru, kajian bertemakan skop dan disiplin ilmu al-Quran dan al-Qiraat konsisten dihasilkan serta dibentangkan terhadap khalayak dalam pelbagai seminar pada setiap tahun.

Buku ‘Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Siri 5 (2024)’ versi digital ini tidak terkecuali sebagai kelangsungan siri yang menghimpunkan bab-bab penulisan bertemakan penyelidikan dalam pengajian al-Quran dan al-Qiraat. Bab-bab penulisan ini merupakan suntingan daripada kertas kerja yang pada asalnya telah dibentangkan dalam seminar *Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies* (IConICS 2024) anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) yang diadakan pada 7 Ogos 2024 di Hotel Movenpick KLIA, Sepang Malaysia. Tema utama seminar kali ini adalah “Pengajian Islam Melestarikan Keharmonian Masyarakat”. Pengajian al-Quran dan al-Qiraat merupakan salah satu sub-tema yang diketengahkan dalam seminar tersebut.

Buku versi digital ini memuatkan bab-bab penulisan berkaitan al-Quran dan al-Qiraat yang bertujuan untuk memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai peranan Islam dalam menangani pelbagai isu kontemporari, sambil mengekalkan prinsip-prinsip yang telah lama dipegang dalam tradisi Islam. Buku ini juga berfungsi sebagai platform untuk memperkaya wacana akademik dan menawarkan solusi yang berdasarkan ajaran Islam bagi cabaran yang dihadapi oleh masyarakat hari ini. Justeru kandungan buku ini istimewa dalam mengupas dan membincarkan permasalahan, penyelesaian serta hasil kajian berlandaskan metodologi ilmiah menurut kacamata bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Dengan itu, buku digital ini diharapkan dapat menjadi naskhah bermutu untuk rujukan pelajar, pensyarah, penyelidik serta masyarakat awam.

BAB 1

PERKEMBANGAN PRA TAHFIZ DI MALAYSIA

Fatin Nazmin Mansor¹, Mohd Asri Ishak¹ & Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Pra tahfiz merujuk kepada program pendidikan awal yang berfokus pada hafalan Al-Quran untuk kanak-kanak sebelum mereka memasuki program tahfiz penuh. Program ini biasanya dirancang untuk memberikan asas yang kukuh dalam hafalan Al-Quran, pemahaman asas tentang ajaran Islam, dan pembinaan akhlak yang baik.. Program ini biasanya disasarkan kepada kanak-kanak prasekolah hingga usia sekolah rendah, sekitar 4 hingga 12 tahun, bergantung kepada institusi dan struktur program.Kurikulum: Selain hafalan Al-Quran, kurikulum pra tahfiz mungkin merangkumi pelajaran asas agama seperti tajwid, doa harian, dan adab dalam kehidupan seharian. Ada juga program yang merangkumi pelajaran akademik asas seperti membaca, menulis, dan mengira.

Matlamat utama pra tahfiz adalah untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada Al-Quran dan ajaran Islam dari usia muda, membina kecintaan kepada Al-Quran, serta mempersiapkan mereka untuk pendidikan tahfiz yang lebih intensif di masa depan.Pendekatan yang digunakan biasanya bersifat interaktif dan menyeronokkan untuk memastikan kanak-kanak tertarik dan berminat dalam pembelajaran. Ini mungkin termasuk penggunaan lagu, permainan, dan teknik hafalan yang kreatif. Pra tahfiz memainkan peranan penting dalam membentuk asas yang kukuh bagi anak-anak untuk menjadi hafiz (penghafal Al-Quran) dan juga untuk membina sahsiah yang baik selari dengan ajaran Islam.

Kajian oleh Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, Profesor di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UM dan Saidi bin Mohd, Pensyarah di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu bertajuk Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di negeri Terengganu” menunjukkan tahap penguasaan pelajar membaca al-Quran berada pada tahap yang membimbangkan. Kajian pada tahun 2008 tersebut mengambil 8 buah sekolah menengah sebagai sampel dan dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package For Social Science), T-Test, Anova dan Analisis Korelasi. 38.2% pelajar secara tepatnya seperti yang dihuraikan pengkaji adalah buta huruf walaupun pelbagai kajian dan usaha telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan pengajaran al-Quran. Pengkaji yang merujuk kepada kajian-kajian kebelakangan menunjukkan peratusan pelajar buta huruf yang tinggi ini bukan merupakan fenomena baru bahkan mendapat perhatian ramai pihak bagi mencari penyelesaian yang sewajarnya. Pada tahun 2005 umpamanya, program j-QAF dilaksanakan dengan sepenuhnya dengan memperkenalkan modul-modul yang membasmikan buta al-Quran di kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah lagi. Ini bertitik tolak atas kesedaran pentingnya

penghayatan al-Quran tersebut dalam pembentukan sahsiah pelajar dan ibadah sehari-hari (Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff & Saidin bin Mohd 2008).

Kajian yang dibuat terhadap 376 orang mahasiswa daripada 17 fakulti di UiTM Shah Alam oleh Siti Fatimah Sudin (2002) mengenai tahap pembacaan al-Quran pelajar turut menunjukkan peratusan yang perlu dibimbangkan. Pembacaan seperti yang didefinisikan dalam kajian adalah suatu proses mengenal, mengecam, mengucap perkataan yang tertulis atau yang tercetak dan memahami apa yang dibaca. Ianya juga ditakrifkan memerlukan pemikiran yang aktif dikalangan pembaca.

Perbahasan berkenaan pendidikan dalam Islam akan merujuk kepada teori yang terbaik iaitu teori daripada al-Quran. Sidek Baba menyebut bahawa metodologi Qurani dalam pengajaran dan pembelajaran perlu wujud sinergi dan memberi makna kepada ilmu dan pembangunan tasawur dan fikrah Islami. Ia bersifat ruhiyyah dan dimanifestasikan dalam amalan. Proses integrasi antara ilmu dan amalan dilihat masih kurang aplikasi. Proses dalam melahirkan umara dan ulama yang saling menyantuni berlaku dalam empat proses iaitu tradisi hafazan, pendekatan kefahaman, penjanaan ilmu hasil daripada tradisi berfikir dan proses internalisasi antara fikir dan zikir terus berkembang. Proses ini akan memberi kesan kepada profesional huffaz yang mampu menjadi mujtahid untuk respon kepada cabaran baru umat Islam dan umat manusia (Sidek Baba, 2016).

Manakala Al Ghazali, Ibn Miskawih, Ibnu Sina dan Abdullah Nasih Ulwan sepakat menyatakan bahawa hafazan al-Quran adalah perkara utama dalam proses pembelajaran (Wini Mulyani, 2011). Ini bertepatan dengan pandangan Ibn Khaldun bahawa pada peringkat rendah kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengertian ringkas ayat-ayat hafazan atau bacaan serta diceritakan pula kisah-kisah dan fadilat-fadilat yang terkandung di dalamnya. Kefahaman ini selaras gesaan al-Quran seawal penurunan wahyu (Surah al-Alaq 87:1-5) agar manusia sentiasa menghubungkan diri kepada Pencipta di dalam proses pencarian ilmu. Pembelajaran al-Quran secara hafazan mampu menjadi pemangkin ke arah melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai'e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran (Abdul Hafiz Haji Abdullah et al 2003), ia tidak terkecuali dalam proses pembelajaran kepada kanak-kanak.

Terdapat banyak kajian berkenaan hafazan al-Quran dalam usia kanak-kanak. Kajian yang dilakukan oleh Hafiz (2003) menyatakan daripada 13 pengajar Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan menyatakan 4 orang (11%) umur pelajar yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun (Abdul Hafiz Haji Abdullah et al 2003). Ini dibuktikan bahawa Sayyid Muhammad Hussein Tabataba'i berjaya menghafaz dan mampu menafsir al-Quran ketika berumur lima tahun (Wiwi Alawiyah & Siti Aisyah, 2014), Tabarak dan Yazid Tamamuddin masing-masing ketika berusia 4 dan 5 tahun (Salafuddin Abu Sayyid, 2013), Musa Hanafi ketika umur 6 tahun (Ainun Mahya & Arnina P 2016). Bukan sekadar menghafaz bahkan khatam hafazan di usia muda. Usia kanak-kanak mempunyai fitrah yang gemar kepada eksplorasi suasana dan perkara baharu serta melalui persekitaran yang menyeronokkan. Oleh itu proses pendidikan kanak-kanak perlu disertai dengan fitrah mereka agar ia dapat diseimbangkan antara fitrah semulajadi dan juga proses pendidikan yang dilalui.

Dalam usaha menarik minat kanak-kanak, ia memerlukan kaedah tertentu dalam berkomunikasi. Contohnya di bait Quran, kanak-kanak dilatih menghafaz perkata, ia sebahagian kaedah komunikasi yang dilakukan dan berkesan (Wini Mulyani, 2011). Pendekatan belajar melalui bermain juga penting untuk diaplakisikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat prasekolah termasuk dalam proses hafazan al-Quran. Ramai pakar telah

membina kurikulum prasekolah yang menggunakan pendekatan bermain untuk meningkatkan perkembangan kognitif.(Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnini & Yeo Kee Jiar 2013). Metode bermain dijadikan media komunikasi agar kanak-kanak seronok dan tidak tertekan dengan arahan yang diberikan (Muhammad Basyirun, 2012).

Kanak-kanak perlu dididik dengan sebaiknya bagi memenuhi dan mengisi ruangan kosong dalam jiwa mereka yang masih muda. Jika ia tidak di isi dengan pengetahuan tentang Islam, dibimbangi unsur-unsur yang tidak sepatutnya akan menyerap ke dalam jiwa dan minda mereka. Bimbingan agama yang diberikan pada awal pembesaran kanak-kanak adalah bertujuan untuk menjadikan mereka terbiasa sejak kecil dengan Islam. Caranya adalah adalah melalui pendidikan Al-Quran (Nor Raudah Hj Siren et al ,2013). Namun, Abd. Rahman Haji Hamzah (2000) mengatakan ada pelajar beranggapan bahawa pendidikan Al-Quran termasuk hafazannya kurang penting kepada mereka untuk jangka masa pendek dan panjang apatah lagi konsentrasi kanak-kanak masih rendah dan cepat berasa bosan apabila menghafaz al-Quran (Muhammad Basyirun 2012).

Pendidikan pra tahfiz memiliki kepentingan yang signifikan dalam pembentukan karakter dan keagamaan anak-anak dari usia muda. Berikut adalah beberapa kepentingan utama pendidikan pra tahfiz:

Asas Hafalan Al-Quran

Kanak-kanak pada usia muda mempunyai daya ingatan yang kuat, menjadikan mereka lebih mudah menghafal Al-Quran. Pendidikan pra tahfiz memanfaatkan keupayaan ini untuk memperkenalkan hafalan ayat-ayat suci secara berperingkat.

- i. Pengukuhan Asas Agama: Hafalan Al-Quran yang dimulakan dari usia muda membantu kanak-kanak untuk memahami dan menghargai kepentingan kitab suci dalam kehidupan mereka.
- ii. Pengajaran Akidah dan Fikah Asas: Selain hafalan Al-Quran, pra tahfiz juga mengajarkan asas-asas akidah (kepercayaan) dan fikah (amalan), membantu kanak-kanak memahami prinsip-prinsip dasar Islam.
- iii. Penanaman Cinta kepada Al-Quran dan Islam: Melalui pendedahan awal kepada ajaran Islam, pra tahfiz membantu menanamkan rasa cinta kepada agama dan mengukuhkan identiti Islam pada kanak-kanak.
- iv. Pembinaan Akhlak Mulia: Program pra tahfiz biasanya menekankan adab dalam kehidupan sehari-hari, seperti hormat kepada orang tua, bersopan santun, dan menjaga kebersihan. Ini membantu membentuk akhlak mulia sejak usia muda. Guru-guru pra tahfiz sering kali menjadi contoh ikutan positif bagi kanak-kanak, memberikan contoh akhlak baik yang boleh diikuti.

Sejarah dan Latar Belakang

Pendidikan Islam di Malaysia telah wujud sejak zaman dahulu melalui institusi pondok dan madrasah. Institusi ini memberikan pendidikan agama termasuk hafalan Al-Quran, tetapi tidak secara khusus dipisahkan sebagai pra tahfiz.Sekolah-sekolah pondok tradisional memainkan peranan penting dalam menanamkan ilmu Al-Quran dan Islam di kalangan masyarakat, yang menjadi asas kepada perkembangan program pra tahfiz di kemudian hari. Sejak akhir abad ke-20, kesedaran dan minat masyarakat terhadap pendidikan pra tahfiz meningkat, dengan ramai ibu

bapa mula menghantar anak-anak mereka ke program ini untuk mendapatkan pendidikan agama awal yang kukuh.

Program pra tahfiz terus berkembang pesat hingga ke hari ini, dengan sokongan dari kerajaan, institusi swasta, dan masyarakat umum. Perkembangan ini mencerminkan keinginan masyarakat Islam di Malaysia untuk menyediakan pendidikan Al-Quran yang lebih sistematik dan berstruktur dari usia yang muda.

Peningkatan bilangan sekolah pra tahfiz di Malaysia adalah sebahagian daripada trend yang lebih luas dalam memperluas akses kepada pendidikan Islam dan hafalan Al-Quran dari usia muda. Beberapa faktor utama menyumbang kepada peningkatan ini, termasuk minat masyarakat yang semakin meningkat, sokongan daripada kerajaan dan NGO, serta perkembangan dalam sektor pendidikan Islam. Kesedaran Keagamaan: Peningkatan kesedaran dan minat terhadap pendidikan Islam, khususnya hafalan Al-Quran, mendorong lebih ramai ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah pra tahfiz. Sokongan Kerajaan dan Organisasi Islam: Sokongan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jabatan agama negeri, dan organisasi Islam lain telah membantu mempromosikan dan menyokong penubuhan sekolah pra tahfiz. Inisiatif Swasta dan NGO: Banyak institusi swasta, termasuk NGO dan yayasan Islam, telah membuka pusat pra tahfiz sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk memperkaya pendidikan agama di kalangan kanak-kanak.

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat pertumbuhan yang ketara dalam bilangan sekolah pra tahfiz di seluruh negara. Ini termasuk penubuhan pusat pra tahfiz di bandar-bandar besar, bandar kecil, dan kawasan luar bandar. Selain sekolah pra tahfiz yang berdiri sendiri, banyak sekolah Islam, sekolah agama rakyat (SAR), dan institusi pendidikan lain telah memasukkan program pra tahfiz sebagai sebahagian daripada kurikulum mereka.

Cabaran dan Masa Depan

Keterbatasan Infrastruktur: Walaupun terdapat peningkatan dalam bilangan sekolah pra tahfiz, beberapa institusi menghadapi cabaran dalam menyediakan infrastruktur yang mencukupi dan berkualiti. Sumber Manusia: Terdapat juga keperluan yang berterusan untuk melatih lebih banyak tenaga pengajar yang mahir dalam hafalan Al-Quran dan pendidikan Islam untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Secara keseluruhan, peningkatan bilangan sekolah pra tahfiz di Malaysia mencerminkan permintaan yang semakin meningkat dari masyarakat untuk pendidikan agama awal yang kukuh. Ini adalah perkembangan yang positif dalam usaha membentuk generasi muda yang berakhhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pendidikan pra tahfiz di Malaysia telah mengalami perkembangan yang signifikan, didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan dan sokongan masyarakat. Dengan matlamat utama membina asas yang kukuh dalam hafalan Al-Quran dan pendidikan agama Islam, institusi pra tahfiz memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak dan keperibadian kanak-kanak sejak usia dini. Melalui pengiktirafan rasmi, peningkatan kualiti pendidikan, dan pembangunan infrastruktur yang berterusan, kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmen kuat untuk memastikan sekolah-sekolah ini menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi.

Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan sumber, kepelbagaian kualiti kurikulum, dan keperluan untuk latihan guru yang berterusan perlu ditangani secara efektif. Kerjasama yang erat antara kerajaan, sektor swasta, NGO, dan masyarakat adalah kunci untuk mengatasi cabaran ini dan memperkuuh sistem pendidikan pra tahfiz di negara ini.

Pada masa depan, penekanan yang berterusan pada kualiti pengajaran, penilaian program yang teliti, dan penyelarasan kurikulum akan memastikan bahawa institusi pra tahfiz terus berkembang sebagai pusat pendidikan Islam yang berkesan. Ini bukan sahaja akan memperkaya pengalaman pendidikan kanak-kanak, tetapi juga akan menyumbang kepada pembentukan generasi yang berilmu, berakhhlak mulia, dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Sebagai penutup, pendidikan pra tahfiz di Malaysia merupakan satu komponen penting dalam sistem pendidikan agama yang memainkan peranan besar dalam membentuk generasi muda yang berilmu dan berakhhlak. Dengan sokongan kerajaan melalui pelbagai inisiatif, institusi-institusi pra tahfiz terus berkembang dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan rohani dan moral kanak-kanak. Kepentingan memulakan pendidikan agama pada usia muda tidak dapat dinafikan, kerana ia membantu menanamkan nilai-nilai murni dan kecintaan terhadap Al-Quran sejak kecil.

Di sebalik cabaran yang dihadapi, usaha berterusan untuk memperbaiki dan memperkuuh institusi-institusi ini harus diteruskan. Dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, termasuk pihak berkuasa agama, pentadbir sekolah, guru, ibu bapa, dan masyarakat, masa depan pendidikan pra tahfiz di Malaysia dilihat cerah. Semoga segala usaha dan ikhtiar yang dilaksanakan dapat membawa hasil yang positif, melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam hafalan Al-Quran, tetapi juga menjadi insan yang mulia, berakhhlak, dan berbakti kepada masyarakat dan negara.

Rujukan

- Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Aderi Che Noh 2013. Sejarah, Kaedah serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran kertas kerja Bengkel Penulisan dan Penggayaan Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran SRA JAWI.29 oktober 2013; 1-17.
- Mursyidah Mokhtar and Sumarni Ismail 2015. *Islamic Education Through nature for Pre School Children In Selangor and Putrajayaof Malaysia*. Advances in Enviromental Biology.Vol 9(23): 129-147.
- Norazlinda Azima Bte Arikah. 2015. *Interaksi Rasulullah S.A.W Terhadap Kanak-Kanak Kajian Di Tadika ABS Nasirah* Kerta Projek Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan Jabatan Dakwah Dengan Pengurusan Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rusli Ahmad Abg Ishar Abg Yaman 2010. *Kata-Kata Pujian Dan Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar*. Kota Samarahan. Penerbit UNIMAS Universiti Malaysia Sarawak
- Sofiah Mohamed dan Kamarul Azmi Jasmi 2017 . Penerapan Potensi Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Prasekolah. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*.Vol 19 Special Edition.
- Lu Chung Chin dan Effandi Zakaria 2015 Effect of Game- Based Learning Activities on Children's Learning and Prosocial Behaviours. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40 (2) : 159-165).
- Muhaidi Mustafa dan Siti Salwa Md Sawari. 2018. Managing Standardize Memorization Strategi in Tahfiz Centre: A Guideline for Quality Performance in Quranic memorization.*International Journal of Research*.Vol 5 Issue 16: 1409-1417.

- Abdud Da-im al Khalil, t.th . *Metode Baru Menghafal al-Quran.*
- Dina Sulaeman et al. 2011. *Bintang-Bintang penerus Doktor Cilik.* Depok: Pustaka Iman.
- Norazizah. 2018. Komunikasi Guru Dalam Pendidikan Kanak-Kanak Di Pra-Tahfiz Al-Baghda di Playtime Centre, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi. (Zulfarhan Azfar, Penemu duga) 2018, September 25.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2000. *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam.* Jilid 3. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hlm. 346.
- Mohamad Zuwaher Selamat. Khairul Anuar Mohamad Ahmad Kamel Mohamed. Adnan Mohamed Yusoff . Norakyairee Mohd Raus. Mohd Nur Adzam Rasdi. Muhammad Arif Musa.2015. Penggunaan Teknologi Semasa Dalam Menghafaz Al-Quran. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa.*USIM.
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri 2015. Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik Dan Gaya Pembelajaran Vak (Visual, Auditori Dan Kinestetik). *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa.*USIM.
- Fathiayah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub. Norlizah Che Hassan. Wan Marzuki Wan Jaafar. Lukman Abd Mutualib.2015. Cabaran Pendidikan Tahfiz Di Malaysia Dalam Melahirkan Generasi Al-Quran. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa.*USIM.
- Atefeh Hojjati , Akram Rahimi, Masoude Davod Abadi Farehani a , Nasser Sobhi-Gharamaleki, Bahar Alian. 2014. Effectiveness of Quran Tune on memory in children. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 114 (2014) 283 – 286.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Hussin Bin Salamon, Azmi Shah Bin Suratman, Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor, Kamarul Azmi Bin Jasmi, Abdul Basit Bin Samat @ Darawi. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu.* Laporan Penyelidikan UTM
- Nor Raudah Hj Siren, Salmee Suhaina Yusoff, Nurul Akma Osman, Wan Rusydiah Salehudin, Zaizul Ab Rahman, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Azrin Ab Majid. Pendekatan Media Dakwah Dalam Pendidikan Kanak-Kanak. isu-isu dakwah semasa. http://umexpert.um.edu.my/file/publication/00010050_102558.pdf
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* January 2013, Vol. 1 Issue 1: 28-39.
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri 2014. Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014* (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014, pp.827-834. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Ahmad Atabik. (2014). Konsep Komunikasi Dakwah Persuasif Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Komunikasi Penyiaraan Islam* 117, 119.
- Azham Hussain, Nazean Jomhari, Fazillah Mohamad Kamal, Normala Mohamad 2014. mFakih: Modelling Mobile Learning Game to Recite Quran for deaf Children. *International Journal on Islamic Applications in Computer Science And Technology*, Vol. 2, Issue 2, June 2014, 8-15
- Abdul Hafiz Haji Abdullah , Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad, Idris Ismail 2003 *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz* Laporan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali .2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* January 2013, Vol. 1 Issue 1. 28-39.
- Elly Ermawati. 2009. *Metode Pembelajaran Tahfiz Juz 'Amma di Taman Kanak-Kanak Islam Terpadu (TKIT)Imam Syafie.* Tesis Sarjana , Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakulti Tarbiah UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

- Labib Sajawandi.2015. Dampak Aplikasi Model Pembelajaran Rumah Qurani Dalam Meningkatkan Perkembangan Moral Anak Di Kelas Dan Kemampuan Menghafal Ayat Al Quran Di Tk Plus Al-Burhan Pekalongan dalam Educhild Vol. 4 No, 1).
- Mulyono. 2014. Pengaruh Komunikasi Guru Dalam Mengelola Kelas Terhadap Prestasi Belajar PKN. *Jurnal Ilmiah PPKN IKIP Veteran Semarang* Vol. 2 No. 1, ms 90-103.
- Muhammad Basyirun. 2012. Pengelolaan Pembelajaran Tahfidz Pada Usia Anak Dini di TKU Daar El Dikir Sukoharjo. Tesis Sarjana Pendidikan Islam Universitas Muhammadiyah.
- Nabiroh Kassim, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Ab. Halim Tamuri.2014. Kepercayaan Guru Pemangkin Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran Dlm *Journal Of Al-Quran And Tarbiyyah*, Vol 1(1) 2014 : 33-42.
- Nor Raudah Hj Siren , Salmee Suhaina Yusoff , Nurul Akma Osman, Wan Rusydia Salehudin , Dr Zaizul Ab Rahman, Dr Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Azrin Ab Majid.2013. Pendekatan Media Dakwah Dalam Pendidikan Kanak-Kanak dalam isu-isu dakwah semasa)367383http://umexpert.um.edu.my/file/publication/00010050_102558.pdf
- Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. 2012. *Kesan Penggunaan Multimedia terhadap Pendidikan al-Quran peringkat Prasekolah di Daerah Terengganu*.Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Salafuddin Abu Sayyid. 2013. *Balita pun Bisa Hafal Alquran*. Tinta Medina (Tiga Serangkai), Solo

BAB 2

PENGARUH PEMBUDAYAAN BIAH SOLEHAH MEMBENTUK AKHLAK PELAJAR TAHFIZ: KAJIAN DI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Sharifah Noorhidayah Syed Aziz¹, Lissailin Baharudin², Alif Lutfi Durroni¹ &
Nor Hasanah Mohd Yusoff¹

¹Universiti Islam Selangor

²Sekolah Menengah Agama Nilai

Pengenalan

Pembentukan akhlak adalah suatu proses pembentukan kualiti tingkah laku seseorang insan (Khairul Nizar 2012) yang perlu diberi perhatian (Hasbullah et al 2020; Asmawati Suhid 2007). Ia menjadi salah satu penanda aras sama ada seseorang insan mencapai tahap kualiti tingkah laku yang cemerlang atau sebaliknya. Pembentukan akhlak sangat penting untuk diberi keutamaan kerana ia melibatkan kemajuan dalam bidang pendidikan (Zakaria Stapa et al 2012; Safura et al 2019).

Kemerosotan nilai-nilai akhlak pelajar sering menjadi tajuk perdebatan dalam masyarakat. Kebanyakan pelajar dilihat kurang menitikberatkan batas *ikhtilat* (pergaulan) antara lelaki dan perempuan terutama apabila sudah menjelaskan kaki ke institut pengajian tinggi. Kehidupan di institut pengajian tinggi yang berbeza dengan suasana maahad merupakan cabaran buat pelajar. Di sinilah terujinya keutuhan penghayatan yang diserapkan dalam diri pelajar dari maahad tafsir.

Dari sorotan kajian lepas mendapati faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan akhlak pelajar adalah terpengaruh dengan rakan sebaya dan teknologi yang mudah dicapai. Kelalaian atau kurang pantauan dari ibu bapa juga penyebab keruntuhan akhlak anak-anak (Junoh Husin, 2011; Makmur Harun, 2015; Syamila & Che Zarrina, 2020). Hal ini kerana kebanyakan ibu bapa menganggap anak mereka sudah besar dan telah melepassi alam remaja. Mereka juga merasakan bahawa anak-anak boleh membawa diri ke alam pengajian tinggi dengan baik dan selamat. Namun, perkara inilah yang telah membawa anak-anak ke arah keruntuhan akhlak (Buerah Tunggak, Shanah dan Hamimah, 2015; Mohd Nuri, Turiman, Azimi Hamzah, Ismi, 2017; Syamila & Che Zarrina, 2020). Bukti keruntuhan akhlak, kadar jenayah dan sosial remaja masih tidak berkesudahan, malahan pelbagai kajian membuktikan terdapat peningkatan gejala delinkuen yang membabitkan golongan muda semakin meningkat dan berleluasa sepanjang tahun. Syamila & Che Zarrina, 2020).

Kemenjadian akhlak pelajar merupakan salah satu perkara yang hendak dicapai dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Ke-2 (SKPMG2). Tingkah laku baik yang ditunjuk dan diamalkan oleh pelajar juga dinilai sebagai salah satu bentuk kemenjadian akhlak. Namun, perkara yang menjadi kebimbangan dunia pendidikan sekarang ialah kes-kes salah laku dalam kalangan pelajar masih lagi tidak berkurangan sama ada di dalam negara (Buerah Tunggak et al., 2015). Kemenjadian akhlak ini dapat menyeimbangkan seseorang melalui penerapan nilai-nilai Islam serta menjadikan seseorang itu terdidik dengan sifat-sifat kemanusiaan (Saharia Ismail, 2015; Suhailah Abdul Muin & Saharia Ismail, 2016). Akhlak dalam Islam merupakan intisari matlamat pendidikan dan atas pembentukan sahsiah yang terpuji dan berakhlak. Oleh itu, umat

Islam harus mempunyai akhlak yang baik kerana itu adalah salah satu daripada ajaran agama yang suci.

Pelaksanaan Pembudayaan Biah Solehah Dalam Dunia Pendidikan

Biah solehah berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud persekitaran dan suasana yang baik. Gabungan kedua-dua perkataan ini bermaksud segala perkara yang mewujudkan suasana dan persekitaran yang penuh dengan manfaat dan jauh dari segala kemudaratan (Norhisham Muhamad, 2015). Abd Rashid Zainal (2012) pula mengatakan biah solehah merupakan kehidupan tidak formal yang dilalui oleh pelajar sebagai salah satu proses pendidikan berterusan yang membudayakan hubungan baik sesama manusia dalam usaha membina akhlak mahmudah (mulia) dan seterusnya mengekalkan rasa kecintaan kepada Tuhan yang Maha Esa.

Konsep Biah Solehah merujuk kepada suasana keagamaan yang melibatkan pembangunan diri insan secara bersepadu meliputi pembangunan intelek, rohani, emosi dan jasmani yang dijana melalui penghayatan nilai dan amalan yang berterusan berdasarkan kepada ajaran tauhid berteraskan kepada al-Quran dan as-Sunah Mahi Din Sari (1998). Biah solehah mempunyai kesan yang amat besar terhadap pertumbuhan seseorang khususnya anak. Anak-anak yang hidup dalam suasana sekeliling yang soleh ia mudah menjadi insan yang baik. Sebaliknya anak yang hidup dalam suasana sekeliling yang rosak ia mudah menjadi insan yang rosak (Ibnu Khaldun, 1993).

Pelaksanaan pembudayaan biah solehah boleh dikategorikan sebagai kurikulum yang tersembunyi (*hidden curriculum*). Pembudayaan biah solehah ini memerlukan usaha daripada semua pihak termasuk pihak pentadbir institusi, para pendidik dan pelajar itu sendiri dalam menghidupkan pembudayaan biah solehah.

Usaha-usaha menghidupkan pembudayaan biah solehah telah dilaksanakan di sekolah-sekolah sebagaimana yang digariskan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral sejak dari tahun 1996. Pada tahun 1996, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral telah memperkenalkan satu istilah yang berkait dengan biah solehah iaitu Iklim Dini. Iklim Dini ini dicipta untuk dihayati oleh semua warga sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Secara khususnya, Iklim Dini ialah suasana keagamaan yang berlaku di sekolah yang merujuk kepada amalan dan kebiasaan seseorang yang mengamalkan dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian komuniti berkenaan (Mahi Din Sari, 1998). Berdasarkan kepada tafsiran yang dikemukakan Mahi Din Sari (1998) tentang Iklim Dini, istilah tersebut boleh disamaartikan dengan Biah Solehah yang juga merupakan satu usaha berterusan untuk membentuk sahsiah dan disiplin pelajar.

Antara usaha yang diadakan bagi menghidupkan pembudayaan biah solehah adalah seperti menganjurkan program meningkatkan kesedaran ukhwah Islamiah dengan melaksanakan solat berjemaah, perkhemahan pelajar (*mukhayyam*), usrah, program *mentor mentee*, ziarah menziarahi, pembimbing rakan sebaya, gotong royong dan qiamullail (Mahi Din Sari, 1998). Raihan dan Kamarul Shukri (2019) dan Raihan Mohd Arifin et al. (2019) menjelaskan bahawa persekitaran Islam yang menitikberatkan cara hidup, cara berfikir dan cara bertindak mengikut keperibadian yang diajarkan dalam Islam dapat membentuk persekitaran yang baik.

Pada tahun 2010, bagi mempertingkatkan lagi akhlak dan sahsiah dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Bahagian Pendidikan Islam telah memperkenalkan satu program iaitu Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) (Bahagian Pendidikan Islam, 2012). Program SUMUR telah diperkenalkan oleh KPM kepada seluruh sekolah Kementerian bertujuan untuk melahirkan murid yang holistik. Penghayatan nilai-nilai murni, memiliki disiplin yang tinggi, beretika dan mempunyai psikologi serta spiritual mahupun rohani yang sihat sangat perlu untuk membentuk sahsiah unggul seterusnya berdaya tahan dalam menghadapi cabaran hidup. Maka bermulanya pelaksanaan program SUMUR di sekolah-sekolah KPM termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (Nor Anisa Musa et al. 2022).

Pembudayaan Biah Solehah Mempengaruhi Akhlak Pelajar Tahfiz

Kecemerlangan akademik merupakan salah satu kriteria yang dapat menunjukkan kecemerlangan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Kecemerlangan di dalam bidang akademik juga dapat memberikan gambaran mengenai tahap kefahaman dan penguasaan terhadap ilmu yang dipelajari didalam sesuatu bidang. Isu kecemerlangan akademik ini merupakan satu isu yang amat penting di kalangan pelajar di IPT dan sering dijadikan bahan perbincangan kerana mereka yang akan menggerakkan masyarakat satu masa nanti dengan menggunakan ilmu dan kepakaran yang telah mereka pelajari di IPT. Walaubagaimanapun, kecemerlangan seseorang pelajar itu tidak harus diukur dari aspek akademik semata-mata, tetapi haruslah dilihat dalam skop yang lebih luas merangkumi kecemerlangan dari aspek sahsiah, kepimpinan, pengurusan diri dan personaliti, keteguhan rohani dan juga ketangkasian jasmani kerana secara tidak langsung ia banyak membantu ke arah pencapaian akademik yang cemerlang.

Antara faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik ialah gaya hidup pelajar dalam persekitaran kampus. Gaya hidup yang dimaksudkan meliputi aspek pergaulan, pengurusan masa, kegiatan masa lapang, cara belajar dan juga pengurusan diri. Secara umumnya, gaya hidup bagi pelajar cemerlang mestilah seimbang dari sudut rohani, jasmani, emosi dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Falsafah Pendidikan Negara menggariskan dengan jelas matlamat pendidikan berhasrat melahirkan watak 'insan seimbang dan harmonis'. Pendidikan agama yang diajarkan kepada para pelajar sejak dari awal sistem pendidikan lagi mempunyai matlamat bagi melahirkan pelajar yang teguh akhlaknya dan dalam masa yang sama cemerlang ilmunya. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar Universiti Islam Selangor yang terdiri daripada responden lelaki dan perempuan. Soal selidik telah dibina dan telah mendapat kesahan pakar diedarkan kepada tiga puluh orang responden lelaki dan perempuan di Universiti Islam Selangor. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* versi 27.0.

Dapatan Kajian

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa pemboleh ubah-pemboleh ubah terhadap biah solehah di Universiti Islam Selangor pada tahap yang tinggi iaitu persepsi terhadap biah solehah (skor min 4.36), penghayatan agama terhadap biah solehah di Universiti Islam Selangor (skor min 4.21), berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar tahfiz faham tentang konsep pembudayaan biah solehah. Hal ini kerana di Universiti Islam Selangor terutama pelajar tahfiz sering diingatkan kepada pelajar tentang biah solehah yang perlu dititiberatkan. Penghayatan biah solehah pelajar tahfiz di Universiti Islam Selangor juga tinggi. Hal ini kerana sudah menjadi kelaziman bagi pelajar tahfiz menjaga batas-batas yang disyariatkan dalam Islam, diingatkan oleh para pensyarah tentang batas-batas yang perlu dijaga. Berdasarkan hasil dapatan juga mendapati kesan biah solehah yang telah diterapkan kepada pelajar tahfiz tinggi (skor min 4.21). Hal ini disebabkan oleh pelajar tahfiz sangat menjaga dan menitikberatkan tentang batas-batas yang telah disyariatkan dalam Islam.

Jadual 4.1 Skor min dan interpretasi bagi setiap pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Persepsi Biah Solehah di UIS	4.36	0.84	Tinggi
Penghayatan Biah Solehah di UIS	4.30	0.84	Tinggi
Kesan Biah Solehah di UIS	4.21	0.84	Tinggi

Berdasarkan hasil dapatan dalam jadual 4.2, persepsi pelajar tahfiz tentang biah solehah, kajian mendapati bahawa pelajar tahfiz memahami konsep biah solehah itu sendiri. Pelajar tahfiz memahami bahawa pembudayaan biah solehah itu adalah tidak boleh bergaul bebas antara lelaki dan perempuan, tidak boleh berdua-duan, tidak boleh bercampur lelaki dan perempuan dalam satu pasukan. Perkara-perkara ini telah dilatih kepada pelajar tahfiz seperti dalam pembahagian kumpulan tugasan di universiti dan juga pengasingan jantina ketika melakukan aktiviti bersukan, aktiviti berkumpulan dan aktiviti lain yang melibatkan kerjasama lelaki dan perempuan. Perkara ini sangat dititikberatkan dalam kalangan pelajar tahfiz bagi mengelakkan pelbagai salah laku yang menjadi fitnah kepada golongan tahfiz. Namun, jika terdapat kekangan yang memerlukan tugas tersebut dicampur antara lelaki dan Perempuan, mereka sentiasa diingatkan agar menjaga batas-batas pergaulan seperti tidak bercsakap secara mendayu-dayu, tidak melenggokkan badan Ketika berurus dan menundukkan pandangan jika terdapat urusan yang melibatkan lelaki dan perempuan.

Selain itu, biah solehah bukan sahaja tentang pergaulan antara lelaki dan perempuan, perbuatan lain yang membantu meningkatkan suasana yang harmoni seperti solat secara berjemaah, solat di awal waktu, berpakaian sopan dan menutup aurat merupakan perkara baik yang perlu diberi perhatian oleh pelajar tahfiz. Di Universiti Islam Selangor sering diingatkan tentang keperibadian baik yang perlu dijaga oleh pelajar tahfiz. Pembudayaan biah solehah yang diterapkan di Universiti Islam Selangor telah menjadi satu fenomena baik yang mudah diterima oleh pelajar tahfiz.

Jadual 4.2 Skor min dan interpretasi bagi pemboleh ubah persepsi pelajar tahfiz tentang biah solehah

Pemboleh ubah	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Adakah anda faham tentang biah solehah	4.30	0.79	Tinggi
Biah solehah mempengaruhi akhlak pelajar tahfiz	4.50	0.82	Tinggi
Biah solehah membantu dalam memelihara batas pergaulan pelajar tahfiz	4.50	0.63	Tinggi
Biah solehah adalah tidak boleh bergaul bebas antara lelaki dan perempuan	4.63	0.67	Tinggi
Biah solehah adalah menundukkan pandangan	4.53	0.68	Tinggi
Biah solehah adalah berpakaian sopan dan menutup aurat	4.60	0.72	Tinggi
Biah solehah adalah sentiasa menyebarkan salam	4.27	1.02	Tinggi
Biah solehah tidak boleh berdua-duaan	4.77	0.63	Tinggi
Biah solehah boleh bercampur lelaki dan perempuan dalam satu pasukan	2.73	1.48	Rendah
Biah solehah terbit apabila anda solat berjemaah sejurus azan berkumandang	4.30	1.24	Tinggi
Biah solehah terbit apabila anda solat di awal waktu	4.30	1.02	Tinggi
Biah solehah terjaga apabila tidak menyebarkan fitnah	4.43	0.90	Tinggi
Biah solehah wujud apabila anda mengajak kepada kebaikan	4.67	0.61	Tinggi
Biah solehah wujud apabila anda mencegah kemungkaran	4.63	0.61	Tinggi

Hasil dapatan berkaitan penghayatan pelajar tahfiz terhadap pembudayaan biah solehah mendapati bahawa biah solehah penting dalam memperkasa akhlak pelajar tahfiz. Pelajar mestilah mempunyai penghayatan biah solehah yang betul terlebih dahulu bagi memastikan kesan kepada akhlak dapat direalisasikan. Buktinya, dapatan menunjukkan pelajar tahfiz berasa malu jika tidak memelihara pergaulan antara lelaki dan perempuan dan berasa malu jika bercampur lelaki dan perempuan dalam satu pasukan. Pelajar tahfiz juga berasa malu jika berdua-duaan. Pelajar tahfiz juga berasa malu jika berpakaian ketat, tidak berpakaian sopan dan menutup aurat. Namun, mereka agak kurang berani untuk mencegah kemungkaran yang berlaku di hadapan mata. Mereka mampu mengajak rakan kepada kebaikan namun masih lagi tidak berani menegur kesalahan yang berlaku di hadapan mereka.

Jadual 4.3 Skor min dan interpretasi bagi pemboleh ubah Penghayatan pelajar tahfiz terhadap biah solehah

	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Adakah biah solehah penting dalam akhlak pelajar tahfiz	4.77	0.43	Tinggi
Adakah anda berasa selesa berurusan dengan berlainan jantina	3.37	1.35	Sederhana
Adakah anda berasa malu jika tidak memelihara pergaulan	4.37	0.81	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika bergaul bebas antara lelaki dan Perempuan	4.37	0.67	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika tidak menundukkan pandangan	4.13	1.01	Tinggi

Adakah anda berasa malu jika tidak berpakaian sopan dan menutup aurat	4.60	0.86	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika berpakaian ketat	4.80	0.41	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika berdua-duaan	4.50	0.63	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika bercampur lelaki dan perempuan dalam satu pasukan	4.03	1.03	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika tidak solat berjemaah sejurus azan dikumandangkan	4.20	1.10	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika tidak solat di awal waktu	4.47	0.82	Tinggi
Adakah anda berasa malu jika menyebarkan fitnah	4.43	0.93	Tinggi
Adakah anda suka mengajak rakan anda kepada kebaikan	4.33	0.76	Tinggi
Adakah anda berani mencegah jika berlaku kemungkar di hadapan anda	3.93	0.91	Sederhana

Jadual 4.4 Skor min dan interpretasi bagi pemboleh ubah Kesan Biah Solehah kepada pelajar tahfiz

	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Adakah anda gembira jika tiada biah solehah di UIS	1.97	1.52	Sangat rendah
Hafazan saya semakin lemah jika saya mengambil remeh tentang biah solehah	4.33	1.09	Tinggi
Hafazan saya sukar diingati jika saya mengambil mudah tentang biah solehah	4.37	0.85	Tinggi
Saya berasa susah fokus jika tidak menjaga biah solehah	4.30	0.92	Tinggi
Pergaulan saya terjaga jika saya menjaga biah solehah	4.60	0.50	Tinggi
Saya dapat menghafal dengan selesa jika berpakaian sopan dan menutup aurat	4.57	0.73	Tinggi
Saya tidak tenang jika berpakaian ketat	4.60	0.62	Tinggi
Saya gelisah jika berdua-duaan	4.30	0.79	Tinggi
Saya gelisah apabila bercampur lelaki dan perempuan dalam satu pasukan	4.13	1.01	Tinggi
Saya tidak tenteram jika tidak solat berjemaah sejurus azan berkumandang	4.03	1.07	Tinggi
Saya lebih tenang jika solat di awal waktu	4.73	0.45	Tinggi
Saya benci jika sesuatu fitnah disebarkan tanpa usul periksa	4.77	0.50	Tinggi
Saya tidak berasa keberatan mengajak rakan kepada kebaikan	4.30	0.75	Tinggi
Saya berani mencegah jika berlaku kemungkar di hadapan anda	3.73	1.05	Sederhana
Saya mudah menjaga hafazan jika saya menundukkan pandangan	4.53	0.73	Tinggi

Hasil dapatan dalam jadual 4.4 mendapati bahawa pelajar tahfiz tidak gembira jika biah solehah yang diterapkan di Universiti Islam Selangor semakin hilang. Hasil dapatan juga mendapati terdapat beberapa kesan negatif yang berlaku jika biah solehah tidak diterapkan dalam kalangan pelajar tahfiz. Antaranya, hafazan pelajar tahfiz semakin hilang dan sukar diingati jika mengambil remeh tentang biah solehah. Pelajar tahfiz juga mengatakan bahawa mereka mudah menjaga hafazan jika menundukkan pandangan.

Kesimpulan

Biah solehah amat penting kerana ia adalah satu suasana yang sentiasa berjalan berterusan agar semua pihak pasti mendapat kebaikan daripada sistem biah solehah serta melindungi keselamatan pelajar daripada digangu oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan, kebanyakan responden yang dikaji bersetuju bahawa sistem ini adalah satu sistem yang paling berkesan dan paling banyak responden menggunakan di dalam proses mewujudkan suasana al-Quran. Ini menunjukkan bahawa sistem biah solehah adalah memberikan pengaruh yang besar kepada pelajar tahfiz di dalam menghafaz al-Quran.

Biah solehah yang mampu memberikan kesan kepada akhlak pelajar terutama semasa dalam tempoh pengajian dan akan membawa kepada sepanjang hayat seseorang yang lebih mencabar. kesan biah solehah amatlah penting kerana ia memberikan kesedaran yang akan membentuk biah soleh daripada kesan tersebut. Biah soleh sangat berkait rapat dengan akhlak yang mengandungi segala sifat mahmudah bagi menunjukkan imej pelajar tahfiz dan juga institusi agama seperti Universiti Islam Selangor.

Pembudayaan biah solehah yang terbaik adalah penting bagi memastikan keberkesanan akhlak para huffaz yang sedang mendalami ilmu al-Quran. Persepsi dan juga penghayatan biah solehah yang tidak teratur akan memberi impak yang besar kepada pelajar dari segi akhlak bersama al-Quran dan akhlak bersama guru dan pelajar demi keberkatan pada masa akan datang. Pelajar, ibu bapa, guru dan kaunselor, masyarakat sekitar, para pegawai pendidikan merupakan golongan yang boleh memainkan peranan untuk membantu pelajar-pelajar mempunyai akhlak dan adab yang tinggi yang mampu menyampaikan ilmu al-Quran dengan berhikmah.

Rujukan

- Asmawati Suhid. 2007. Pengajaran Adab Dan Akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajaran Umum* 8(9): 167–178.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja. *Hadbari: An International Journal* 7(2): 11-30.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9): 75–89.
- Ibnu Khaldun, Abd. al- Rahman bin Muhammad Khaldun al- Hadrami. (1993). Mukaddimah Ibnu Khaldun. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairun Nizar. 2012. Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar islam di sekolah menengah Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknikal Malaysia (Norhisham Muhamad, 2015).
- Mahi Din Sari, 1998. Jurnal dakwah.

- Nor, N. N. A. M., & Zulkifli, H. (2022). Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) dalam Pembentukan Interpersonal dan Intrapersonal Murid [Sahsiah Unggul Murid Program (SUMUR) In Interpersonal and Intrapersonal Formation of Students]. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 1-19.
- Raihan Mohd Arifin dan Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Kemenjadian Pelajar BerasaskanStrategi dan pelaksanaan Iklim Dini: Satu Konseptualisasi. *Asian People Journal*. 2(1), 54-63.
- Raihan Mohd Arifin, Kamarul Shukri Mat Teh, Nor Asmawati Ismail &NoradilahAbdul Wahab. (2019). Strategi Dan Pelaksanaan Iklim Dini Terhadap KemenjadianPelajar: Satu Kajian Rintis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*. 503-514.
- Raihan, Mohd Arifin, et al. 2019. Konseptualisasi strategi dan pelaksanaan iklim dini di sekolah menengah agama.
- Safura, A. S., Nurauliani, J. R. & Nur Hafizah, M. 2019. Pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian di institusi pengajian tinggi Islam. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law* 20(6): 17–23.
- Saharia. 2015. Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)* 8(2): 83–100.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal Special Edition*: 155-172.

BAB 3

SURAH-SURAH AMALAN RASULULLAH SAW DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Mohamad Redha Mohamad¹ & Nurul Khadijah Mohamad²

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

² Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengenalan

Al-Quran merupakan mukjizat Rasulullah SAW yang teragung. Allah SWT telah menyatakan bahawa kitab suci al-Quran akan sentiasa terjaga dan terpelihara. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَرَلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ۖ

Maksudnya:

“Sesunggubnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

Terdapat banyak hadis yang merakamkan kelebihan dan fadhilat membaca al-Quran. Antaranya al-Quran boleh memberi syafaat kepada para pembacanya. Sabda Rasulullah SAW:

أَفْرُعُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ.

Maksudnya:

“Bacalah al-Quran. Sesunggubnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya”. (HR Muslim)

Begitu juga al-Quran merupakan bacaan terbaik dalam kehidupan sehari-hari. Seharusnya setiap individu muslim mempunyai surah-surah tertentu yang dijadikan bacaan amalan. Berkata Imam al-Nawawi:

اعلم أن تلاوة القرآن هي أفضل الأذكار، والمطلوب القراءة بالتدبر.

Maksudnya:

“Ketahuilah sesunggubnya membaca al-Quran adalah zikir yang paling terbaik, dan dituntut daripadanya membaca bersama tadabbur”.

Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang sebahagian surah-surah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan sehari-hari untuk dijadikan contoh oleh masyarakat. Setiap hadis dibawa tanpa huriahan atau syarah. Kata Imam al-Nawawi:

فمن ذلك كثرة الاعتناء بتلاوة القرآن في شهر رمضان، وفي العشر الأخير أكد، وليلالي الوتر منه أكد، ومن ذلك العشر الأول من ذي الحجة، ويوم عرفة، ويوم الجمعة، وبعد الصبح، وفي الليل. وينبغي أن يحافظ على قراءة يس والواقعة وبارك الملك.

Maksudnya:

“Sunat memberi lebih perhatian terhadap bacaan al-Quran dalam bulan Ramadhan, terutamanya pada 10 hari terakhirnya, serta sangat dituntut pada malam-malam yang ganjil, 10 hari terawal bulan Zulhijjah, hari Arafah, hari Jumaat, selepas solat Subuh dan pada waktu malam. Seseorang hendaklah sentiasa melazimi bacaan surah Yasin, al-Waqiah dan al-Mulk”.

Surah Amalan Di Waktu Malam

- i. Surah al-Isra': Juzu' 15

عن عائشة رضي الله عنها قالت: وَكَانَ يَمْرُأُ كُلَّ لَيْلَةٍ بِنِي إِسْرَائِيلَ وَالْزُّمَرَ.

Maksudnya:

“Adalah Baginda membaca setiap malam surah Bani Israel (al-Isra') dan al-Zumar”. (HR al-Tirmizi)

- ii. Surah al-Zumar: Juzu' 23

عن عائشة رضي الله عنها قالت: وَكَانَ يَمْرُأُ كُلَّ لَيْلَةٍ بِنِي إِسْرَائِيلَ وَالْزُّمَرَ.

Maksudnya:

“Adalah Baginda membaca setiap malam surah Bani Israel (al-Isra') dan al-Zumar”. (HR al-Tirmizi)

- iii. Surah al-Sajdah: Juzu' 21

عن جابر بن عبد الله قال: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَنَامُ حَتَّى يَقْرَأَ (الْمَتَنْزِيلَ) السَّجَدَةَ وَ (تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ).

Maksudnya:

“Rasulullah SAW tidak tidur sehingga baginda membaca surah al-Sajdah dan surah al-Mulk”. (HR al-Tirmizi, al-Nasa'i)

iv. Surah Yasin: Juzu' 22

عن جندب بن عبد الله، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: مَنْ قَرَأَ يُسِّيْلَةً ابْتِعَاهُ وَجْهُ اللَّهِ، عُفِرَ لَهُ.

Maksudnya:

“Sesiapa yang membaca surah Yasin pada waktu malam untuk mencari keredhaan Allah, akan diampunkan dosanya”. (HR Ibnu Hibban)

v. Surah al-Waqiah: Juzu' 27

عن ابن مسعود، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْوَاقِعَةِ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَاقَةٌ أَبَدًا.

Maksudnya:

“Sesiapa yang membaca surah al-Waqiah pada setiap malam, kefakiran tidak akan menimpanya selama-lamanya”. (HR Ahmad)

vi. Surah al-Mulk: Juzu' 29

عن جابر بن عبد الله قال: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَنَامُ حَتَّى يَقْرَأَ (الْمَتْزِيلَ) السَّجَدَةَ وَ (تَبَرَّكَ الَّذِي بَيْدَهُ الْمُلْكُ).

Maksudnya:

“Rasulullah SAW tidak tidur sebinggalah Baginda membaca (al-Sajadah) dan (al-Mulk)”. (HR al-Tirmizi, al-Nasa'i)

vii. Surah al-Kafirun: Juzu' 30

عن فروة بن نوفل: أَنَّهُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلِمْنِي شَيْئاً أَقُولُهُ إِذَا أَوَيْتُ إِلَى فِرَاشِي، فَقَالَ: أَفْرَأُ: (فُلْنِي أَيُّهَا الْكَافِرُونَ) ثُمَّ نَمَّ عَلَى حَاتِمَهَا، فَإِنَّهَا بَرَاءَةٌ مِنَ الشَّرِكِ.

Maksudnya:

Daripada Farwah bin Naufal, sesungguhnya dia datang kepada Nabi SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah, ajarkanlah kepadaku sesuatu untuk aku membacanya apabila aku pergi (berada) di tempat tidurku” Lalu Baginda berkata: “Bacalah (فُلْنِي أَيُّهَا الْكَافِرُونَ) kemudian tidur selepas membacanya kerana ia adalah pembebasan daripada syirik”. (HR Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasa'i)

viii. Surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas: Juzu' 30

عن عائشة رضي الله عنها قالت: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا أَوَى إِلَى فِرَاشِهِ جَمَعَ كَفِيهِ ثُمَّ نَفَثَ فِيهِمَا وَقَرَأَ فِيهِمَا (فَلَمْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) وَ(فَلَمْ أَغُوْدُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) وَ(فَلَمْ أَغُوْدُ بِرَبِّ النَّاسِ) ثُمَّ يَمْسُخُ بِهِمَا مَا اسْتَطَاعَ مِنْ جَسَدِهِ، يَفْعَلُ ذَلِكَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ.

Maksudnya:

“Sesunggunya Nabi SAW apabila berada di tempat tidurnya pada setiap malam, Baginda mengumpulkan kedua-dua telapak tangannya, kemudian meniup pada kedua-duanya, lalu membaca pada kedua-duanya (فَلَمْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) (al-Ikhlas), dan (فَلَمْ أَغُوْدُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) (al-Falaq) dan (فَلَمْ أَغُوْدُ بِرَبِّ النَّاسِ) (al-Nas). Kemudian Baginda mengusapkan kedua-duanya pada anggota tubuh yang mampu dijangkau. Baginda melakukan perkara tersebut sebanyak 3 kali”. (HR Ibnu Hibban)

Surah Amalan Di Hari Jumaat

- Solat Subuh: surah al-Sajdah (Juzu' 21) pada rakaat pertama dan al-Insan (Juzu' 29) pada rakaat kedua.

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْجُمُعَةِ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ (الْمَتَّزِيلُ السَّجْدَةُ، وَ (هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينُ مِنَ الدَّهْرِ).

Maksudnya:

“Adapun Nabi SAW membaca pada hari Jumaat di dalam solat Fajar dengan al-Sajadah dan (هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينُ مِنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَذْكُورًا” (HR al-Bukhari & Muslim)

- Solat Jumaat: surah al-Jumu'ah (Juzu' 28) pada rakaat pertama dan al-Munafiqun (Juzu' 28) pada rakaat kedua. Ataupun boleh juga membaca surah al-A'la (Juzu' 30) pada rakaat pertama dan al-Ghasiyah (Juzu' 30) pada rakaat kedua.

صَلَّى بْنَ أَبْيَهُ هُرَيْرَةَ، يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فَقَرَأَ بِسُورَةِ الْجُمُعَةِ، وَفِي الرَّكْعَةِ الْآخِرَةِ: إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ، قَالَ: فَأَدْرَكْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ حِينَ انْصَرَفَ، فَقَلَّتْ لَهُ: إِنَّكَ قَرَأْتَ بِسُورَتَيْنِ كَانَ عَلَيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقْرَأُ بِهِمَا بِالْكُوفَةِ، قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ، «فَإِنِّي سَعَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ بِهِمَا يَوْمَ الْجُمُعَةِ.

Maksudnya:

“Abu Hurairah telah mengimamkan kami pada hari Jumaat dan dia membaca surah al-Jum'ah dan pada rakaat terakhir (إِنَّكَ قَرَأْتَ بِسُورَتَيْنِ). Lalu aku mendapatkan Abu Hurairah ketika dia ingin pergi dan aku berkata kepadanya: Sesunggunya kamu telah membaca dua surah ini sepetimana Ali RA juga membacanya ketika di Kufah. Kata Abu Hurairah: Sesunggunya aku pernah mendengar Nabi SAW membaca keduanya (kedua surah tersebut) pada hari Jumaat.” (HR Abu Daud)

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْعِيدَيْنِ، وَفِي الْجُمُعَةِ بِسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى، وَهَلْ أَتَكَ حَدِيثُ
الْعَاشِيَةِ.

Maksudnya:

“Adapun Rasulullah SAW membaca (di dalam solat) pada hari Jumaat dan hari Raya
”وَهَلْ أَتَكَ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ“ dan ”الْأَعْلَى“ . (HR Muslim)

iii. Surah al-Kahf: Juzu' 15

عن أبو سعيد الخدري، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: مَنْ قَرَا سُورَةَ الْكَهْفِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ
مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ.

Maksudnya:

“Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat, dia dilimpahi nur (cabaya) di antara 2
Jumaat (iaitu dari satu Jumaat ke Jumaat berikutnya)”. (HR Al-Hakim)

iv. Malam Jumaat: al-Dukhan (Juzu' 25)

عن أبو هريرة، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: مَنْ قَرَا الدُّخَانَ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ، أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ.

Maksudnya:

“Sesiapa yang membaca surah al-Dukhan pada malam Jumaat, dia berada pada waktu pagi dalam
keadaan diampunkan (dosa) kepadanya”. (HR Al-Tirmizi)

Surah Amalan Untuk Solat Witir

i. Rakaat pertama: surah al-A'la, rakaat kedua: surah al-Kafirun, rakaat ketiga: surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas.

عن عائشة رضي الله عنها قالت: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الرُّكْعَةِ الْأُولَى مِنَ الْوِتْرِ بِ(سَبِّحِ اسْمَ
رَبِّكَ الْأَعْلَى)، وَفِي التَّانِيَةِ بِ(فَلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ)، وَفِي التَّالِثَةِ بِ(فَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) وَالْمُعَوِّذَيْنِ.

Maksudnya:

“Adalah Rasulullah SAW membaca pada rakaat pertama solat witir dengan
الْأَعْلَى (al-A'la), dan pada rakaat kedua dengan (al-Kafirun) dan pada rakaat
ketiga dengan (al-Ikhlas) dan al-mu'anwizatain (al-Falaq & al-Nas).” (HR Ibnu
Hibban, Ahmad)

Surah Amalan Untuk Solat Hari Raya

- i. Rakaat pertama: surah al-A'la (Juzu' 30), dan rakaat kedua: surah al-Ghasyiah (Juzu' 30).

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْعِيدَيْنِ، وَفِي الْجُمُعَةِ بِسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى، وَهَلْ أَتَكَ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ.

Maksudnya:

“Adapun Rasulullah SAW membaca (di dalam solat) pada hari Jumaat dan hari Raya سبّح اسم ربّك “الْأَعْلَى” بِسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى“ dan بَوْهَنْ أَتَكَ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ“ بِلَا عَلَى . (HR Muslim)

Penutup

Kesimpulannya, terdapat pelbagai surah yang boleh dijadikan bacaan amalan dalam kehidupan seharian. Kertas kerja ini membahagikan kepada empat bahagian dapatkan iaitu surah amalan waktu malam, hari Jumaat, solat Witir dan solat Hari Raya. Seharusnya setiap Muslim mempunyai surah-surah amalan kerana al-Quran adalah bacaan harian yang terbaik. Kata Imam al-Syafie dalam kitabnya al-Umm:

والقراءة أفضـل ما تكلـم به المـراء.

Maksudnya:

“Dan bacaan al-Quran adalah sebaik-baik perkataan yang diucapkan oleh seseorang manusia”.

Rujukan

Muhadir Joll. 2022. 133 Hadis Fadhilat Surah, Ayat & Membaca Al-Quran. Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Al-Nawawi. 2022. Adab Pembaca Al-Quran. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Al-Nawawi. 2021. Al-Azkar. Al-Hidayah Publication.

Syaari Ab Rahman. 2018. Kompas 114. Ibrah Paradigm Training.

Irsyad Hukum Siri Ke- 515 : Hukum Hakam Pelaksanaan Solat Hari Raya Aidil Fitri Di Rumah.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4525-irsyad-al-fatwa-siri-ke-515-hukum-hakam-pelaksanaan-solat-hari-raya-aidil-fitri-di-rumah>

Irsyad Al-Hadith Siri Ke-375: Sifat Bacaan Nabi SAW Di Dalam Solat Jumaat. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3439-irsyad-al-hadith-siri-ke-375-sifat-bacaan-nabi-saw-di-dalam-solat-jumaat>

BAB 4

TOLERANSI ANTARA AGAMA DALAM PENERBITAN: ANALISIS DESKRIPTIF MENGGUNAKAN BIBLIOMETRIK

Rohana Zakaria¹, Mohd Farid Ravi Abdullah¹ & Syafee Salihin Hassan¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Mengenal dan meneladani visualisasi sebenar kehidupan dan keperibadian ulama merupakan antara kaedah penting dalam usaha melahirkan generasi Qurani, bagi meneliti kegemilangan ummah pada masa hadapan. Mereka merupakan tokoh-tokoh yang tetap teguh di atas asas-asas dan cabang-cabang agama sesuai dengan apa yang diturunkan Allah SWT kepada RasulNya.

Farid al-Ansary merupakan figura dan ulama yang terkenal di bumi Maghribi kerana sumbangan ,kesungguhan dan pengorbanan beliau dalam meningkatkan kefahaman umat Islam terhadap pendekatan metode tadabbur al-Quran secara teori dan praktikal melalui 3 jilid kitab *Majalis al-Quran* serta hasil karya-karya beliau yang lain. Namun dalam tulisan ini tumpuan diberikan kepada pengaruh Farid al-Ansary terhadap individu dan masyarakat setempat di Maghribi dan sumbangan-sumbangan yang telah beliau tinggalkan menerusi hasil penulisan karya-karya beliau yang menjadi rujukan seluruh dunia.

Farid al-Ansary rahimahullah dilahirkan pada tahun 1380 Hijrah bersamaan 1960 Masihi di bandar Alnif dalam daerah Errachidia di tenggara Maghribi. Bapanya adalah seorang guru di sana. Ada pepatah mengatakan: “Di belakang seorang lelaki yang hebat, terdapat seorang wanita yang hebat”. Begitu juga Farid al-Ansary, di belakangnya adalah seorang ibu bernama Aisyah Muhajir rahimahallah yang solehah. Banyak kelebihan yang telah diberikan oleh Allah kepada ibunya, dalam membantu menerapkan dan mengajar ilmu agama kepadanya. Beliau mendapat pendidikan di rumah neneknya daripada ibunya sendiri yang berketurunan Amazighiyah iaitu berasal dari Utara Afrika (Abd Hamid al-Ansary tt)

Sehubungan itu, Farid al-Ansary membesar sejak kecil dengan menguasai bahasa Amazighiyah dengan baik sekali malah dapat bertutur dengan bahasa tersebut. Sehingga dewasa, beliau masih berkemampuan untuk memahami dan menggunakan bahasa tersebut. Kemudian keluarganya berpindah ke al-Jorf, Errachidia dan beliau menghabiskan waktu kanak-kanaknya di sana sepetimana yang diceritakan dalam kitabnya *Kayf al-Mahjub* (Farid al-Ansary 1999).

Farid al-Ansary tidak pernah menghalang riwayat hidupnya ditulis secara sempurna. Sebagaimana para ulama dan ahli pemikir sebelumnya, kisah dan riwayat perjalanan hidup mereka banyak menceritakan tentang diri mereka dan ilmu. Tetapi beliau merasa cukup baginya dengan menceritakan sebahagian daripada kisah-kisah hidupnya pada muqaddimah setiap kitab penulisannya, apa yang penting bagi beliau ialah kesan-kesan ilmu yang kekal dan ia ibarat cerminan yang menjadi refleksi kepada kehidupannya serta penumpuan dirinya dalam bidang dakwah dan ilmu (Abd Hamid al-Ansary tt). Oleh itu, hidupnya menjadi menjadi saksi kepada kebenaran dan keikhlasannya dalam usaha dakwahnya menuju kepada Allah dengan cara yang tersendiri.

Beliau menamatkan pengajian awalnya pada tahun 1974. Seorang guru menceritakan bahawa bapa beliau menempatkannya pada peringkat ini selama dua tahun supaya dapat memperkemaskan dirinya seterusnya melayakkan dirinya untuk memperolehi kelayakan dalam bidang ilmu. Beliau mendapat ijazah pengajian Islam daripada Universiti Muhammad bin Abdullah dalam Kuliyyah Sastera di bandar Fes dan juga memperolehi sijil diploma pengajian tinggi (sarjana) dalam pengajian Islam dalam bidang Usul Fiqh di Universiti Muhammad V di Rabat. Kemudian beliau memperolehi ijazah kedoktoran dalam pengajian Islam dalam bidang Usul Fiqh daripada Universiti al-Hasan ath-Thaani di Kuliyyah Sastera Muhammadiyah (Farid al-Ansary 2010)

Pada sesi pengajian tahun 1985/1986, ia merupakan peringkat membentuk diri. Beliau telah berjaya menyiapkan satu kajian pada tahun pertama pengajian yang bertajuk “*Al-Usul wa al-Usuliyun al-Mughabarah: Bahsun Biblungborafî*” di bawah seliaan Dr. asy-Syaahid al-Busyikhi. Pada sesi pengajian tahun 1986/1987, beliau juga telah berjaya menyiapkan sebuah kajian yang bertajuk “*Mustholahat Usuliyah fi Kitab al-Muwafaqat: Maddah Qasad Namuzajan*” juga di bawah seliaan Dr. al-Syahid al-Busyikhi. Selepas itu, pada tahun pengajian sesi 1989/1990, beliau telah mendaftarkan kajianinya itu (*Mustholahatt Usuliyah fi Kitab al-Muwafaqat*) untuk memperolehi sijil Diploma Pengajian Tinggi dan Sarjana (MA). Seterusnya pada tahun 1991, beliau telah mendaftar kajian pengajiannya pada peringkat Doktor Falsafah (Phd), yang mana tajuk kajianya ialah *al-Mustholah al-Usuuli ‘inda asy-Syatibi* juga di bawah seliaan Dr. al-Syahid al-Busyikhi dan risalah beliau dibincangkan pada tahun 1998 (Khalid al-Somdy tt)

Beliau menghabiskan masanya selama 29 tahun di universiti sehingga beliau meninggal dunia. Tempoh ini beliau menghabiskannya di universiti sebagai seorang pelajar dan pensyarah. Ini merupakan tempoh beliau menuntut ilmu, berijtihad dan membuat kajian ilmiah yang hebat sehingga beliau digelar *al-alim al-waris* iaitu seorang alim yang kekal mewarisi keilmuannya (Abd Hamid al-Ansary). Oleh itu, tidaklah menjadi satu kepelikan jika beliau memilih bidang Usul Fiqh sebagai majornya ataupun dengan makna yang lain *Falsafah Qanun Istinbat Islami*. Bahkan juga beliau memilih untuk menguasai bidang pengajian *Dirasah Mustholahat* dan juga *Mafahim Usul Fiqh*.

Farid al-Ansary meninggal dunia pada hari Khamis bersamaan dengan 5 November tahun 2009 di hospital Samaa’ di Istanbul, Tukri. Jenazahnya dihantar pulang ke Maghribi untuk disemadikan di bandar Meknes pada hari Ahad bersamaan 8 November tahun 2009 di perkuburan az-Zaituun. Solat Jenazah diadakan selepas solat fardhu Zohor di masjid al-Azhar yang dikenali dengan panggilan Jami’ al-Arwa di perkampungan Sultan Muhammad bin Abdullah (Abdul Hamid al-Ansary tt).

Keunggulan dan keluasan ilmu Dr Farid terbukti dengan penghasilan kitab-kitab dan penulisan yang bermutu tinggi dalam pelbagai bidang terutamanya al-Quran. Beliau telah banyak menghasilkan karya-karya yang amat berharga. Antaranya ialah:

- i. *Majbum Alimiyyah : Min Al-Kitab Ila Rabbaniyyah*
- ii. *Tauhid Wal Wasatah fit Tarbiyahal-Da’ariyah ‘Juz satu dan dua’*
- iii. *Abjadiyatul Bahtsi fil Ulum al-Syar’iyyah : Muhamalah fi al-Ta’sil al-Manhajiy*.
- iv. *Al-Fujur al-Siyasi wal Harakah al-Islamiyyah bil Maghrib Dirasah fit Tadfu’ alijtimai’i*
- v. *Sima’ al-Mar’atu fi al-Islam Baina al-Nafsi wa al-Surah*
- vi. *Mitsaq al-abdi fi al-Masalik al-Taaruf ila Allah*
- vii. *Mafatih al-Nur, Dirasah lil Mustalah al-Miftahiyah Likulliyat Rasail al-Nur li Badi’uzzaman al-Nursil-Mustalah al-Usuli Inda al-Syatibi*

- viii. *al-Akhta al-Sittah lil Harakah al-Islamiyyah bil Magrib: Inhiraaf Istiṣnaamii fi al-Fikri wa al-Mumaarasah.*
- ix. *Jamaliyyatu al-Din: Maarij al-Qalbi ila Hayati al-Ruh*
- x. *Balagh al-Risalah al-Quraniyyah : min Ajli Ibsar li Ayat al-Tariq*
- xi. *Al-Fitriyyah Bi al-su' Tajdid al-Muqbilah*
- xii. *Al-Bayan al-Da'wi wa Zahiratu al-Tadakhum al-Siayasi*

Antara Karya Adabiyah beliau adalah:

- i. *Diwanu al-Qasayid Syair*, Cetakan al-Afaq , Dar Baidha': 1992 Masihi.
- ii. *Al-Wa'ad:Syair*: Cetakan Infobrand, Fes:1997 Masihi.
- iii. *Jadawul al-Ruh:syair*; Kerjasama dengan penyair asal Morocco Abdul Nasir Lakkah,Cetakan Sindi Meknes :1997 Masihi
- iv. *Diwan al-Isyarat*: Percetakan Dar al-Najah al-Jadidah , Cetakan Infobrand , Fes: 1999 Masihi.
- v. *Kasf al-Mahjub*; Riwayat, percetakan Infobrand Fes:1999 Masihi.
- vi. *Akhir al-Fursan*: Riwayat, Edaran Dar al-Nail, Istanbul: 2006 Masih.

Kitab Majālis al-Qur'ān

Kitab *Majalis al-Quran* Mudarasat fī Risalat al-Huda al-Minhajiy li al-Quran al-Kareem min al-Talaqqi ila al-Balagh adalah karangan Farid al-Ansary. Beliau memperkenalkan pendekatan metode tadabbur kepada skop yang lebih luas dan langkah-langkah praktikal untuk dilaksanakan sebagaimana yang dituntut. Kitab ini mengandungi 3 jilid.Cetakan pertama dikeluarkan oleh Maktabah Dar al-Salam di Kaherah jilid pertama sahaja iaitu pada tahun 2009. Seterusnya jilid kedua pada tahun 2011. Dan jilid ketiga pada tahun 2013.

Kitab *Majalis al-Quran* Farid al-Ansary ini adalah satu penulisan dari sudut aplikasi dan praktikal serta pendekatan tadabbur al-Quran yang sesuai untuk semua peringkat. Beliau telah meletakkan suatu pendekatan praktikal kepada umat Islam kini untuk berinteraksi dengan al-Quran. Ini adalah satu pendekatan bagi seseorang Muslim itu taat menurut perintah Allah dan rasulNya dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Bermula dari setiap individu, masyarakat dan seterusnya dapat merubah negara dan keseluruhannya kepada kebaikan. Penulisan kitab ini bertujuan menghasilkan satu pendekatan dalam berinteraksi dan bertadabbur dengan kitab Allah. Dan kaedah untuk membentuk sahsiah yang mulia dalam diri serta dihiasi akhlak terpuji mengikut acuan yang ditetapkan Islam.

Beliau menyatakan dalam pengantar bukunya, bahawa kitab ini adalah umpama pengkajian dalam al-Qur'an. Beliau mendatangkan perancangan *Majalis al-Quran* dengan gambaran praktikal agar dapat dilaksanakan dengan baik, seterusnya melahirkan seorang mukmin yang dapat menghayati lautan al-Quran dengan bertalaqqi ayat Allah satu persatu, kemudian sampai ke peringkat pembersihan hati dan akhirnya melahirkan taqwa.

Oleh itu, penulisan ini menuntut kepada melaksanakan seruan tarbiyyah yang asas, mudah untuk dilaksanakan dan praktikal.Tujuannya adalah untuk melakukan pembaharuan dalam agama dan pembinaan semula konsep tarbiyah diri dan masyarakat. Di samping bagi mengelak dari perbalahan dan kontroversi dalam mana-mana organisasi dan badan-badan tertentu. Selain itu, jauh dari fahaman politik sempit, klasifikasi puak-puak yang mengelirukan. Malah beliau menyeru dan mengajak ke arah menghampiri lautan al-Quran dengan menyelami keindahan dan cahaya yang bersinar di bawah ruh Rabbani al-Karim.

Persoalan utama yang dilemparkan oleh Farid al-Ansary secara dasarnya dalam kitab *Majalis al-Quran* adalah: "Bukankah al-Quran yang kita baca pada hari ini, al-Quran yang sama dibaca oleh mereka yang terdahulu dari kita? Maka apakah yang terjadi pada kita zaman ini? ". Isu dan perbincangannya berkisar tentang perkara tersebut.

Tajuk utama kitab ini adalah *Majalis Al-Quran*. Kemudian beliau menyambung nama kitab ini dengan membuat sedikit penambahan pada tajuk tersebut, menjadikan *Mudarasat fi Risalat al-Huda al-Manhajiy li al-Quran min al-Talaqqi ila al-Balagh* supaya menunjukkan bahawa *Majalis al-Quran* adalah isu utama dalam memperbaharui hubungan dengan wahyu dan menerima bimbingan Tuhan. Ia adalah suatu jalan yang menjadi jaminan untuk mengeluarkan ummat manusia pada hari ini supaya dapat keluar dari ‘terowong kegelapan’ yang mereka hidup di dalamnya selama ini.

Farid al-Ansary juga mengumpamakan al-Quran adalah sebagai ‘kapal penyelamat’ kepada kebaikan dan keselamatan, di mana ummat pada hari ini memerlukan kepada peningkatan penerimaan untuk Allah dan Rasul-Nya. Kemudian barulah dapat mencapai tempat tertinggi iaitu kepada seruan petunjuk. Itu lah tempat pembelajaran dan pengajaran. Memberi banyak manfaat dan petunjuk. Oleh itu tujuan penulisan karya ini adalah bagi melahirkan individu dan pendakwah yang memberi petunjuk dan pembawa risalah-risalah al-Quran sepetimana sahabat-sahabat Rasulullah saw.

Pengaruh *Tadabbur Farīd al-Anṣārī* Menerusi Kitab *Majālis al-Qur'ān*

Semasa hayat Farīd al-Anṣārī, karya ini begitu berpengaruh dalam masyarakat tempatan, khususnya di wilayah Meknes dan Maghribi secara amnya. Karya ini dibaca oleh beliau di majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh masjid dan tempat pengajian al-Quran di Maghribi. Pendapat ini ditegaskan oleh Prof Madya Dr Ahmad Wifaq Mokhtar yang merupakan anak murid Farīd al-Anṣārī di Universiti Moulay Ismail di Meknes dan juga sekarang sedang berkhidmat sebagai pensyarah kanan Universiti Sains Islam Malaysia. Menurutnya, majlis al-Quran yang dipimpin sendiri oleh Shaykh Farīd al-Anṣārī mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Kecenderungan masyarakat untuk mengikuti pengajian *tadabbur* al-Quran ini disebabkan huraian yang menarik daripada beliau berpandukan karya tersebut.

Menurutnya, ilmu tafsir yang dimiliki oleh Shaykh Farīd al-Anṣārī sangat mantap. Oleh itu, beliau mampu mengupas ayat-ayat al-Quran dengan baik dan mendalam mencakupi pelbagai pandangan ulama. Selain itu huraian beliau yang menarik mengenai ayat al-Quran membawa kepada *tadabbur* sungguh mengagumkan. Hasilnya memberi kesedaran dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui langkah *tadabbur* yang dibawanya iaitu ‘*Maslak al-Takhalluk*’.

Menurut Prof Dr Wifaq bin Mokhtar lagi, sewaktu belajar di Maghribi di bawah bimbingan Shaykh Farīd al-Anṣārī karya ini menjadi bahan rujukan beliau untuk mentadabbur al-Quran. Selaku anak murid yang sentiasa melazimi kelas Farīd al-Anṣārī di Meknes, beliau juga tidak ketinggalan merujuk dan mendalami isu-isu fiqh semasa dengan guru beliau ini memandangkan itu adalah bidang kepakaran beliau. Menurutnya, karya *Majālis al-Qur'ān* ini sangat sesuai dijadikan bahan rujukan untuk mentadabbur al-Quran lebih-lebih lagi beliau sendiri berguru secara langsung dengan pengarang karya tersebut. Selain itu, beliau sangat terkesan dengan saranan Shaykh Farīd al-Anṣārī yang sentiasa berpesan supaya rajin membaca dan membuat rujukan kepada kitab-kitab untuk menambah ilmu.

Menurutnya lagi, sehingga saat ini beliau masih merujuk dan membaca karya tersebut dan sedang dalam proses menulis tafsir *Majalis al-Qur'an* sebagaimana manhaj guru beliau Shaykh Farīd al-Anṣārī untuk mentadabbur al-Quran.

Manakala tinjauan penulis di Telegram *Majalis al-Qur'an* yang dikendalikan oleh Dr Wifaq Mokhtar, mendapati penulisan tafsir ini sebagaimana manhaj *Majalis al-Qur'an* telah menjadi bahan rujukan umum masyarakat awam kerana penyusunan dan pengolahan ayat yang senang difahami serta mudah untuk ditadabbur. Pendekatan yang dibawa oleh Farīd al-Anṣārī dalam mentadabbur al-Quran adalah sangat sesuai untuk masyarakat awam di pelbagai peringkat umur. Ini bertepatan dengan gagasan dan matlamat yang dibawa oleh beliau menerusi kitab *Majalis al-Qur'an* itu sendiri agar semua lapisan masyarakat membudayakan amalan *tadabbur* bermula dari rumah bersama keluarga, kemudian masyarakat dan seterusnya negara.

Ringkasnya, karya *Majalis al-Qur'an* oleh Farīd al-Anṣārī ini mempunyai pengaruh yang meluas sewaktu hayat beliau di Maghribi dan telah disebarluaskan secara teori dan praktikalnya di Malaysia ini khususnya oleh anak murid beliau Prof Madya Dr Ahmad Wifaq Mokhtar dan beberapa bekas pelajar Malaysia lain yang pernah belajar di Maghribi. Karya ini telah menjadi teks pengajian tafsir di majlis-majlis ilmu di masjid atau di surau.

Pengaruh Farīd al-Anṣārī Kepada Individu

Keperibadian Farīd al-Anṣārī yang bersifat alim *rabbani* yang unik dan istimewa menjadikan beliau seorang tokoh yang mendapat pengiktirafan hebat daripada para ulama dari barat dan juga timur.

Menerusi karya Dr.Muhammad Barakah (2012) yang memuatkan kajian tentang perbincangan *Fiqh al-Dakwah* di sisi Farīd al-Anṣārī, beliau menyimpulkan bahawa perancangan strategi dakwah Farīd al-Anṣārī terhimpun pada tiga paksi iaitu Fitriyyah, Alimiyyah, dan *Majalis al-Qur'an*. Kebanyakan isu yang dihursti dan solusi yang dihulurkan oleh beliau, diyakini mampu untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berlaku pada zaman ini. Ia perlu dimanfaatkan dan disebar luaskan dengan sebaiknya.

Selain itu menurut pandangan Wifaq Mokhtar (2022), Shaykh Farīd al-Anṣārī turut memberi sepenuh tumpuan terhadap al-Quran dari segi fahaman ilmu dan keutamaan *tadabbur* yang membawa kepada tindakan dan amalan dalam kehidupan agar bertambah iman seseorang Muslim. Hal ini jelas terbukti, apabila Shaykh Farīd al-Anṣārī sendiri terlibat dalam penyampaian dan perlaksanaan majlis al-Quran, program yang berbentuk ceramah, mahupun dalam penulisan karya-karya beliau yang lebih menumpukan kepada perbincangan mengenai topik ini. Justeru itu, pengaruhnya sangat meluas kerana nilai ilmu dan sumbangan pemikiran beliau terhadap al-Quran.

Secara ringkas daptan kajian ini menjelaskan bahawa kesan positif pengaruh tokoh kepada individu dan masyarakat mendapat ilmu yang berguna dalam pelbagai bidang, membentuk akhlak mulia, memotivasiakan individu sewaktu belajar dan mendorong individu berfikir secara aktif. Ini dibuktikan oleh anak murid beliau Prof Madya Dr Ahmad Wifaq Mokhtar yang menyatakan bahawa impak positif pengaruh Shaykh Farīd al-Anṣārī ini meninggalkan kesan yang amat besar buat dirinya serta meningkatkan kepercayaannya terhadap pengaruh Farīd al-Anṣārī sama ada dari sudut ketinggian akhlak, keperibadian dan keilmuannya. Faktor ini juga menjadi pendorong kepada mana-mana individu yang mengenali Shaykh Farīd al-

Anṣārī untuk terus melaksanakan dakwah dalam kehidupan. Ini membuktikan bahawa, pengaruh dan sumbangan Syakh Farīd al-Anṣārī bukan sahaja melahirkan pelajar bahkan masyarakat yang berakhlak mulia dan ketekunan terhadap ilmu agama Islam.

Pengaruh Farīd al-Anṣārī Kepada Masyarakat

Dapatkan kajian berkaitan pengaruh Farīd al-Anṣārī kepada masyarakat khususnya melalui majlis al-Quran yang dilaksanakan adalah beliau memberi penekanan adab terhadap al-Quran. Menjaga adab terhadap al-Quran merupakan manifestasi daripada hati yang membesar al-Quran sebagai kalam Allah dan menyanjung tinggi kedudukan al-Quran yang mulia. Ia bertepatan dengan saranan sarjana Islam yang menggariskan beberapa adab yang perlu dipelihara oleh umat Islam sewaktu berinteraksi dengan al-Quran. Sebagai contoh al-Qaradawi (1999) menjelaskan antara adab dengan al-Quran adalah membaca al-Quran dengan tartil iaitu berhati-hati atau teliti dengan menjelaskan huruf dan kadar panjang pendeknya dengan sempurna. Membaca dengan suara yang merdu serta bertadabbur iaitu merenung maksud ayat-ayat yang dibaca serta meneliti akan akibat kesudahan dari peringatan Allah dalam al-Quran.

Konsep majlis al-Quran yang disarankan Farīd al-Anṣārī dengan dilaksanakan dalam bentuk halaqah agar apa yang ingin disampaikan dalam keadaan dekatnya hatihati sesama ahli majlis, sama-sama menuntut ilmu, mendapatkan cahaya keberkatan, rahmat dan ketenangan daripada Allah. Dapatkan kajian menunjukkan pendekatan majlis al-Quran yang dilaksanakan mendorong untuk menyampaikan kesedaran *tadabbur* kepada individu dan masyarakat awam setelah melalui sendiri proses *tadabbur*. Ini bertepatan dengan pendirian beliau iaitu perlaksanaan majlis *tadabbur* al-Quran merupakan ‘bahtera penyelamat’ kepada kebaikan dan keselamatan kepada umat Islam di zaman ini. Ia perlu diperkasakan dan dikukuhkan di semua peringkat umur bagi setiap individu dan masyarakat. Demikianlah gagasan utama yang dibawa oleh beliau dalam berdakwah dan menyampaikan ilmu.

Kesan dari majlis al-Quran melalui penerapan *tadabbur* ini dalam kalangan masyarakat dapat menyuburkan budaya perbincangan yang sihat dalam kalangan ahli usrah sama ada di rumah bersama ahli keluarga sendiri ataupun di masjid-masjid bersama ahli masyarakat setempat. Dalam perbincangan tersebut ahli akan bertanya kemusykilan yang ditimbulkan. Ini dapat merangsang masyarakat agar berfikir secara aktif. Dengan mengutarakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap topik yang dibincangkan, menggambarkan bahawa pengajaran tersebut memberi kesan yang besar terhadap pemikiran individu dan masyarakat.

Seterusnya sumbangan paling besar yang ditinggalkan Shaykh Farīd al-Anṣārī pada masyarakat setempat khususnya dan seluruh dunia amnya adalah pada ilmu dan dakwahnya. Maka tidak hairanlah selepas beliau meninggal dunia sahabat, keluarga dan murid-murid beliau usaha membina *Muassasah Farid al-Anṣārī li al-Abhath wa al-Dirasat* di Meknes Morocco sebagai kesinambungan ilmu dan dakwah yang beliau tinggalkan. Sesuai dengan namanya, maka sehingga kini *muassasah* Farīd al-Anṣārī banyak memberikan sumbangan dalam bidang pengajian agama iaitu sebagai alternatif pembelajaran kepada penduduk setempat di Meknes dan masyarakat dari luar.

Muassasah ini bukan sahaja menjalankan peranan utama sebagai tempat menuntut ilmu malah turut menjalankan aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan. Di situ mereka mengadakan majlis keagamaan untuk masyarakat seperti majlis peristiwa penting dalam Islam, program kuliah-kuliah, pengajian kitab, pengajian feqah, program wacana ilmiah, majlis khatam, pengajian al-

Quran dan hadis, program istimewa bagi muslimat dan banyak lagi. Program-program ini dianjurkan bagi mengisi masa dengan menimba ilmu untuk masyarakat setempat di Wilayah Meknes.

Hasil temubual penulis bersama mudir *muassasah* tersebut Ustaz Muhammad al-Tahiri (2019) di Meknes Morocco menyatakan bahawa program-program yang sering menjadi perhatian masyarakat khususnya di Meknes adalah program seperti ceramah agama dan kuliah atau tazkirah. *Muassasah* Farid al-Anṣārī juga mengadakan usaha program pembelajaran secara dua hala dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa seperti pengajian dan soal jawab kepada masyarakat. Hal ini, menjadikan tarikan masyarakat untuk berminat dan bersungguh-sungguh dalam memahami bidang ilmu agama.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa, peranan dan sumbangan yang ditinggalkan oleh Shaykh Farid al-Anṣārī terhadap pembangunan Islam menjadikan kelangsungan dakwahnya terus berkembang pesat kepada masyarakat sejak awal penubuhannya lagi. Demikianlah pengaruh dan sumbangan besar yang ditinggalkan. Bukan sahaja melahirkan pelajar bahkan masyarakat yang berakhhlak mulia dan ketekunan terhadap ilmu agama Islam.

Kesimpulan

Farid al-Anṣārī merupakan ulama mufassir yang telah banyak memberi sumbangan pemikiran kepada dunia ilmu menerusi karya *Majālis al-Qur'ān*. Sumbangan tersebut merangkumi aspek khususnya terhadap pendekatan *tadabbur* al-Quran serta penghayatan yang membawa kepada amalan kehidupan seorang hamba dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Menerusi penelitian penulis, sumbangan pemikiran yang berjaya ditonjolkan oleh beliau adalah manhaj *tadabbur* yang berkesan. Justeru itu, pengaruhnya sangat meluas di kalangan masyarakat kerana nilai ilmu dan sumbangan pemikirannya. Sehingga sekarang, karya beliau dijadikan sebagai bahan rujukan dan menular ke pelusuk dunia.

Rujukan

- Abd Hamid al-Ansary, Jurnal al-Mahjah al-Adad 330-331.
- Al-Qaradhawi Yusuf. 1999. *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Quran*. Mesir: Dar al-Syuruk.
- Azizah al-Umraniy adalah isteri al-Marhum Shaykh Dr Farid al-Ansari. Beliau seorang suri rumah tangga. Penulis berkesempatan menemubual beliau di kediamannya di *Hayyi Isma'iliyyah*, Meknes Morocco pada 3 Mei 2019 Jumaat jam 11.30 pagi.
- Farid al-Ansary 2010 , *Majalis al-Quran Mudarasat fi Risalat al-Huda al-Minhajiy l'il al-Quran al-Karim min al-Talaqqi ila al-Balagh* Terbitan Dar al-Salam Mesir
- Khalid al-Samdiy,(Ketua Pusat Maghrib Pelajaran dan Kajian Pendidikan Islamiyah Tetuan,Morocco) Hira' –Majallah Ilmiyyah Fikriyyah Thaqafiah www.hiramagazine.com . Diedarkan maqalah ini pada bilangan 22.
- Muhammad al-Barakah 2012 ,*Fiqh al-Da'wah Inda al-duktur Farid al-Ansary* Terbitan Dar al-Salam Mesir.
- Muhammad al-Tahiri adalah Mudir *Muassasah Farid al-Ansari Lil Abhath wa al-Dirasat* di Meknes , Morocco. Beliau telah ditemuramah pada tarikh 2 Mei 2019, Khamis jam 5.30 petang di pejabat beliau, *Muassasah Farid al-Ansari* Meknes Morocco.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1995. Sahih Muslim.Istanbul. al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Prof Madya Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar merupakan anak murid Shaykh Farid al-Ansari ketika belajar di Universiti Moulay Ismail Meknes, Morocco. Dan sekarang bertugas sebagai

pensyarah kanan di USIM. Penulis menemubual beliau pada 7 Februari 2022 melalui video call jam 10.30 malam ketika beliau di Arab Saudi dan penulis di Malaysia.

Ustaz Abdul Hamid al-Ansari adalah tenaga pengajar di *Muassasah Farid al-Ansari Lil Abhath wa al-Dirasat* di Meknes , Morocco. Penulis berkesempatan menemubual beliau di Muassasah tersebut pada tarikh yang sama 2 Mei 2019 Khamis, jam 4.30 petang.

BAB 5

KELESTARIAN ILMU QIRAAAT: KAJIAN TINJAUAN SIKAP DI KALANGAN NETIZEN TERHADAP PEMBACAAN QIRAAAT DI DALAM MEDIA SOSIAL

Ahmad Shahir Masdan¹, Mahmud Lutfi Abd Hadi¹, Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi¹ & Shaharuddin Pangilun¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Ilmu qiraat adalah salah satu cabang penting dalam pengajian al-Qur'an yang melibatkan cara-cara bacaan yang berbeza. Setiap bacaan mempunyai keunikan dan kelebihan tersendiri, seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan hadis. Dengan perkembangan pesat teknologi dan kemunculan media sosial, pengetahuan mengenai qiraat semakin mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat. Dalam era digital, media sosial menjadi platform utama untuk pendidikan dan penyebaran ilmu, termasuk ilmu qiraat. Netizen, atau pengguna internet, mempunyai akses yang luas kepada maklumat dan perbincangan mengenai qiraat melalui pelbagai platform seperti YouTube, Instagram, Facebook, dan TikTok. Walau bagaimanapun, timbul persoalan mengenai sikap netizen terhadap pembacaan qiraat di media sosial dan bagaimana ia mempengaruhi kelestarian ilmu ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana netizen merespon pembacaan qiraat yang disebarluaskan di media sosial, dan bagaimana sikap dan tindak balas mereka mempengaruhi kelestarian ilmu ini.

Perbincangan

Al-Qur'an menekankan kepentingan pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an dengan betul. Dalam Surah Al-Muzammil ayat 4, Allah SWT berfirman:

وَرَتَّلَ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا...

Maksudnya:

"Dan bacalah al-Qur'an itu dengan perlahan-lahan."

Rasulullah SAW juga menggalakkan umat Islam untuk mempelajari al-Qur'an dengan betul. Sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَمَهُ

Maksudnya:

"Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya."

[HR. Bukhari, no hadis 5027].

Dalam konteks kelestarian ilmu qiraat di era digital, media sosial memainkan peranan penting sebagai platform penyebaran dan pembelajaran. Namun, penggunaan media sosial membawa bersama cabaran yang perlu ditangani dengan berhati-hati. Perbincangan ini akan membahas beberapa aspek utama mengenai bagaimana media sosial mempengaruhi kelestarian ilmu qiraat, serta implikasi dan strategi untuk memperbaiki keadaan.

Kepentingan Media Sosial dalam Penyebaran Ilmu Qiraat

Media sosial, dengan jangkauan globalnya, memungkinkan penyebaran ilmu qiraat kepada khalayak yang lebih luas daripada sebelumnya. Platform seperti YouTube, Instagram, dan TikTok menyediakan ruang untuk penceramah dan guru-guru al-Qur'an berkongsi pengetahuan mereka mengenai qiraat. Kajian oleh Ali (2022) menunjukkan bahawa media sosial dapat mempercepat proses pembelajaran dengan menyediakan sumber yang mudah diakses, seperti video dan tutorial bacaan qiraat.

Namun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperhatikan. Maklumat yang disebarluaskan mungkin tidak sentiasa tepat atau berlandaskan autoriti yang sah. Oleh itu, peranan media sosial dalam penyebaran ilmu qiraat mesti dilihat dari sudut yang lebih kritikal.

Analisis Reaksi Netizen Terhadap Pembacaan Qiraat di Media Sosial

Kaedah Analisis

Analisis reaksi netizen terhadap pembacaan qiraat dilakukan dengan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data dikumpulkan melalui:

- i. Kajian Kes dan Pemerhatian: Menilai respons dan komen di platform media sosial.
- ii. Temubual: Mendapatkan maklum balas mendalam daripada individu yang terlibat dalam pembelajaran dan penyebaran qiraat.

Hasil Analisis

a. Kesedaran dan Minat terhadap Qiraat

Netizen menunjukkan minat yang tinggi terhadap qiraat apabila ia disampaikan dengan cara yang menarik dan mudah difahami. Platform seperti YouTube dan Instagram sering digunakan untuk berkongsi video tentang qiraat, yang mendapat sambutan baik daripada penonton. Maklumat ini menunjukkan bahawa:

- i. Peningkatan Minat: Video pendek dan tutorial mengenai qiraat yang disajikan secara visual menarik mampu menarik perhatian netizen, terutama generasi muda. Kajian oleh Ali (2022) mendapati bahawa pendekatan ini berjaya meningkatkan minat terhadap qiraat.
- ii. Kesedaran yang Lebih Baik: Pembaca qiraat yang disampaikan secara sistematik dan teratur melalui media sosial dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepelbagaiannya bacaan al-Qur'an.

b. Kualiti Maklumat dan Pengaruh terhadap Kefahaman

Walaupun terdapat minat yang tinggi, terdapat kebimbangan mengenai kualiti maklumat yang disebarluaskan:

- i. Maklumat Tidak Tepat: Terdapat aduan daripada netizen mengenai maklumat yang tidak tepat atau disampaikan tanpa konteks yang betul. Hal ini boleh menyebabkan kekeliruan dan kesalahan dalam pemahaman qiraat.
- ii. Kekurangan Sumber Berotoriti: Beberapa netizen mengkritik kurangnya bimbingan daripada pakar atau ulama dalam video yang disebarluaskan. Penggunaan sumber yang tidak disahkan boleh mengakibatkan penyebaran ajaran yang salah. Karim dan Musa (2023) menggariskan bahawa maklumat yang tidak disahkan boleh menjelaskan kualiti pendidikan qiraat.

c. Interaksi dan Komuniti

Platform media sosial memfasilitasi pembentukan komuniti yang berkongsi minat dalam qiraat:

- i. Interaksi Positif: Netizen sering berkongsi pengalaman dan memberikan sokongan kepada satu sama lain melalui komen dan forum perbincangan. Ini meningkatkan pemahaman dan pengamalan qiraat.
- ii. Sokongan Sosial: Komuniti dalam talian memberi sokongan moral dan akademik kepada ahli-ahlinya, menjadikannya tempat yang baik untuk bertanya dan berbincang tentang qiraat.

d. Cabaran dan Kritikan

Beberapa cabaran dan kritikan yang dihadapi dalam pembacaan qiraat melalui media sosial termasuk:

- i. Pengelakan Terhadap Konten Yang Tidak Memadai: Pengguna sering mengkritik video atau post yang disajikan tanpa latar belakang akademik yang kuat atau panduan yang sahih. Ini mencerminkan keperluan untuk pengawasan dan penilaian lebih ketat terhadap kandungan.
- ii. Pertikaian mengenai Versi Bacaan: Perbezaan dalam versi bacaan qiraat boleh menyebabkan perdebatan di kalangan netizen. Walaupun variasi ini diakui sebagai sebahagian daripada rahmat Allah, pemahaman yang tidak betul tentang perbezaan ini boleh menimbulkan konflik.

Cabaran dalam Penyebaran Ilmu Qiraat melalui Media Sosial

Salah satu cabaran utama ialah pengesahan dan kualiti maklumat. Banyak kandungan di media sosial dibuat tanpa pengawasan yang ketat, yang boleh menyebabkan penyebaran maklumat yang salah atau tidak lengkap. Hal ini boleh mengakibatkan kekeliruan di kalangan pembaca, seperti yang dinyatakan dalam kajian Karim dan Musa (2023), yang menunjukkan bahawa kurangnya bimbingan dari sumber yang sahih menyebabkan kekeliruan dalam memahami bacaan qiraat.

Selain itu, media sosial sering dipenuhi dengan pelbagai versi bacaan yang mungkin membingungkan pengguna baru. Ketidaaan rujukan yang jelas dan bimbingan daripada pakar boleh menyebabkan penurunan kualiti pembelajaran. Ini bercanggah dengan prinsip al-Qur'an

dan hadis yang menggariskan pentingnya bacaan al-Qur'an yang betul. Dalam Surah Al-Qamar ayat 40, Allah SWT berfirman:

وَلَقَدْ يَسَرَنَا الْفُرْعَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُذَكَّرٍ

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah mempermudahkan al-Qur'an untuk peringatan. Maka adakah orang yang mengambil pengajaran?"

a. Kualiti Maklumat dan Kebenaran

Salah satu cabaran utama adalah memastikan kualiti dan kebenaran maklumat yang disebarluaskan. Media sosial sering kali menampilkan kandungan yang tidak disahkan atau dibuat oleh individu yang tidak mempunyai kelayakan dalam bidang qiraat. Hal ini boleh menyebabkan penyebaran maklumat yang tidak tepat atau menyimpang daripada ajaran yang sahih. Menurut Karim dan Musa (2023), penyebaran maklumat yang tidak tepat boleh mengakibatkan kekeliruan di kalangan masyarakat dan menjasaskan kelestarian ilmu qiraat.

b. Kekurangan Pengawasan

Kekurangan pengawasan yang ketat terhadap kandungan qiraat di media sosial boleh membawa kepada penyebaran ajaran yang tidak berasaskan kepada sumber yang sahih. Ini bercanggah dengan prinsip dalam al-Qur'an dan hadis yang menekankan kepentingan pembelajaran yang betul dan berlandaskan autoriti. Dalam Surah Al-Isra (17:36), Allah berfirman: "Dan janganlah engkau mengikuti sesuatu yang engkau tidak memiliki pengetahuan tentangnya."

c. Keberagaman Pendapat dan Versi Bacaan

Keberagaman pendapat dan versi bacaan yang dipaparkan di media sosial kadang-kadang menyebabkan kekeliruan. Walaupun perbezaan dalam qiraat adalah sebahagian daripada rahmat Allah, perbezaan ini memerlukan pemahaman yang betul dan kontekstual. Kekeliruan ini boleh dikurangkan melalui pendidikan yang betul dan sumber maklumat yang sahih.

Implikasi terhadap Kelestarian Ilmu Qiraat

a. Penurunan Kualiti Pendidikan

Penurunan kualiti pendidikan boleh berlaku jika maklumat yang disebarluaskan tidak dikawal dengan baik. Penggunaan media sosial untuk tujuan pendidikan memerlukan penilaian yang ketat terhadap kualiti kandungan untuk memastikan bahawa ia tidak merosakkan pemahaman tentang qiraat. Pendidikan yang kurang berkualiti boleh mengakibatkan pengajaran qiraat yang salah, yang boleh menjasaskan kelestarian ilmu ini dalam jangka panjang.

b. Kesedaran dan Minat

Di sisi positif, media sosial boleh meningkatkan kesedaran dan minat terhadap ilmu qiraat jika digunakan dengan betul. Pendidikan dan bimbingan yang berkualiti tinggi boleh menarik minat generasi muda untuk mempelajari dan mengamalkan qiraat dengan lebih serius.

Kesan Positif Media Sosial terhadap Kelestarian Ilmu Qiraat

a. Peningkatan Aksesibiliti

Media sosial memudahkan akses kepada bahan-bahan pendidikan mengenai qiraat yang sebelum ini mungkin sukar dicapai. Platform seperti YouTube dan Instagram membolehkan pengguna mencari video dan tutorial mengenai pelbagai bacaan qiraat yang diterima. Kajian oleh Ali (2022) menunjukkan bahawa media sosial telah membuka peluang baru untuk pendidikan Islam dengan memberikan akses kepada pengajaran qiraat daripada ulama dan guru-guru yang berpengalaman, tanpa mengira lokasi geografi.

b. Pembelajaran Interaktif

Media sosial membolehkan pembelajaran yang lebih interaktif. Pengguna boleh mengajukan soalan dan mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pakar qiraat melalui sesi tanya jawab atau live streaming. Ini memberikan peluang untuk pembelajaran yang lebih mendalam dan perbincangan yang boleh memperkuuhkan pemahaman tentang qiraat. Kelebihan ini membantu dalam proses pemahaman dan pengamalan qiraat yang lebih berkesan.

c. Komuniti dan Sokongan

Platform media sosial membolehkan pembentukan komuniti yang berkongsi minat dan matlamat yang sama dalam pembelajaran qiraat. Komuniti ini boleh memberikan sokongan moral dan akademik kepada ahli-ahlinya, serta menjadi ruang untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Hal ini berpotensi untuk meningkatkan kesedaran dan minat terhadap qiraat di kalangan generasi muda.

Strategi untuk Memperbaiki Kelestarian Ilmu Qiraat melalui Media Sosial

a. Penglibatan Ulama dan Pakar

Untuk memastikan maklumat yang disebarluaskan adalah sahih, penglibatan ulama dan pakar qiraat dalam pembuatan kandungan di media sosial adalah penting. Mereka boleh menyediakan bahan yang berlandaskan ajaran Islam yang sahih dan memberi bimbingan kepada pengguna. Ini membantu dalam menjaga kualiti maklumat yang disebarluaskan dan memastikan bahawa ajaran qiraat diterjemahkan dengan betul.

b. Pendidikan dan Latihan

Menyediakan kursus dalam talian atau seminar yang melibatkan pakar qiraat untuk mengajar pengguna tentang cara mengenali maklumat yang sahih dan berautoriti adalah penting. Latihan ini boleh mempertingkatkan keupayaan pengguna untuk menilai dan memanfaatkan maklumat yang diperoleh dari media sosial.

c. Pengawasan dan Penilaian

Mewujudkan sistem pengawasan yang melibatkan panel ulama untuk menilai kandungan yang disebarluaskan di media sosial dapat membantu memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat. Pengawasan ini boleh melibatkan penilaian berkala dan penapisan kandungan untuk memastikan bahawa maklumat yang disebarluaskan adalah tepat dan sesuai.

d. Mewujudkan Platform Pendidikan Berautoriti

Menubuhkan platform media sosial yang khusus untuk pendidikan qiraat yang dikelola oleh institusi atau organisasi yang berautoriti boleh membantu dalam memastikan kualiti dan kesahihan maklumat. Platform ini boleh menjadi sumber yang boleh dipercayai dan rujukan utama bagi mereka yang ingin mempelajari qiraat.

Kesimpulan

Media sosial memberikan peluang yang besar untuk mempromosikan dan menyebarluaskan ilmu qiraat, tetapi juga membawa cabaran yang memerlukan perhatian khusus. Dengan pendekatan yang betul, termasuk penglibatan ulama, pendidikan yang berkualiti, dan sistem pengawasan, media sosial boleh menjadi alat yang berkesan dalam memelihara dan mengembangkan ilmu qiraat. Langkah-langkah ini akan memastikan bahawa ilmu qiraat kekal terpelihara dan diteruskan kepada generasi akan datang dengan cara yang betul dan berkesan.

Reaksi netizen terhadap pembacaan qiraat di media sosial menunjukkan minat yang tinggi tetapi juga menggariskan beberapa cabaran berkaitan dengan kualiti dan ketepatan maklumat. Untuk memastikan kelestarian ilmu qiraat, perlu ada pendekatan yang bijak dalam penyampaian maklumat, melibatkan pakar, dan memberikan pendidikan yang berkualiti kepada netizen. Dengan langkah-langkah ini, media sosial dapat memainkan peranan yang positif dalam memelihara dan menyebarluaskan ilmu qiraat dengan cara yang betul dan berkesan.

Rujukan

- Ali, S. (2022). The Role of Social Media in Islamic Education: A Case Study of Qur'anic Teachings. *Journal of Islamic Studies*, 58(2), 45-67.
- Karim, H., & Musa, A. (2023). *Qiraat in the Digital Age: Challenges and Opportunities*. Islamic Educational Review, 16(1), 22-37.
- Al-Qur'an Al-Karim. (n.d.). Surah Al-Muzammil [73:4].
- Al-Qur'an Al-Karim. (n.d.). Surah Al-Qamar [54:40].
- Al-Qur'an Al-Karim. (n.d.). Surah Al-Isra [17:36].
- Bukhari, M. I. (n.d.). Sahih Bukhari. Hadis no. 5027.
- Al-Mubarakpuri, S. (2003). *Tafsir Ibn Kathir: Al-Qiraat*. Dar al-Kitab al-Islami.
- Jabarti, A. (2008). *Ilmu Qiraat al-Qur'an: Sejarah dan Perkembangannya*. Penerbit Universiti Malaya.
- Sulaiman, M. (2010). *The Science of Qur'anic Recitation: An Introduction to Qiraat*. Islamic Educational Trust.
- Al-Hayari, M. (2015). Modern Approaches to Qiraat Studies. *Journal of Islamic Sciences*, 23(1), 76-91.
- Al-Qurashi, M. (2018). The Impact of Digital Media on the Preservation of Qiraat. *International Journal of Islamic Studies*, 12(3), 45-59.
- Khan, R. (2019). *Qiraat and its Preservation in the Digital Age*. Islamic Review and Research, 21(2), 102-118.
- Nasr, S. H. (2020). *Understanding the Variations of Qur'anic Recitation: A Comprehensive Study*. Al-Maktabah Al-Islamiyyah.

Hassan, F. (2021). Digital Platforms and Traditional Islamic Sciences: Bridging the Gap. *Journal of Islamic Media Studies*, 14(4), 67-82.

BAB 6

PENGENALAN KITAB KANZ AL-MA`ANI DAN PENGARANGNYA AL-IMAM MUHAMMAD BIN AHMAD BIN MUHAMMAD AL-MAWSILI

Mahmud Lutfi bin Abd Hadi¹, Ahmad Shahir bin Masdan¹ &
Nik Mohd Nabil bin Ibrahim @ Nik Hanafi¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Matan al-Syatibiah yang dikenali dengan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani merupakan nazam karangan imam al-Syatibi, Abu al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Syatibi al-Andalusi al-Ru`aini al-Darir (w 590H). Nazam ini mengandungi 1173 bait syair yang di dalamnya membicarkan usul dan farsy huruf dalam Qiraat Tujuh (Qiraah Sab`ah).

Terdapat banyak kitab yang mensyarahkan matan ini. Antaranya ialah Fathul Wasid fi Syarh al-Qasid yang dikarang oleh murid imam al-Syatibi sendiri iaitu Abi al-Hasan Ali bin Muhammad al-Sakhawi (w643H), al-Durrah al-Faridah fi Syarh al-Qasidah oleh Ibn al-Najibain al-Hamdzani (w643), al-Laali al-Faridah fi Syarh al-Qasidah oleh Abi Abdillah Muhammad bin Hasan al-Fasi (w656H) dan banyak lagi. Termasuk syarah kepada matan ini kitab yang dikaji oleh penulis iaitu Kanz al-Ma`ani Syarh Hirz al-Amani karangan al-Imam Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Al-Mawsili (w656H).

Tumpuan terhadap ilmu qiraat khususnya al-Syatibiyyah sentiasa ada. Hingga ke mutakhir ini masih lagi matan al-Syatibiyyah dipelajari dan syarah terhadapnya kian bertambah.

Pengenalan Pengarang

Al-Imam, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad al-Mawsili al-Hanbali. Kunyah beliau ialah Abu Abdillah dan dikenali sebagai Syu`lah dan Ibn al-Mawqi`. Beliau lahir pada tahun 623H bersamaan 1226M. Membesar di Mawsil dan belajar ilmu Qiraat dengan gurunya, al-Irbili ketika kecil (Khulud:2010). Kemudian beliau berhijrah ke Kaherah selepas jatuhnya al-Daulah al-Jarkasyyah dan meninggal di Mawsil pada tahun 656H (1258M) ketika berusia 33 tahun (al-Zirikli:2002).

Para Guru Beliau

- i. Abi al-Hasan Ali bin Abd Aziz al-Irbili (al-Dhahabi:1985)
- ii. Syaraf al-Din Abu `Amr `Uthman bin `Imran bin Musa al-Misri al-Muqri (Khulud:2010).
- iii. Al-Syaikh Tahir bin `Umar bin Tahir (Khulud:2010).

Murid-murid Beliau

Hanya 2 orang sahaja yang dicatatkan sebagai anak murid beliau. Kebarangkaliannya adalah kerana beliau meninggal pada usia muda iaitu 33 tahun dan tidak sempat mempunyai ramai murid. Juga dalam beberapa kitab-kitab tabaqat tidak tersenarai nama murud-murid beliau secara khusus. Ada diceritakan dalam satu kisah seorang lelaki Muhammad Ali bin Abi al-Qasim berkeinginan untuk belajar daripada al-Imam, namun didapatinya al-Imam sedang sakit dan sakit itu membawa kapada mautnya (Ibn Rajab:2005).

Menurut Khulud (2010) murid beliau adalah 2 orang iaitu:

- i. Taqiuddin Abu Bakar al-Miqsati.Imam al-Dhahabi mengatakan dalam kitab Siyar: “وَكَانَ ”...الْمَصَاتِيْقَدْ جَلَسَ إِلَى الْإِمَامِ شَعْلَةً وَسَمِعَ بِحُوَثِهِ”.
- ii. Ali bin Abd Aziz al-Irbili. Beliau adalah guru kepada al-Imam namun kedua-dua mereka saling memberi dan mengambil antara satu sama lain. Imam Ibn al-Jazari menyebutkan Ghayah al-Nihayah: "...قَرَا عَلَيْهِ الْإِمَامُ شَعْلَةً ثُمَّ إِنَّهُ سَمِعَ مِنْهُ مَصْنُفًا كَالشَّمْعَةِ وَغَيْرَهَا“. Dan mengatakan lagi dalam biodata al-Imam (Syu'lah): "...قَرَا الْقِرَاءَاتِ صَغِيرًا عَلَى عَلِيٍّ عَبْدِ الْعَزِيزِ“ (Khulud:2010). ”...الْإِرْبَلِيُّ ثُمَّ سَمِعَ مِنْهُ شِيخَهُ الْمَذْكُورَ تَصَانِيفَهُ

Karangan al-Imam Syu'lah

Karya beliau yang dapat disenaraikan adalah seperti berikut:

- i. *Qasidah yang diberi nama al-Syam`ah fi al-Sab`ah*
- ii. *Kanz al-Ma`ani Syarh Hirz al-Amani*
- iii. *Jauharah al-Qariin wa Durrah al-Talin*
- iv. *Dhat al-Hala fi Qiraat Abi Amr bin al-Ala*
- v. *Yatimah al-Durar fi al-Nuzul wa Ayat al-Suwar*
- vi. *Dhat al-Rasyad fi al-Khilaf baina Abli al-'Adad*
- vii. *Syarh Dhat al-Rasyad*
- viii. *Safwah al-Rasikh fi 'Ilmi al-Mansukh wa al-Nasikh*
- ix. *Kitab Fadail al-Aimmah al-Arba`ah*
- x. *Nazm al-'Ibadat min al-Kharqi*
- xi. *Al-'Unqud fi Nazmi al-'Uqod*

Pujian Ulama Terhadap Beliau

Imam Muhammad bin Ahmad bin Muhammad ini tercatat Namanya dalam kitab-kitab tabaqat. Bukan sekadar disebut Namanya bahkan beliau dipuji dan memiliki kedudukan yang tinggi. Dalam Tabaqat al-Qurra beliau di sebut dengan:

”كان شاباً فاضلاً ومقرئاً محققاً ذا ذكاءً مفرط وفهمً ثاقبً زمعرةً تامةً باللغة العربية وديانةً متينةً“

Dan ditambah lagi dengan pujian pada perenggan yang lain: ”وَكَانَ صَالِحاً رَاهِداً مَتَوَاضِعًا“ (al-Dhahabi:1997).

Dan memuji lagi imam al-Dhahabi seraya berkata:

”الإمام الجود الذكي أبو عبد الله محمد بن أحمد بن حسين الموصلي الحنبلي“

Diceritakan lagi tentang al-Imam bahawa beliau telah melihat Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam tidurnya:

”...وقال سمعت شيخه أبو الحسن الإربلي يقول: كان أبو عبد الله نائماً إلى جانبي فاستيقظ فقال لي: رأيت الساعات رسول الله صلى الله عليه وسلم في النوم فطلبت منه العلم فأطعمني ثمرات فأكلتها“. قال أبو الحسن الإربلي: فمن ذلك الوقت فتح عليه وتكلم .(al-Dhahabi:1985)

Banyak lagi pujian yang ditujukan kepadanya yang dapat dilihat dalam kitab-kitab tabaqat dan seumpamanya. Dengan apa yang telah disebutkan di atas ianya cukup untuk mengatakan bahawa al-Imam adalah seorang yang alim, soleh dan mempunyai kelebihan.

Pengenalan kitab Syarh Syu'lah 'ala al-Syatibiyyah al-Musamma Kanz al-Ma'ani Syarh Hirz al-Amani

Kitab yang ada pada tangan penulis dicetak pada tahun 1418H bersamaan 1997 masihi. Ianya kali pertama dicetak dan diterbitkan oleh al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath. Mempunyai 656 muka surat tidak termasuk kulit dan beberapa muka surat awal yang ditulis dengan abjad huruf arab (أبجد) sehingga huruf ha (ح), berjumlah 8 muka surat.

Di samping itu penulis turut mempunyai kitab 2 versi PDF yang dicetak dan diedar oleh penerbit yang lain. Yang pertama ialah cetakan Dar Rasail al-Jaib al-Islamiyyah yang mempunyai jumlah muka surat dan ciri-ciri yang sama dengan yang diterbitkan oleh al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath. Cuma terdapat sedikit perbezaan iaitu adanya catatan طبع على نفقة “الاتحاد العام لجماعة القراء”， nombor pendaftaran bernombor “833 al-Kaherah”， hak mencetak, bilangan cetakan (kali pertama) dan alamat berserta nombor telefon. Pada muka surat terakhir (656), terdapat nama syarikat pencetak.

Yang kedua ialah sebuah kitab yang pada asalnya merupakan hasil kajian tesis oleh Dr. Muhammad Ibrahim al-Masyhadani daripada Universiti Baghdad, yang pertama kalinya dicetak tahun 2012 oleh Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Islamiyyah dan Dar al-Barakah. Dalam kitab ini, ianya membandingkan 5 manuskrip yang dikumpulkan oleh penulisnya. 3 daripadanya diperolehi daripada Iraq dan 2 bakinya daripada Syria. 1 nuskah adalah daripada al-Maktabah al-Awqaf al-'Ammah Baghdad, 1 nuskah adalah daripada al-Madrasah al-Ahmadiyyah Halab, 1 nuskah adalah daripada al-Maktabah al-Awqaf al-'Ammah Mawsil, 1 naskhah adalah daripada al-Maktabah al-Zahiriyyah Damsyik dan 1 naskhah adalah daripada Dar Saddam li al-Makhtutat Baghdad.

Terdapat beberapa cetakan lagi yang berada di internet didapati pengkaji, dicetak oleh syarikat percetakan berlainan dan dalam rupa kulit yang berbeza, namun pengkaji tidak memuat turun kerana cukup dengan apa yang telah dibandingkan dalam kajian tesis di atas. Pengkaji akan

menggunakan nuskah fizikal cetakan al-Maktabah al-Azhariyah li al-Turath sebagai rujukan utama dan akan merujuk kepada naskah yang lain sekiranya perlu.

Kandungan Kitab

Kitab yang mempunyai 656 mukasurat ini (tidak termasuk kulit) mengandungi senarai bab yang sama dengan apa yang ada dalam kitab syarah yang lain. Dalam mukaddimah cetakan kitab disebutkan bahawa kitab ini menyebutkan hamdalah, memuji Allah swt, selawat dan salam ke atas Rasulullah, menyatakan kedudukan ilmu qiraat, sibuk ulamak terhadap ilmu Qiraat dan puji terhadap imam al-Syatibi, empunya karangan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani.

Dalam mukaddimah ini juga disebutkan bahawa syarah imam Syu'lah ini teristikewa daripada selainnya dari sudut keelokan nazam dan kecantikan tartib dan pesona tansiqnya. Ianya kerana apabila berbicara berkenaan matan, beliau akan menerangkan dengan 3 perkara iaitu menerangkan lughahnya, dengan meletakkan tanda ba (ب) sebagai *mabadi*, kemudian menerangkan i`rab dengan tanda ha (ح) sebagai *lawahiq* dan seterusnya menerangkan makna dengan tanda (ص) sebagai *maqasid*. Di akhir mukaddimah disebutkan bahawa terdapat satu perkara yang tidak disebutkan dalam kita ini iaitu berkenaan khliaf-khilaf yang disebutkan oleh imam al-Syatibi sama ada ianya kuat atau lemah. Di akhir mukaddimah ini terdapat 3 cop nama iaitu Syeikh Ali Muhammad al-Dhabba` selaku ketua al-Ittihad al-'Am li Jama`ati al-Qurra' merangkap Syeikh 'Umum al-Maqari al-Misriyyah pada ketika itu, dan 2 lagi pentashih iaitu Syeikh Mutawalli Abdullah al-Faqa`ie dan Syeikh Muhammad Sulaiman Saleh yang kedua-duanya merupakan anggota Majlis Idarah al-Ittihad dan mereka berdua adalah tenaga pengajar di Maahad al-Qiraat al-Azhar al-Syarif.

Syarah matan al-Syatibi ini dimulakan dengan kata-kata daripada al-Imam. Mengucapkan puji kepada Allah yang menurunkan al-Quran dengan 7 huruf, selawat dan salam kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam yang dipuji baginda dalam Taurat, Injil dan Furqan, kepada ahli keluarga baginda, para sahabat yang mempertahan dan menjaga qiraat. Di sini disebutkan berkenaan cara syarah seperti yang disebutkan dalam mukaddimah iaitu dengan *mabadi*, *lawahiq* dan *maqasid*. Kemudian al-imam memulakan syarah beliau, matan al-Syatibi yang pertama yang berbunyi:

.. مؤئلاً رحيمًا رحمنا بِسْمِ اللَّهِ فِي النُّظَمِ أَوْلًا * تَبَارَكَ رَحْمَانَا رَحِيمًا وَمُؤَثِّلًا ..

Kebanyakan matan yang disyarahkan adalah 1 baris bait. Dua rangkap bait sebanyak 72 bait, manakala 3 rangkap bait hanya berjumlah 12 bait. Ianya disyarahkan seperti yang telah disebutkan pada perenggan yang lalu iaitu dengan *mabadi*, *lawahiq* dan *maqasid*.

Contohnya adalah seperti syarah bab isti`azah, dalam menerangkan tajuk bab:

باب الإستعاذه

- (ب) الإستعاذه طلب الإعازة وهي العصمة كالاشتجارة والإستغاثة من عاذ به إذا لجأ إليه.
- (ح) باب خير مبتدأ محنوف.
- (ص) يقول هذا الباب يذكر فيه مذاهب القراء في الإستعاذه قبل القراءة ولفظ الإستعاذه على اختلافه خير معنى الدعاء.

Beliau secara konsisten menggunakan metod ini hingga ke akhir kitab, hinggalah pada akhir matan. Syarah beliau disudahi mengiringi keberakhiran selawat imam al-Syatabi pada penutup matannya. Al-imam mengucapkan syukur atas kurniaan nikmat, menyertakan selawat kepada baginda Rasulullah, ahli keluarganya dan para sahabat. Juga beliau menyertakan doa:

اللهم وفقنا للعمل بما أنزلت والإتباع لمن أرسلت إنك خير مسؤول وأكرم مأمول اجعل عمالنا مقبولاً وأعنا على كل مطلوب

Kitab ini telah selesai dikarang pada hari Rabu 10 Ramadan 647H. Semoga al-Imam sentiasa dalam rahmat Allah, karangan-karangannya menjadi pedoman buat pencinta-pencinta ilmu dan menjadi contoh buat umat pengabdian beliau dalam menuntut dan menghidupkan ilmu meskipun dalam tempoh yang singkat.

Rujukan

- Al-Syatibi, (2010) *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tabani* (cetakan ke-5), Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Quraniyyah.
- Khairuddin al-Zirikli, (2002) *al-'A`lam Qamus Tarajim* (jil 5), Dar `Ilm li al-Malayin.
- Khulud Abd. Aziz. (2010), *al-Imam Syu`lab al-Mawsili Juhuduhu wa Ikhtiyaratuhu fi `Ilm al-Qiraat wa `Ulum al-Quran* (Tesis Master Universiti al-Imam Muhammad bin Su`ud al-Islamiyyah).
- Muhammad bin Ahmad al-Mawsili, (1997). *Kanz al-Ma`ani Syarb Hirz al-Amani* (cetakan pertama), al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Muhammad bin Ahmad al-Mawsili, (2001). *Kanz al-Ma`ani Syarb Hirz al-Amani* (cetakan pertama), Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Muhammad Ibrahim, (2012), *Kanz al-Ma`ani Syarb Hirz al-Amani* (Tesis Phd. Universiti Baghdad), Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Quraniyyah, Dar al-Barakah.
- Mustafa Abdullah, *Kasyf al-Zunun `an Asma al-Kutub wa al-Funun*, (jil 1), Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Syams al-Din al-Dhahabi (1985) *Siyar A`lam al-Nubala* (cetakan ke-3), Muassasah al-Risalah.

BAB 7

KAJIAN IKHTILAF AL-QIRAAAT SURAH AL-A'RAF AYAT 1-30 BERDASARKAN TEMATIK ILMU TAWJIH AL-QIRAAAT

Muhammad Syafee Salihin Hasan¹ & Mohd Mahfuz Jaafar¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Apabila berbicara tentang ilmu *tanjib al-qiraat*, kita seolah-olah sedang membahaskan ilmu tafsir qiraat. Berdasarkan disiplin ilmu tafsir, para mufassir membahagikan perbahasan ilmu ini kepada dua bahagian utama iaitu tafsir *tablili* dan tafsir *mawdhui*. Tafsir *tablili* merujuk kepada tafsir sistematik yang menghuraikan ayat mengikut turutan di dalam al-Quran yang meliputi makna ayat sepenuhnya, asbab nuzul, perbezaan qiraat, munasabah setiap ayat dan sebagainya. Manakala tafsir *mawdhui* (tematik) pula ialah tafsir yang menerangkan ayat al-Quran mengikut topik atau tema tertentu yang terdapat di dalam al-Quran. Maka berdasarkan konteks kajian ini, *tanjib mawdhui* adalah *tanjib al-qiraat* yang membincangkan *khilaf-khilaf* qiraat mengikut tema-tema yang tertentu di dalam al-Quran. Oleh itu, objektif kertas kerja ini dihasilkan bagi menganalisis perbezaan qiraat surah al-A'raf ayat 1 hingga 30 berdasarkan tematik ilmu *tanjib al-qiraat*.

Penyataan Masalah

Tanjib mawdhui adalah *tanjib* yang membincangkan khilaf-khilaf qiraat mengikut tema-tema *tanjib al-qiraat* yang tertentu di dalam al-Quran. Meskipun karya-karya berbahasa Arab yang membahaskan ilmu *tanjib al-qiraat* ini telah banyak dihasilkan, namun karya penulisan tersebut tidak meletakkan dan membincangkan ilmu *tanjib al-qiraat* dalam bentuk tematik. Maka perbincangan *tanjib al-qiraat* dalam bentuk tematik seperti tema *al-nahwiyyah*, *al-Sarfyyah*, *al-laljiyyah*, *al-dala liyyah* serta hubungannya dengan ilmu akidah, lughah, fiqh, kisah-kisah al-Quran, *rasm*, *i'jaz* dapat dijadikan perbahasan kajian. Selain itu ia juga mampu memperluas kajian bidang qiraat daripada perbahasan al-riwayah kepada perbahasan al-dirayah di mana aspek ini dilihat dalam keadaan sederhana dan kurang didekahkan (Moh. Fathurrozi, 2020). Justeru, kajian *tanjib al-qiraat* berdasarkan tematik ilmu *tanjib al-qiraat* pada *khilaf farsh al-huruf* surah al-A'raf ayat 1-30 ini berpotensi sebagai perkongsian baru terhadap salah satu disiplin ilmu *al-dirayah* dalam pengajaran ilmu qiraat. Semoga kajian ini memberi sumbangan baru kepada pembaca dan membuka jalan kepada pengkaji lain masa hadapan.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis perbezaan qiraat ‘Asyara al-Sughra terhadap tematik ilmu *tanjib al-qiraat* pada *khilaf farsh al-huruf* surah al-A'raf ayat 1-30. Metodologi kajian ini menggunakan analisis kandungan berdasarkan rujukan berikut:

- i. **Kitab Qiraat:** *Taqrib al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr dan Taqrib al-Ma'ani Fi Syarb Hirz al-Amani Fi Qiraat Sab'i*.

- ii. **Kitab Tawjih:** *Qala'id al-Fikr fi Tanjib al-Qiraat al-'Asyar*, *Tholai'u al-Basyar Fi Tanjib al-Qiraat al-'Asyar*, *Kitab Huffatul Qiraat*, *Al-Mughni Fi Tanjib al-Qiraat al-'Asyar al-Mutawatirah* (Jilid 1). Muhammad Salim Mubayin dan Khulasah an-Nazar fi Tanjib al-Qiraat al-'Asyar.
- iii. **Kitab Tafsir:** *Tafsir al-Munir* (Jilid 4), *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 2 dan *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 3. Imam asy-Syaukani.

Tematic Ilmu *Tawjih Al-Qiraat*


Sorotan kajian berkaitan perbahasan ilmu *tanjib al-qiraat* oleh (Hamdi Sultan, 2009; Jamal Abdul Fatah, 2012; Salim Muhsin, 1988; Al-Qaisi, 2007; Muhammad Sadiq Qamhawi, 2006; Ibnu Abi Maryam, 1993) mendapati perbahasan ilmu *tanjib al-qiraat* dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *tawjih usul al-qiraat* dan *tawjih farsh al-huruf* sebagaimana diringkaskan dalam Rajah 2.4 berikut.



Tawjih Usul al-Qiraat

Tanjib usul al-qiraat merujuk kepada perbahasan perbezaan qiraat bab *usul al-qiraat* sebagaimana disusun melalui *matn Toyibah al-Nasyr* oleh Ibn al-Jazari (2006) dan *matn al-shatibiyah* oleh Al-Shatibi (1996). Berpandukan dua *matn* tersebut, terdapat sebanyak 29 bab *usul al-qiraat* yang bermula daripada bab *muqaddimah* sehingga bab *huruf ya' zawaaid*. Perbahasan 29 bab *usul al-qiraat* ini telah diringkaskan kepada 13 perbahasan sebagaimana yang dibincangkan oleh Hamdi Sultan (2009), Jamal Abdul Fatah (2012) dan Salim Muhsin (1988).


Muhammad Umair (2015) menjelaskan kebanyakkan perbahasan *tanjib* pad bab *usul al-qiraat* adalah merujuk kepada bahasa-bahasa pertuturan kabilah Arab tertentu. Manakala Hamdi Sultan (2009), Jamal Abdul Fatah (2012) dan Salim Muhsin (1988) menjelaskan perbahasan *tanjib* pad bab *usul al-qiraat* dapat ditemakan kepada *tanjib al-adha'iyyah* dan *tanjib al-lahjiyyah*. Rajah 2.5 berikut merujuk kepada kategori *tawjih* pada bab *usul al-qiraat*.



Tawjih Farsh al-Huruf

Tanjib farsh al-huruf merujuk kepada perbahasan perbezaan qiraat pada bab *farsh al-huruf* berpandukan *matn Toyibah al-Nasir* oleh Ibn al-Jazari (2006) dan *matn al-shatibiyyah* oleh Al-Shatibi (1996). Berdasarkan dua *matn* tersebut, sebanyak 111 surah dibahaskan bermula daripada surah al-Baqarah sehingga surah al-Nas. Perbahasan *tanjib* pada bab *farsh al-huruf* yang dibincangkan oleh Hamdi Sultan (2009), Jamal Abdul Fattah (2012) dan Salim Muhaisin (1988) dapat dibahagi kepada dua tema utama iaitu *tanjib al-lughawi* dan *tanjib al-dalali*.

Perbahasan *tanjib al-lughawi* pula terdiri daripada tiga tema utama iaitu *tanjib al-nahwiyyah*, *tanjib al-sarfiiyah* dan *tanjib al-balaghiiyah*. Manakala perbahasan *tanjib al-dalali* pula, terdiri kepada empat aspek iaitu aspek pentafsiran, aspek hukum, aspek akidah dan aspek ilmu sains. Rajah 2.6 berikut menunjukkan ringkasan kategori *tanjib* pada bab *farsh al-huruf*.



Rajah 1.3 Tematik Ilmu *Tanjib al-Qiraat*

Kajian *Tawjih Al-Qiraat Farsh Al-Huruf* Surah Al-A'raf ayat 1-30

Berdasarkan kajian dalam surah al-A'raf ayat 1 hingga 30 terdapat *farsy al-Huruf* sebanyak 6 *khilaf* iaitu يَذَّكُرُونَ، تَذَّكَّرُونَ، لِمَلَائِكَةٍ أَسْجَدُوا، تَحْرِجُونَ، يَخْسِبُونَ، خَالِصَةً. Jadual 1.0 berikut menjelaskan perbezaan qiraat berdasarkan tematik ilmu *tanjib al-qiraat*.

Jadual 1.0 Perbezaan Qiraat Berdasarkan Tematik Ilmu *Tanjib Al-Qiraat*

No	Khilaf Qiraat	Imam	Kategori tawjih
1	يَذَّكُرُونَ	Imam Ibn Amir	<i>Tanjib Al-Balaghiiyah</i>
	تَذَّكَّرُونَ	Imam Hafs, Hamzah, Kisaei & Kholaf Al-Asyir	
	تَذَّكَّرُونَ	Baki Qurra'	
2	لِمَلَائِكَةٍ أَسْجَدُوا	Imam Abu Jaafar	<i>Tanjib An-Nahwiyyah</i>

	لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا	Baki Qurra'	
3	تَخْرُجُونَ	Riwayat Ibnu Zakwan, Imam Hamzah, Kisaei, Khalaf Al-Asyir & Yaakub	<i>Tawjih An-Nahwiyyah</i>
	تُخْرُجُونَ	Baki Qurra'	
4	لِيَاسَ	Imam Nafi', Ibn Amir, Kisaei, Abu Jaafar	<i>Tawjih An-Nahwiyyah</i>
	لِيَاسُ	Baki Qurra'	
5	يَخْسِبُونَ	Imam Ibnu Amir, A'sim, Hamzah & Abu Jaa'far	<i>Tawjih Al-lahjiyyah</i>
	يَخْسِبُونَ	Baki Qurra'	
6	حَالِصَةٌ	Imam Nafi'	<i>Tawjih An-Nahwiyyah</i>
	حَالِصَةً	Selain Imam Nafi'	

Jadual 1.0 menjelaskan enam kalimah *farsy al-Huruf* surah al-A'raf ayat 1-30 telah menghasilkan sebanyak tiga tema ilmu *tawjih al-qirā'at* iaitu *tawjih al-balaghijyah*, *tawjih al-nahwiyyah* dan *tawjih al-lahjiyyah*.

PERBINCANGAN ANALISIS *KHILAF FARSY* SURAH AL-A'RAF AYAT 1-30

Berdasarkan hasil kajian surah al-A'raf ini terdapat enam kalimah farsy huruf dan ianya terbahagi kepada dua bahagian iaitu kalimah yang memberi kesan pada makna dan kalimah yang tidak memberi kesan pada makna. Sebanyak empat kalimah *farsy al-Huruf* memberi implikasi terhadap aspek makna, manakala dua kalimah berikutnya tidak memberi implikasi terhadap aspek pentafrilan. Perbahasan secara terperinci adalah seperti berikut.

Kalimah Yang Memberi Kesan Pada Makna

i. Kalimah تَذَكَّرُونَ

Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Ibnu Amir membaca dengan *Ya' Khitab يَتَذَكَّرُونَ*. Bacaan ini adalah berdasarkan mushaf As-syami yang bermaksud “**mereka** iaitu (orang-orang kafir) mengambil sedikit sahaja pengajaran daripada peringatan yang telah diberikan”.

Manakala bacaan Hafs, Hamzah, Kisaei dan Khalaf Al-Asyir membaca dengan tanpa *ya'* *أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ* adalah berdasarkan *khitab* pada ayat sebelumnya iaitu اتَّبَعُو مَا أُنْزَلَ إِلَيْكُمْ yang mana asal perkataan tersebut adalah تَذَكَّرُونَ. *Ta'* pertama telah dibuang bagi meringankan bacaan dan mengelak daripada berkumpulnya dua *ta'*. Bacaan tersebut membawa maksud “**kamu** (orang-orang kafir) mengambil sedikit sahaja peringatan daripada apa yang telah diberi”.

Bagi bacaan ketiga iaitu ٰذَكُرُونَ dengan mengidhamkan *ta'* pada *zul* adalah disebabkan berdekatan pada makhraj dan sifat huruf antara dua huruf tersebut. Bacaan membawa maksud “walaupun berkali-kali telah diberi peringatan, hanya sedikit sahaja kamu (orang-orang kafir) mengambil pengajaran”.

ii. Kalimah ٌخْرُجُونَ

Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan bacaan Ibnu Zakwan, Imam Hamzah, Kisaei, Kholaf Al-Asyir & Yaakub membaca ٌخْرُجُونَ dengan *nasab ta'* dan *dhommah ra'* kerana ia merupakan *mabni* kepada isim *fa'il*. Bacaan ini membawa maksud “mereka telah bangkit dengan sendirinya”.

Manakala bagi bacaan kedua ٌخْرُجُونَ dengan *merafa' ta'* dan *memfathah ra'* kerana ia merupakan *mabni* kepada isim *maf'ul*. Bacaan ini membawa maksud “mereka tidak akan bangkit sehingga Allah yang membangkitkan”.

iii. Kalimah ٍلِبَاسٌ

Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Ibnu ‘Amir dan Al-Kisa’ie membaca ٍلِبَاسٌ dengan *menasab sin*. *Tanjih* bacaan ini berdasarkan *athof* kepada bacaan ٍلِبَاسٌ عَلَيْكُمْ ٍلِبَاسًا. Bacaan ini bermaksud “Allah yang menjadikan taqwa sebagai pakaian”. Manakala bacaan kedua adalah ٍلِبَاسُ الْنَّقْوَى دُلَكَ حَيْرٌ dengan *merafu' sin* kerana ia merupakan *mubtada'* bagi ayat ٍلِبَاسُ الْنَّقْوَى دُلَكَ حَيْرٌ. Bacaan ini membawa maksud “pakaian taqwa itulah yang sebaik-baiknya”.

iv. Kalimah ٌخَالِصَةٌ

Ibn Jazari (2006) dan al- Syatibi (1996) menjelaskan Nafi’ membaca ٌخَالِصَةٌ dengan *merafu' kan ta marbutah* yang menjadi khabar kepada ayat ٌخَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ قُلْ هَيْ لِلّٰذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ. Bacaan ini membawa maksud “Katakanlah bahawa perhiasan itu hanya untuk orang-orang beriman”.

Manakala bagi bacaan ٌخَالِصَةٌ dengan *menasabkan ta marbutah* adalah merupakan hal kepada ayat ٌخَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ قُلْ هَيْ لِلّٰذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ. Bacaan ini membawa maksud “Katakanlah bahawa perhiasan itu disediakan untuk orang-orang yang beriman di dunia, dan untuk mereka di akhirat secara murni”.

Kalimah yang Tidak Memberi Kesan Pada Makna

i. Kalimah **لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا**

Ibn Jazari (2006) dan al- Syatibi (1996) menjelaskan Abu Ja'far membaca dengan mendhommah *ha' Tanith*. *Tawjih* bagi bacaan ini adalah berdasarkan baris *dhommah* pada *jim* dalam kalimah **أَسْجُدُوا** dengan tidak mengambil kira baris *sukun* pada *sin*. Manakala bacaan selain Abu Ja'far membaca **لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا** dengan mengkasrah *ha' tanith* adalah merupakan bacaan asal dan ia merupakan *isim majrur*. Kedua-dua bacaan ini tidak mengubah maksud ayat secara keseluruhan.

ii. Kalimah **وَيَحْسِبُونَ**

Ibn Jazari (2006) dan al- Syatibi (1996) menjelaskan bacaan Ibnu Amir, A'sim, Hamzah dan Abu Ja'far **وَيَحْسِبُونَ** dengan menfatbah *sin* berdasarkan wazan (**عَلَمَ يَعْلَمُ**) dan merupakan asal daripada bahasa Tamim. Manakala bacaan **وَيَحْسِبُونَ** dengan menkasrah *sin* berdasarkan wazan (**وَرِثَ يَرِثُ**) yang berasal daripada bahasa Ahli Hijaz. Namun sebahagian daripada mereka menyatakan bacaan tersebut adalah *shadd*.

iii. Kalimah **خَالِصَةٌ**

Ibn Jazari (2006) dan al- Syatibi (1996) menjelaskan Nafi' membaca **خَالِصَةٌ** dengan meraufkan *ta marbutah* yang menjadi khabar kepada ayat **فَلَمْ يَرِثُ الَّذِينَ ءامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَمَةِ**. Bacaan ini membawa maksud “Katakanlah bahawa perhiasan itu hanya untuk orang-orang beriman”.

Manakala bagi bacaan **خَالِصَةٌ** dengan menasabkan *ta marbutah* adalah merupakan hal kepada ayat **فَلَمْ يَرِثُ الَّذِينَ ءامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَمَةِ**. Bacaan ini membawa maksud “Katakanlah bahawa perhiasan itu disediakan untuk orang-orang yang beriman di dunia, dan untuk mereka di akhirat secara murni.”

KESIMPULAN

Dapatan kajian terhadap enam kalimah *fary al-Huruf* surah al-A'raf ayat 1-30 telah mengeluarkan sebanyak tiga tematik ilmu *tanjib al-qiraat*. Dapatan juga menunjukkan sebanyak empat kalimah *fary al-Huruf* memberi implikasi terhadap aspek pentafsiran dan dua kalimah tidak memberi kesan terhadap pentafsiran. Implikasi kajian ini penting dalam menjelaskan perbezaan qiraat berdasarkan tematik ilmu *tanjib al-qiraat* serta menjelaskan implikasi perbezaan qiraat terhadap aspek pentafsiran. Al-Suyuti (1987) menjelaskan setiap perbezaan bacaan dalam sesebuah ayat sebenarnya membawa kepada saling melengkapi di antara satu sama lain sehingga dapat menghasilkan satu makna yang lengkap dan sempurna. Tambahan pula, kepelbagaiannya qiraat secara langsung tidak merosakkan lafadz dan maknanya, bahkan ianya menyempurnakan lagi percambahan ilmu dan perluasan makna (*tansi'ul ma'na*).

Rujukan

- Muhammad as-Sadiq Qamhawi & Qasim Ahmad ad-Dajwi. (2008). *Qalaid al-Fikr fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar*. Darul Sa'adah.
- Muhammad as-Sadiq Qamhawi. (2006). *Tholai'u al-Basyar Fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar*. Darul Aqidah.
- Imam al-Jalil Abi Zar'ah Abd al-Rahman bin Muhammad bin Zanjalah. (1997). *Kitab Huffatul Qiraat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Salim Muhaysin. (1988). *Al-Mughni Fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar al-Mutawatirah* (Jilid 1), Beirut: Darul Jail.
- Dr. Wahbah az-Zuhaili. (2016). *Tafsir al-Munir* (Jilid 4). Jakarta: Germa Insani.
- Muhammad Syafee Salihin, Mohd Mahfuz & Nor Faezah. (2018), Implikasi Perbezaan Qiraat Terhadap Hukum Fiqh: Kajian Surah At-Taubah Ayat 1-17 Berkaitan Hukum Orang Musyrik Memakmurkan Masjid. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Imam Asy-Syaukani. (2011). *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 2. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Imam Asy-Syaukani. (2011). *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 3. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Sayyid Lasheen Abu al-Farah & Dr. Khalid bin Muhammad al-'Ilmi. (2011). *Taqrib al-Ma'ani Fi Syarah Hirzil Amani Fi Qiraat Sab'i*. Darul Zaman Library.
- Abdurrahman bin Yusuf al-Jamal. *Khulasah an-Nazar fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar*.

BAB 8

ISU DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM PENGAJIAN TAFSIR DI MAAHAD TAHFIZ NEGERI SELANGOR

Mohd Asri Ishak¹, Mohd Norzi Nasir¹, Abi Syafiq Al Hakiem Ab Jabar¹ &
Nik Arwa Atthooyib Nik Mohd Rosli¹

¹Universiti Islam Selangor

Pengenalan

Sebelum abad ke-20, pengajian tafsir telah dijalankan di rumah tuan guru, pondok, masjid dan surau. Kemudian, ia semakin berkembang dengan lebih pesat selepas pertengahan abad ke-20 apabila diajar di sekolah dan madrasah seterusnya di institusi pengajian tinggi. Pembelajaran tafsir terus giat dijalankan di institusi-institusi tersebut dan kini dilaksanakan juga melalui media baharu untuk memberi ilmu dan kefahaman kepada masyarakat mengenai tafsir al-Quran. Seiring perkembangan pengajian tafsir di Malaysia ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran tafsir telah melalui perubahan dan kepelbagaian. Namun, kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu diteliti dengan baik untuk mewujudkan pengajian tafsir yang berkesan. (Nabilah Husna Ikhsan ,Haziyah Hussin, 2023) Perkembangan pengajian tafsir yang rasmi di Malaysia didapati bermula pada pertengahan abad ke-20. Pondok merupakan institusi terawal yang menjalankan pengajian tafsir di Malaysia. Kemudian disusuli masjid yang mengadakan pengajian tafsir secara terbuka kepada masyarakat awam. Setiap masjid kerajaan akan disediakan guru takmir yang mengajar pengajian tafsir (Zalina Binti Ab Majid, 2010) Seterusnya, ia turut dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan sukanan pelajaran tertentu. Secara berperingkat, kurikulum pengajian al-Quran di kedua-dua institusi formal ini ditambah baik mengikut keperluan semasa pelajar (Ismail Awang, 1983).

Pengajian tafsir ialah pengajaran dan pembelajaran untuk memahami makna ayat-ayat al-Quran dengan topik Ulum Quran tertentu sebagai ilmu yang membantu untuk menghayati kandungan al-Quran dengan baik (Haziyah Hussin, & Latifah Abdul Majid., 2013) Pengajian tafsir al-Quran di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang baik dari sudut pelaksanaannya di institusi formal dan bukan formal. Pembelajaran formal ialah pembelajaran bersistem yang mempunyai pendidikan formal bermula prasekolah sehingga pengajian siswazah (Haziyah Hussin, & Latifah Abdul Majid., 2013) Schugurensky, 2000). Ia memiliki kurikulum yang wajib dilaksanakan di bawah persetujuan bersama Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia perlu mempunyai objektif terancang, penilaian, guru yang diperakui serta aktiviti yang diselia kerajaan .Institusi yang menjalankan pembelajaran formal ini ialah sekolah-sekolah serta institusi pengajian tinggi dan dikenali sebagai institusi formal.

Manakala institusi bukan formal pula ialah institusi yang menjalankan program pendidikan di luar sistem pendidikan formal dan kebiasaannya dalam jangka masa pendek dan secara sukarela (Schugurensky, 2000). Bagi pengajian tafsir, institusi formal yang menjalankan pengajian tafsir ialah sekolah dan institusi pengajian tinggi. Manakala institusi bukan formal terdiri daripada pondok, masjid dan pusat pembelajaran umum (Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah., 2020).

Pengajian tafsir di maahad tahfiz adalah komponen penting yang menyokong pendidikan al-Qur'an secara menyeluruh. Maahad tahfiz berfungsi sebagai institusi pendidikan yang memberi penekanan kepada penghafalan al-Qur'an dan juga mendalamai ilmu tafsir untuk memahami

makna dan aplikasi ajaran al-Qur'an. Seiring perkembangan pengajian tafsir ini, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran telah diaplikasikan oleh institusi-institusi di Malaysia. Antara kaedah pengajian tafsir yang dijalankan di institusi bukan formal ialah kaedah tradisional seperti talaqqi dan bacaan teks (Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah, 2021). Selain itu dijalankan juga kaedah tafaqquh, itqan, munazarah dan mujadalah (Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, & Nur Fatihah Zainuddin., 2021). Manakala bagi institusi formal, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ialah mencatat isi penting di atas papan tulis, penyampaian kuliah dan soal jawab selain turut dijalankan inovasi yang menarik minat pelajar seperti aktiviti lakonan, wayang kulit, multimedia, muzik dan *choral speaking* (Norullisza Khosim, Hayati Hussin, & Abdulloh Salaeh. , 2018) (. Selain itu, kaedah pemusatan guru, pelajar dan bahan turut menjadi kaedah penting yang digunakan di institusi formal (Nabilah Husna Ikhsan ,Haziyah Hussin, 2023) Azmil et al., 2018). Oleh itu, kajian ini akan melihat pelaksanaan pengajian tafsir serta apakah isu dan cabaran yang dihadapi dalam perlaksanaan kurikulum pengajian tafsir di Maahad Tahfiz Selangor.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan melalui kajian perpustakaan yang menggunakan pendekatan analisis dokumen bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Menurut (Kamarul Azmi Jasmie, 2012) , kaedah analisis dokumen adalah kaedah untuk mendapatkan maklumat yang relevan daripada bahan bercetak dalam bentuk dokumen. Penyelidik memfokuskan pencarian bahan daripada buku, tesis, jurnal dan artikel. Kajian ini juga menggunakan metode temu bual berstruktur ,temubual dilakukan bagi mendapatkan maklumat terus dari responden melalui kaedah soal jawab bersemuka, dari metode ini juga, fakta dan maklumat yang terdapat dalam kajian ini dapat dihuraikan secara jelas sekaligus memudahkan proses dapatan data. Dalam temubual ini beberapa soalan telah disusun untuk dikemukakan kepada responden. Seramai 9 orang guru dari 5 buah maaahad tahfiz di Selangor telah ditemubual bagi kami mendapatkan maklumat bagi isu dan cabaran dalam perlaksanaan kurikulum pengajian tafsir di maahad tahfiz Selangor.

Dapatan Kajian

Dalam dapatan temubual yang dilakukan keatas 9 orang guru yang mengajar Subjek Tafsir di 5 buah maahad tahfiz Selangor yang berlainan „terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi dalam perlaksanaan kurikulum pengajian tafsir adalah seperti berikut:

a. Tenaga pengajar yang tidak takhasus dalam bidang tafsir .

Dalam temubual yang dilakukan keatas 9 orang guru yang mengajar Subjek Tafsir kami dapati kesemua mereka bukan takhasus dalam bidang tafsir. Ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada perlaksanaan kurikulum pengajian tafsir yang berjaya. Menurut (Banu Ramanan, Dr Muazam Muhamad, 2018) Guru yang mengajar subjek yang bukan daripada bidang kepakaran akan menghadapi masalah untuk mengajar dalam bilik darjah. Guru tersebut akan menghadapi masalah dan memberi kesan kepada kualiti pendidikan . Guru-guru yang mengajar subjek luar bidang menggunakan kaedah tradisional iaitu membacakan buku teks sedangkan kerajaan sedang bergiat menyeru guru-guru menggunakan pembelajaran abad ke-21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran .Selain itu, guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam subjek yang diajar didapati kurang efikasi kendiri. Mereka yang kurang bermotivasi akan menghindarkan diri daripada menjawab soalan-soalan murid berkenaan dengan isi kandungan subjek.

Dalam perlaksanaan pembelajaran tafsir, guru yang takhsus sangat perlu ini bagi memastikan para pelajar dapat menguasai dan memahami ilmu tersebut .Dalam kajian yang dilakukan oleh (Azmil Hashim, Nazirul Izzati Ani & Mohd Marzuqi Abdul Rahim, 2018) Guru Pendidikan Islam juga dilihat tidak memberi penekanan kepada aspek menterjemah ayat kefahaman Tilawah al-Quran. Keadaan ini menjauhkan lagi pelajar daripada terus memahami kandungan al-Quran. Ini dibuktikan melalui kajian (MisnanJemali, 2008), dapatan kajiannya menunjukkan penekanan kemahiran menterjemah ayat al-Quran di kalangan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran, menunjukkan hanya seramai 15.4% daripada responden pelajar menyatakan guru kerap mengajar kemahiran menterjemah ayat al-Quran dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kemahiran menterjemah ayat al-Quran dalam Tilawah al-Quran berada pada tahap yang sangat rendah di mana kemahiran ini tidak diberi penekanan yang sewajarnya oleh guru. Dapatan kajian ini menjelaskan kepada kita bahawa guru tidak menjadi agen yang efektif dalam pengajaran ayat-ayat kefahaman al-Quran dalam mencapai matlamat pendidikan Islam itu sendiri. Perkara ini boleh terjadi bila mana guru tidak mengusai subjek yang diajar oleh kerana dia bukan takhasus pada bidang tersebut .

b. Murid yang tidak menguasai Bahasa Arab.

Dalam temubual yang dilakukan,terhadap guru-guru yang mengajar subjek tafsir di maahad tahfiz Selangor. Jadual berikut adalah jawapan yang diberikan oleh guru-guru tersebut.

Jadual 1 : Kemampuan pelajar dalam menguasai subjek tafsir

Maahad Tahfiz Miftahul Ulum	Tiada masalah dari segi kemampuan kerana dilatih untuk membuat persediaan. Perlu ada 3 asas yang pelajar perlu buat. Pertama, pelajar mesti mutolaah terlebih dahulu dan membuat rujukan awal supaya ada persediaan untuk membaca kitab, cari terjemahan dan membuka kamus. Kedua, proses bacaan di dalam kelas. Ketiga, proses muzakarah bersama guru. Pelajar perlu mantap ilmu asas nahu dan sorof mengikut peringkat daripada kelas bawah. Jika pelajar tidak melepas tahap, pelajar tidak boleh naik ke kelas seterusnya. Jadi, apabila sampai ke kelas lima pelajar boleh ikut dan sudah ada kemampuan isti'dad untuk membaca kitab. (min 43:04) Pelajar belajar menterjemahkan al-Quran di kelas terlebih dahulu sebelum memasuki kelas pengajian Tafsir Jalalain. Ada 2 orang ustaz yang mengajar, 1 ustaz ambil 15 juzuk untuk meminta pelajar khatam. Daripada situ pelajar mula untuk terjemah al-Quran, syarah ringkas dan belajar mengenal ayat al-Quran secara ijmal. Kemudian apabila naik ke tahun 4, baru pelajar mula belajar tafsir. (min 49:03)
Maahad Ihya' Ahmadi Sungai Kelambu Banting	Tidak mampu (min 12:03)
MTS Istana Bandar Kuala Langat	Tidak mampu. Pembelajaran sekarang hanya mengikut DSKP Sahaja.

Maahad Tahfiz At-Tayyibah	Bergantung kepada pelajar. 60 % pelajar mampu menguasai mencapai tujuan yang pihak sekolah tetapkan. 60 % mengikut tahap umur pelajar (min 17:12)
Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Sabak Bernam	In Sya Allah

Ketidakmampuan pelajar menguasai ilmu tafsir adalah kerana kelemahan mereka dalam menguasai Bahasa Arab. Seperti yang diketahui penguasaan Bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang ingin menguasai ilmu tafsir oleh kerana kebanyakkan rujukan kitab-kitab tafsir adalah dalam bahasa Arab.

Jadual dibawah adalah jawapan yang diberikan oleh guru-guru berkaitan apakah masalah dan kekangan pelajar dalam menguasai ilmu tafsir.

Jadual 2: Masalah dan kekangan pelajar dalam menguasai subjek tafsir

Maahad Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU) Hulu Langat	Kekangan pelajar: Kurang memahami tentang mafhum mukhalafah tafsir
Maahad Ihya' Ahmadi Sungai Kelambu Banting	Kekangan pelajar: Pengurangan kosa kata bahasa Arab dan masa yang tidak mencukupi (min 12:26)
MTS Istana Bandar Kuala Langat	Kekangan pelajar: Pengurangan kosa kata bahasa Arab dan peruntukan masa yang singkat
Maahad Tahfiz At-Tayyibah	Kekangan pelajar: Penguasaan bahasa Arab (min 18:44) Kekangan guru: Tiada masalah
Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Sabak Bernam	Tatabahasa & qawaaid Bahasa Arab

Dari jadual di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa tidak menguasai Bahasa Arab merupakan isu dan cabaran dalam perlaksanaan pembelajaran ilmu tafsir di mahaad tafhiz Selangor.

Menurut (Dodego, Februari 2022) pentingnya penguasaan bahasa Arab bagi seorang guru agama Islam dalam pembelajaran pendidikan agama Islam. Sebab, dengan penguasaan ilmu alat (bahasa Arab) yang baik maka sangat membantu proses pembelajaran antara guru dan siswa di sekolah. Dengan kemampuan bahasa Arab yang mampan diharapkan mempermudah proses pembelajaran dan interaksi di sekolah dan juga diharapkan dapat mencapai tujuan pendidikan Islam yakni menciptakan karakter siswa yang baik, beriman, bertakwa, beramal shaleh dan menggapai keridhaan-Nya. Dalam kesimpulan yang dilakukan oleh (Dodego, Februari 2022) pada penulisannya ; pentingnya penguasaan bahasa Arab dalam pembelajaran pendidikan agama Islam adalah sebagai berikut: *pertama* bahasa Arab memiliki peranan sebagai bahasa Al-Qur'an dalam agama Islam. Hal ini terbukti bahwa dengan setiap umat Islam membaca Al-Qur'an hadis Nabi berbahasa Arab. Oleh karena itu, bahasa Arab menjadi alat yang sangat penting ketika membaca, memahami dan mengamalkan Al-Qur'an dan ajaran Islam yang lain. *Kedua*, pentingnya menguasai bahasa Arab karena bahasa Arab adalah bahasa yang selalu hidup dan mampu

mempertahankan, memelihara dan selalu berkembang sesuai dengan perkembangan zaman dan agama Islam. Ketiga, pentingnya menguasai bahasa Arab karena sebagai bahasa internasional.

c. Peruntukan masa yang tidak mencukupi .

Untuk mengusai sesuatu ilmu dan bidang ,peruntukan masa yang diperuntukan untuk sesi pembelajaran sangat penting. Peruntukan masa yang tidak mencukupi akan mengganggu penguasaan dan pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek.Dalam Panduan Pelaksanaan Jadual Waktu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah yang dikeluarkan oleh KPM jadual waktu PdPR merangkumi peruntukan masa Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan tutorial yang dilaksanakan dalam tempoh seminggu persekolahan. Penyediaan jadual waktu PdPR perlu dirancang dengan teliti berdasarkan matlamat dan keperluan khusus mata pelajaran agar murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat yang seterusnya.

Berikut adalah jadual berkaitan masa yang diperuntukan untuk perlaksanaan pdp bagi subjek tafsir di 5 buah maahad tahfiz Selangor dalam seminggu.

Jadual 3: Peruntukan masa pengajaran

Maahad Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU)	Satu masa tu 40 minit setiap hari kita mengajar 5 hari. (min 22:53)
Maahad Ihya' Ahmadi Sungai Kelambu Banting	1 jam 30 minit (min 8:30)
MITS Istana Bandar Kuala Langat	2 masa seminggu bagi tingkatan 1 dan 5 masa seminggu bagi tingkatan 4
Maahad Tahfiz At-Tayyibah	Sepatutnya 2 kali (min 11:48). 1 sesi 45 minit. 1 jam setengah (min 11:51)
Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Sabak Bernam	2 masa (turath) & 5 masa (tafsir)

Dalam satu kajian yang dijalankan berkaitan Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia kesimpulan yang dibuat oleh penulis menyatakan antara permasalahan yang permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran ilmu hadith dijalankan ialah. tempoh masa mengajar yang ditetapkan tidak mencukupi. (Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin & Mohd Akil Muhammed Ali, 2017).ini juga terjadi pada pembelajaran ilmu tafsir dan juga ilmu-ilmu pengajian Islam yang lain.

d. Silibus dan bahan rujukan yang tidak selari.

Setelah dilakukan temubual bersama guru-guru yang mengajar subjek tafsir kami dapati setiap maahad tahfiz menggunakan silibus dan bahan rujukan yang berbeza untuk perlaksanaan pembelajaran tafsir di mahaad tahfiz masing-masing.

Berikut adalah silibus yang diguna pakai oleh maahad-maahad tahfiz yang kami teliti.

Jadual 4 : Silibus pengajian yang diguna pakai

Maahad Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU)	Menggunakan sistem nizhom daripada Sri Petaling. Maklumat dan rekod silibus kitab yang digunakan didaftarkan di bawan JAIS. (min 33:58)
------------------------------------	---

Maahad Ihya' Ahmadi Sungai Kelambu Banting	Guru akan menggunakan sumber pengajaran yang disediakan oleh pihak KPM (min 11:44)
MTS Istana Bandar Kuala Langat	Kurikulum Bersepadu Dini (dini semakan) dan buku Teks Tafsir Terbitan Jabatan Islam Selangor
Maahad Tahfiz At-Tayyibah	Menggunakan silibus yang disusun oleh pihak maahad .
Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Sabak Bernam	Turath (smatd) & turath (suua)

Manakala bahan rujukan yang diguna pakai untuk perlaksanaan pembelajaran juga berbeza,bagi Maahad Tahfiz Ihya,' Ahmadi, MITS Sabak Bernam dan MITS Kuala Langat kitab rujukan yang menjadi sumber utama proses pdp adalah buku yang disusun oleh pihak JAIS , bagi Maaahad Tahfiz Tayyibah mereka menggunakan kitab susunan mereka sendiri ,manakala bagi Maahad Tahfiz Miftahul Ulum mereka menggunakan kitab Tafsir Jalalain sebagai sumber utama pengajaran tafsir kerana ringkas dan padat (min 33:10).

Penggunaan silibus dan bahan rujukan yang tidak selari dari maahad-maahad tahfiz yang ada di Selangor adalah antara cabaran dalam perlaksanaan kurikulum pengajian tafsir di maahad tahfiz Selangor. Silibus dan rujukan yang berbeza menyebabkan penghasilan maklumat yang tidak sekata diantara pelajar-pelajar tahfiz di Negeri Selangor.

Kesan silibus yang tidak seragam dalam pembelajaran boleh memberikan beberapa impak negatif terhadap pengalaman pendidikan pelajar, antaranya:

- i. **Ketidakseimbangan Pengetahuan:** Pelajar mungkin tidak mendapat pengetahuan yang konsisten di seluruh negara atau kawasan, menyebabkan jurang dalam pemahaman asas yang penting untuk pelajaran lanjutan.
- ii. **Kepelbagaiannya Kualiti Pengajaran:** Dengan silibus yang tidak seragam, kualiti pengajaran boleh bervariasi. Sesetengah guru mungkin mempunyai lebih banyak sumber atau latihan berbanding yang lain, menyebabkan perbezaan dalam tahap pemahaman pelajar.
- iii. **Kesukaran dalam Penilaian dan Pengiktirafan:** Kesukaran dalam menilai dan mengiktiraf pencapaian pelajar dari pelbagai kawasan jika silibusnya berbeza, boleh menyulitkan proses pengambilan pelajar untuk institusi pendidikan tinggi atau pekerjaan.
- iv. **Pengaruh Terhadap Kesediaan Kerjaya:** Jika pelajar memindahkan sekolah atau berpindah ke kawasan dengan silibus yang berbeza, mereka mungkin menghadapi kesukaran dalam penyesuaian dan boleh kehilangan pengetahuan penting yang diperlukan untuk kerjaya masa depan.
- v. **Ketidaksamaan Peluang:** Pelajar dari kawasan dengan silibus yang lebih kaya dan komprehensif mungkin mempunyai kelebihan berbanding pelajar dari kawasan dengan silibus yang kurang lengkap, mencipta ketidaksamaan dalam peluang pendidikan dan pekerjaan.
- vi. **Kekeliruan dalam Kurikulum:** Ketidakteraturan dalam silibus boleh menyebabkan kekeliruan dalam penyampaian kurikulum, yang boleh mempengaruhi pemahaman pelajar tentang subjek secara keseluruhan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya untuk menangani cabaran dan permasalahan dalam pembelajaran tafsir, beberapa langkah boleh diambil untuk memastikan proses tersebut lebih berkesan dan bermakna. Guru dan tenaga pengajar tafsir perlu diberi latihan yang berterusan untuk memahami metodologi tafsir yang terkini dan dapat menyampaikan ilmu dengan cara yang jelas dan berkesan. Ini termasuk memahami konteks sejarah, bahasa, dan ilmu-ilmu berkaitan. Kurikulum tafsir perlu dibangunkan secara sistematis dan menyeluruh, dengan menekankan pendekatan yang bersepadu, agar pelajar dapat memahami tafsir dengan lebih mendalam dan luas. Penggunaan bahan rujukan yang sahih dan diiktiraf, termasuk karya-karya klasik dan moden dalam bidang tafsir, untuk memberikan pemahaman yang lebih baik tentang teks. Ini termasuk penerjemahan yang tepat dan penjelasan yang menyeluruh. Pelajar perlu menguasai dan menguatkan kemahiran bahasa Arab, kerana banyak tafsir bergantung pada pemahaman mendalam bahasa tersebut. Ini termasuk latihan dalam tata bahasa, sintaksis, dan gaya bahasa Arab klasik. Dengan pendekatan-pendekatan ini, cabaran dalam pembelajaran tafsir dapat ditangani dengan lebih berkesan, memastikan pelajar mendapat pemahaman yang mendalam dan praktikal tentang tafsir Al-Qur'an.

Rujukan

- Azmil Hashim, Nazirul Izzati Ani & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2018). Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 10(2), 1-9.
- Bunu Ramanan, Dr Muazam Muhamad. (2018). Kompetensi Guru Luar Bidang Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFEd*, (pp. 395-412).
- Dodego, S. H. (Februari 2022). Pentingnya Penguasaan Bahasa Arab Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Pendidikan, Sosial dan Humaniora*, 55-70.
- Haziyah Hussin, & Latifah Abdul Majid. (2013). Early Development of Quranic Exegesis in Malaysia. In *International Journal of Asian Social Science* (Vol. 3, Issue 8).
- Ismail Awang. (1983). *Pengajian dan Pengajaran al-Quran di Kelantan Selepas Merdeka*.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin & Mohd Akil Muhamed Ali. (2017). Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. *Jurnal al-Turath*, 10-19.
- MisnanJemali. (2008). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah Menengah. Tesis Pendidikan (Tidak diterbitkan).
- Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah. (2021). Pengajian Tafsir Al-Quran Di Masjid Negeri Johor Dalam Membentuk Peribadi Umat Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 394–407.
- Mohammad Haziq Mohd Isnin, & Abdul Hafiz Abdullah. (2020). Pendidikan Pondok Sebagai Sebuah Institusi Pengajaran Tafsir al-Quran di Negeri Johor. In Baharom Kassim, Mustaffa Abdullah, Abd. Karim Ali, & Nor 'Azzah Kamri (Eds.), *Pemberdayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*. Persatuan Ulama' Malaysia.
- Nabilah Husna Ikhsan ,Haziyah Hussin. (2023). Kaedah Pengajian Tafsir Al-Quran Di Malaysia: Sorotan Literatur Dari 2018-2023. *Jurnal Pengajian Islam*, 168-181.
- Norullisza Khosim, Hayati Hussin, & Abdulloh Salaeh. . (2018). Lima Bentuk Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Journal of Fatwa Management and Research*, 645–659.

Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, & Nur Fatihah Zainuddin. (2021). Metode Pengajian Tafsir Al-Quran Institusi Pondok Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*14 (Special Issue),, 50–58.

Zalina Binti Ab Majid. (2010). Keberkesanan Pengajian Tafsir dalam Kelas Takmir di Masjid Daerah Alor Gajah Melaka. [Disertasi Sarjana Pengajian Islam]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAB 9

TAHAP PRESTASI PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ DI MALAYSIA: SATU KAJIAN HALA TUJU PELAJAR

Khairul Azhar Abdul Aziz¹ & Mohd Dininazmi Sabri²

¹Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak

²Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam, Negeri Perak

Pengenalan

Pengajian Al-Qur'an di Malaysia telah bermula sejak abad ke-15 lagi dengan penerapan pengajian asas dalam Islam antaranya mempelajari penulisan huruf Al-Qur'an seperti tulisan jawi, asas Rukun Iman dan Rukun Islam. Pendidikan asas Islam juga telah berkembang dari semasa ke semasa dengan berlakunya penghijrahan golongan para ulama dan pendakwah Islam dari Timur Tengah ke Alam Melayu. Seiring dengan perkembangan positif pendidikan Al-Quran, pusat pengajian Al-Qur'an semakin bertambah telah dan beroperasi di beberapa buah masjid, surau dan istana. Pengajian al-Quran secara tradisi juga terus berevolusi sehingga tertubuhnya institusi pondok di beberapa buah negeri terutamanya di bahagian Timur dan Utara semenanjung.

Menghafal al-Quran merupakan amalan tradisi umat Islam sejak era Rasulullah SAW. Ia amat digalakkan dalam Islam dan penghafal al-Quran diberi ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Menghafal al-Quran yang menjadi budaya masyarakat Islam di Malaysia selari dengan era dakwah Islam di alam Melayu. Menghafal surah al-Fatihah menjadi kewajipan setiap Muslim sebagai keabsahan solat dengan diiringi hafalan surah pendek dalam menyempurnakan ibadat solat. Justeru, pengajian al-Quran dari aspek tajwid dan hafalan menjadi budaya dalam masyarakat Islam di Nusantara secara umumnya. Antara pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh tuan guru adalah Feqah, Tilawah, Tasawuf, Tafsir, Hadis, serta adab-adab dalam pergaularan sehari-hari.

Setiap pendidikan yang berlangsung sama ada daripada guru al-Quran di kampung, golongan ulama dan pendakwah, serta tuan guru tidak terpisah daripada menghafaz sekurang-kurangnya surah al-Fatihah. Surah al-Fatihah diajar kepada masyarakat kerana surah ini sebagai asas dalam mengerjakan solat. Namun demikian, pendidikan tahfiz al-Quran bukan menjadi pendidikan teras, sebaliknya hanya sebahagian daripada intipati pelajaran. Lazimnya pendidikan tahfiz dijalankan secara individu dan tidak rasmi. Kaedah mengajar yang digunakan adalah berdasarkan pengalaman guru al-Quran.

Objektif

Kajian ini adalah untuk bertujuan untuk meneroka sejarah pusat pengajian tahfiz di Malaysia secara umumnya dan pusat pengajian tahfiz yang terdapat di Negeri Perak khususnya serta menilai hala tuju pelajar pusat pengajian tahfiz di Negeri Perak.

Perkembangan Pengajian Tahfiz di Malaysia

Pengajian tafsir Al-Quran adalah salah satu perkara penting yang membawa kepada perkembangan pendidikan tafsir al-Quran. Ini adalah berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan bahawa bidang tafsir merupakan bidang pengajian al-Quran yang terawal berkembang di Tanah Melayu. Pengajian ini dikesan berbentuk lisan dan tidak bertulis sebelum kurun ke-16. Sejarah ini adalah berdasarkan kepada catatan yang menunjukkan bahawa ulama-ulama di Nusantara yang lahir selepas kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu seawal abad ke-7 Masihi.

Berdasarkan perkembangan bidang tafsir yang semakin meluas di Negara ini, maka terdapat pengkaji menjelaskan bahawa pengajian tafsir Quran secara spesifik dimulakan pertama kali di Malaya pada akhir abad ke-17 dengan diajar di pondok-pondok pengajian. Sistem pendidikan baru ini berkembang pesat pada pertengahan abad ke-19, terutama di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Perak dan Kedah yang diajar daripada ulama'-ulama' tempatan.

Umat Islam saban hari telah menyedari akan keberkesanan, kebaikan dan martabat orang-orang yang menghafal Al-Quran. Perkara ini telah mendorong ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka ke sekolah aliran tafsir. Bagi mereka, sistem pengajian tafsir yang memiliki dwi sistem iaitu sistem akademik dan sistem keagamaan atau hafalan Al-Quran adalah setanding dengan kehendak pasaran global.

Pendidikan Tahfiz Negara telah dilaksanakan dengan lebih sistematik, tersusun dan bersifat formal. Ini dapat dilihat dengan penubuhan beberapa buah institusi tafsir di peringkat negeri seperti di Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1979, manakala di negeri Perak, Selangor, Terengganu, Perlis dan Kedah pada tahun 1980-an. Seterusnya di Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah dilaksanakan pada awal 1990-an, manakala Pulau Pinang dan Johor pada tahun 1996.

Kebanyakan institusi tafsir di Negara ini bernaung di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta. Institusi tafsir di bawah kelolaan kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan mahupun negeri, hanya membuat pengambilan pelajar di peringkat tinggi terutamanya pelajar lepasan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) dan mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Ini adalah kerana pihak kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad dalam menawarkan biasiswa kepada para pelajar yang ingin menyambung pengajian sebagai para huffaz kelak.

Sejarah Pusat Pengajian Tahfiz Negeri Perak

Pendidikan Tahfiz di negeri Perak telah berkembang dari semasa ke semasa. Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang juga mempunyai sejarahnya tersendiri dalam Pendidikan Islam. Pendidikan Islam di negeri ini juga merupakan salah satu sejarah pendidikan Islam yang begitu lama tertubuh di Tanah Melayu iaitu seawal tahun 1917 lagi. Pertubuhan Komuniti Quran Perak telah ditubuhkan seawal tahun 1917 dengan dipengerusikan oleh Sultan Iskandar Shah Ibni al-Marhum Sultan Idris Ramatullah Shah yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu. Pertubuhan komuniti ini bukan sahaja mengawal dan memantau pengajaran agama Islam di Perak malah semua perkara yang berkaitan dengan penerbitan kitab dan buku agam serta tauliah mengajar agama di negeri ini.

Banyak pusat pengajian agama Islam dan pusat pengajian tafsir yang ditubuhkan, terdapat juga maahad atau pusat pengajian tafsir yang ditubuhkan secara persendirian memberi kesan kepada perkembangan tafsir di negeri Perak seperti Maahad Tafsir ad-Din, Maahad Tafsir al-Qur'an Wal Qiraat Negeri Perak dan Sekolah Menengah Tafsir Darul Ridzuan (SMTDR). Ini merupakan satu perkembangan yang amat baik kepada pertumbuhan pusat pengajian tafsir di negeri Perak serta merupakan negeri terawal yang membiayai pengajian tafsir sepenuhnya sebelum diikuti oleh negeri-negeri lain di Negara ini.

Kerajaan Negeri Perak juga begitu komited dalam terhadap pusat pengajian tafsir di negeri ini antaranya:

i. **Maahad Tafsir al-Qur'an Wal Qiraat Negeri Perak**

Maahad Tafsir al-Qur'an Wal Qiraat Negeri Perak ini merupakan pusat pengajian tafsir tertua di negeri ini. Maahad Tafsir al-Qur'an Wal Qiraat Negeri Perak mula ditubuhkan pada 14 September 1985 dalam bentuk kursus sepenuh masa dengan mempunyai bilangan penuntut seramai 10 orang. Ini adalah satu langkah daripada kerajaan negeri dengan mengambil langkah awal dalam menubuhkan sendiri Maahad Tafsir Negeri pada tahun tersebut yang seterusnya mendapat kelulusan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 9 Julai 1986. Kursus yang ditawarkan di Maahad Tafsir Wal Qiraat Negeri Perak pada permulaannya bertaraf sebagai kursus percubaan. Kursus pengajian tafsir tersebut telah dikelolakan oleh Imam Besar Masjid Sultan Idris Shah II atau dikenali sebagai Masjid Negeri iaitu Syeikh Mohamah Nor bin Mansor al-Hafiz. Beliau telah dibantu oleh dua orang tenaga pengajar (pensyarah) dalam bidang tafsir dan bidang Akademik Islam.

Maahad tafsir ini pada awalnya beroperasi di bangunan asrama Masjid India Muslim, Jalan Dr. Seenivasagam Ipoh yang bertahan selama dua tahun. Selepas itu, penuntut-penuntut tafsir telah dipindahkan ke asrama rumah kerajaan di Jalan Koo Chu Kong sementara pengajiannya pula diadakan dia Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri) yang sebahagian penuntutnya ditempatkan di rumah Imam Masjid Negeri. Kini Maahad Tafsir al-Qur'an Wal Qiraat Negeri Perak yang telah beroperasi sejak tahun 1985 telah menerima penuntut dalam kalangan lelaki dan perempuan iaitu pada awalnya menerima pelajar lelaki sahaja (1985-2014) seterusnya menerima penuntut perempuan bermula tahun 2015 sehingga kini.

ii. **Sekolah Menengah Tafsir Darul Ridzuan (SMTDR)**

Sekolah Menengah Tafsir Darul Ridzuan (SMTDR) merupakan Sekolah Menengah Tafsir yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak. Penubuhan sekolah ini adalah ilham dan hasrat Kerajaan Negeri Perak untuk memberi Pendidikan yang seimbang dari segi dunia ni dan ukhwawi. Penubuhan sekolah ini juga adalah kesinambungan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dalam mesyuaratnya bertarikh 23 Mac 2009 yang telah bersetuju meminta agar Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) menyediakan kertas cadangan bagi mewujudkan maahad tafsir di setiap daerah yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Perak. Kerajaan negeri juga memutuskan pelaksanaan satu daerah satu sekolah tafsir yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Penubuhan awal sekolah ini adalah dengan menubuhkan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Manjung pada tahun 2010 dengan bilangan penuntut seramai 30 orang diterima bagi kemasukan pertama ini. Kemudian diikuti penubuhan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang (2012), Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Kuala Kangsar (2012), Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Lenggong (2012), Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Kerian (2012) dengan jumlah seramai 120 orang pelajar bagi keempat-empat sekolah tahfiz tersebut dan terkini penubuhan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Tambun (2023) juga dengan pengambilan pertama seramai 30 orang pelajar.

iii. **Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN Negeri Perak**

Maahad tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN Negeri Perak merupakan pusat pengajian Tahfiz swasta berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dan dibawah pentadbiran oleh Yayasan ADDIN yang dikenali sebagai MTQ ADDIN. Hasil perbincangan antara Penghulu Mukim daerah Kampar iaitu Tuan Haji Abdullah bin Mat Hasim bersama Imam Besar Masjid Negeri Perak, Dato' Syeikh Mohamah Nor Mansor al-Hafiz pada 17 Disember 1993 yang telah memutuskan untuk mengambil alih projek Sekolah Agama Rakyat Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar, Perak yang terbengkalai dan dimajukan sebagai maahad tahfiz swasta berasrama penuh kepada sekolah berdasarkan kebijakan. MTQ ADDIN pertama terletak di atas sebidang tanah wakaf Yang Dipertua Majlis Agama Islam Perak yang mempunyai dua buah bangunan yang telah siap dibina.

Pengambilan pelajar pertama adalah pada tahun 1994 dengan bilangan pelajar seramai 10 orang pelajar. MTQ ADDIN pertama dikelolakan Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Perak sebelum diambil alih dan dikendalikan oleh Yayasan ADDIN yang dipengerusikan oleh Dato' Syeikh Mohamah Nor Mansor al-Hafiz. Bermula tahun 2000, Yayasan ADDIN memperkenalkan dasar Satu Keluarga Satu Tahfiz dan membuka peluang kepada masyarakat dalam mengembangkan lagi institusi tahfiz di negeri ini. Sehingga kini, terdapat sejumlah 23 cawangan MTQ ADDIN dan salah satunya terletak di luar Negeri Perak iaitu di Semenyih, Selangor.


Antara cawangan MTQ ADDIN di Negeri Perak ialah Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Kg. Tualang Sekah yang ditubuhkan pada tahun 1994. Seterusnya, Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Hutan Melintang (2000), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Parit (2001), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Manong (2001), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Tapah (2002), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Pengkalan Hulu (2005), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Padang Rengas (2007), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Tambun (2008), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Parit (2011), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Manjoi (2012), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Persekutuan Seruan Islam Perak (2012), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Ayer Tawar (2014), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Padang Rengas (2014), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Sitiawan (2014), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Slim River (2015), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Batu gajah (2015), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Batu Kurau (2018), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Lekir, Sitiawan (2018), Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Hutan Melintang (2018) dan Maahad Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat ADDIN Air Kuning (2019).

Dapatan Kajian

Berdasarkan data kajian yang dijalankan terhadap 25 orang pelajar tahfiz di seluruh Negeri Perak sama ada Maahad tahfiz swasta mahupun di bawah kelolaan kerajaan Negeri. Kajian ini dilakukan terhadap para pelajar yang telah menamatkan pengajian antara tahun 2020 sehingga tahun 2024. Soal selidik ini diambil daripada kalangan pelajar khususnya pelajar tahfiz daripada Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), Maahad Tahfiz Al-Munir, SABK Maahad Tahfiz Al-Qur'an dan Akademik BAKIP (MATAQAB) dan Maahad Tahfiz Al-Qur'an ADDIN, terdapat beberapa tema yang diperoleh berdasarkan persoalan kajian. Berdasarkan hasil soal selidik yang dijalankan, sebanyak 44 peratus (11 pelajar) maklum balas daripada pelajar perempuan dan 56 peratus (14 pelajar) daripada pelajar lelaki. Antara soal selidik yang dijalankan adalah seperti berikut:

i. Bilangan juzuk yang dihafal oleh para pelajar.

Soal selidik yang dijalankan adalah dengan mengambil kira bilangan juzuk yang dihafal oleh para pelajar sekurang-kurangnya selepas tamat pengajian Sijil Persekolah Malaysia (SPM) di sesebuah pusat pengajian tahfiz mereka. Berikut adalah pecahan peratusan berdasarkan kajian yang telah dibuat:




Berdasarkan carta graf di atas, ini menunjukkan bahawa sebanyak 68 peratus pelajar telah menamatkan pengajian dengan menghafal 30 juzuk al-Qur'an. Bilangan pelajar yang menghafal sebanyak 1-5 juzuk adalah sebanyak lapan peratus (8%), 6-10 juzuk sebanyak empat peratus (4%), 11-20 juzuk sebanyak 16 peratus (16%) dan 21-29 juzuk adalah sebanyak empat peratus (4%).

Kesemua pelajar tersebut juga telah menamatkan pengajian Sijil Persekolah Malaysia (SPM) di pusat pengajian masing-masing sama ada mengambil SPM di sekolah tersebut mahupun menumpang di sekolah-sekolah terdekat untuk menduduki peperiksaan SPM. Ini menunjukkan bahawa walaupun pusat pengajian tahfiz

mengutamakan hafazan al-Qur'an dalam kehidupan para pelajar, pengurusan juga tetap memberi keutamaan kepada para pelajar untuk mempelajari subjek akademik agar sentiasa seimbang antara ilmu dunia dan akhirat.

ii. Hala tuju para pelajar selepas tamat pengajian.

Kajian soal selidik juga dilakukan terhadap para pelajar tahfiz dengan menyelidik hala tuju para pelajar selepas tamat pengajian Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) di pusat pengajian tahfiz masing-masing. Berikut adalah peratusan bilangan pelajar yang membuat keputusan sama ada sambung belajar mahupun bekerja selepas tamat pengajian di peringkat sekolah mahupun maahad tahfiz:




Berdasarkan hasil kajian yang dibuat, bilangan pelajar yang menyambung pengajian selepas tamat Sijil Persekolahan Malaysia adalah sebanyak 92 peratus (92%) manakala yang bekerja sejurus tamat belajar adalah sebanyak lapan peratus (8%). Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar berminat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi selain sentiasa memelihara hafazan al-Qur'an dalam diri.

Kebanyakan pelajar menyambung pengajian ke peringkat sehingga ke peringkat Asasi iaitu sebanyak 12 peratus (12%), peringkat Diploma iaitu sebanyak 60 peratus (60%) dan peringkat Ijazah sebanyak 28 peratus (28%). Ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya para pelajar telah menghabiskan pengajian di peringkat diploma yang akan menjamin masa depan mereka apatah lagi di peringkat yang lebih tinggi.

iii. Sasaran pelajar menyambung pengajian di pusat pengajian tinggi

Para pelajar juga telah mengambil keputusan untuk menyambung pengajian di beberapa buah institusi pengajian tinggi sama ada di Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mahupun institusi

pengajian tinggi di luar negara. Berikut adalah bilangan peratusan pelajar yang menyambung pengajian di beberapa buah institusi pengajian tinggi:



Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, data menunjukkan bahawa peratusan para pelajar memilih untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi tempata berbanding luar negara. Sebanyak 4 peratus (4%) pelajar memilih menyambung pengajian di luar Negara iaitu di Institut Agama Islam negeri Sumatera Utara Medan, Indonesia. Manakala para pelajar yang menyambung pengajian di dalam Negara sebanyak 96 peratus (96%) antaranya di Universiti Awam sebanyak 35 peratus (35%) seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Para pelajar memilih untuk menyambung di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah sebanyak 4 peratus (4%) antaranya adalah di Politeknik-politeknik seluruh Malaysia. Manakala pemilihan Institusi pengajian Tinggi Swasta (IPTS) oleh para pelajar sejurus tamat pengajian di peringkat Sijil persekolahan Malaysia (SPM) adalah paling tinggi iaitu sebanyak 57 peratus (57%) antaranya di Kolej Poly-Tech MARA (KP'TM), Institusi Kemahiran MARA (IKM), Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan Intra International College (IIC). Begitu juga pemilihan Darul Qur'an (DQ) sebagai tempat menyambung pengajian di kalangan para pelajar yang merupakan Institusi Pengajian Tinggi Tahfiz di Malaysia di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ini menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi di Negara ini masih mempunyai tempat yang tinggi di kalangan para pelajar tahfiz untuk terus menyambung pengajian di samping memelihara hafazan mereka di institusi berkenaan. Contohnya, memperkenalkan Program Pemerkasaan Huffaz yang telah diperkenalkan di beberapa buah institusi seperti di beberapa cawangan kolej Poly-Tech MARA selain Darul Qur'an.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar menunjukkan prestasi yang begitu memberangsangkan semasa berada di sekolah-sekolah tahfiz iaitu dengan menghafal 30 juzuk kadar peratusannya melebihi separuh daripada bilangan responden. Ini membuktikan pusat pengajian tahfiz di Malaysia dan di Perak amnya telah melahirkan para huffaz yang berkaliber. Universiti dan kolej tempatan juga menjadi pilihan utama para huffaz untuk menyambung pengajian sejurus tamat pengajian di sekolah-sekolah tahfiz.

Rujukan

- Al-Qur'an.
- Al-Hadis.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ahmad, N. (2015). Memperkasa Darul Qur'an ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke IV pada 1-3 Jun 2015 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar baru bangi, Selangor.
- Al-Na'miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, A. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Qur'an di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Hairudin dan Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2015). *Institut Pendidikan Al-Qur'an di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusni, M. Y. dan Abdul Aderi C. N. (2016). Halatuju Program Tahfiz di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Wacana Pendidikan Islam Siri II, 2016.
- Syeikh Mohamah Nor Mansor Al-Hafiz. (2010). Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Kolej Dar Al-Qur'an Wal Hadis (DAQWAH) Negeri Perak.

BAB 10

HALATUJU PELAKSANAAN SISTEM HAFAZAN AL-QURAN DI MAAHAD DARUL TAHFIZ ALQURAN JERANTUT PAHANG

Muhammad Izzat Ngah¹, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz¹, Mohd Mahfuz Jaafar¹ &
Huzaifah Fakrul Razid¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Banyak pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia beroperasi secara berdikari, dengan setiap institusi bebas memilih kurikulum dan teknik pengajaran daripada pelbagai negara berdasarkan keutamaan dan latar belakang pendidikan guru masing-masing. Akibatnya, guru tahfiz sering mengajar berdasarkan pengalaman peribadi tanpa mengikuti teknik tertentu, menyebabkan sistem pengajaran yang tidak seragam dan teratur. Salah satu kaedah hafazan yang digunakan di Malaysia ialah kaedah Pakistan, tetapi ia masih kurang diketahui kerana tidak banyak institusi tahfiz yang menggunakaninya. Malah, sebahagian masyarakat mungkin tidak pernah mendengar tentang kaedah ini. Oleh itu, ibu bapa sering ragu-ragu untuk menghantar anak mereka menghafaz al-Quran kerana bimbang tentang arah tuju pendidikan mereka di masa hadapan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan kaedah Pakistan dan hala tuju pelajar yang menggunakan kaedah tersebut di Maahad Darul Tahfiz Quran (MDTQ). Kajian ini merupakan kajian kes menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan pengumpulan data melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Fokus kajian adalah kepada pelajar lelaki yang telah melepassi tahap Nazirah (kelas memperbaiki bacaan Al-Quran sebelum menghafaznya), memulakan hafazan Al-Quran, dan yang telah menamatkan hafazan, melibatkan seramai 9 orang pelajar.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah Pakistan telah berjaya melahirkan ramai pelajar tahfiz yang telah khatam dan mendapat shahadah. Temu bual mendapati seramai 21 orang pelajar telah berjaya khatam dan mendapat shahadah dari tahun 2021 hingga 2023. Kajian juga mendapati bahawa pelajar mempunyai hala tuju yang jelas selepas tamat hafazan, dengan sebahagian daripada mereka menyambung pengajian kitab dan sebahagian lagi bersedia untuk mengambil peperiksaan SPM.

Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa kaedah Pakistan sangat sesuai untuk diterapkan dan perlu diberikan pendedahan kepada seluruh masyarakat agar kaedah ini lebih dikenali dan difahami.

Masalah Kajian

Perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang pelbagai dengan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Setiap institusi tahfiz mempunyai kebebasan untuk memilih kurikulum dan teknik pengajaran daripada pelbagai sumber, bergantung kepada pengalaman dan latar belakang pendidikan guru-guru mereka. Akibatnya, pengajaran sering kali tidak mengikuti teknik yang sistematik dan khusus (Azmil,

2010). Kajian oleh Jemali dan Hafidz (2003) menunjukkan bahawa kira-kira 60% pelajar tidak dapat menyelesaikan hafazan mereka mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Namun, kaedah Pakistan telah diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan yang berpotensi untuk menarik minat pelajar dan mendapat sambutan yang baik. Kaedah ini memfokuskan sepenuhnya kepada hafazan, yang dikatakan dapat mempercepatkan proses hafazan dan memastikan pelajar mencapai sasaran dalam tempoh yang ditetapkan. Setelah hafazan mereka kukuh, pelajar boleh melanjutkan pengajian dalam bidang lain, seperti akademik.

Walau bagaimanapun, kaedah Pakistan masih kurang dikenali di kalangan ibu bapa. Ini disebabkan oleh bilangan institusi tahfiz yang menggunakan kaedah ini adalah terhad dan kurangnya pendedahan tentang manfaatnya. Banyak ibubapa bimbang tentang masa yang mungkin terbuang sekiranya anak mereka mengambil masa yang lama untuk menghafaz al-Quran, dan bagaimana ini mungkin mempengaruhi perancangan masa depan mereka.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidik pelaksanaan dan potensi kaedah Pakistan di Maahad Darul Tahfiz Quran (MDTQ), serta bagaimana kaedah ini mempengaruhi perkembangan pelajar dalam konteks pengajian tahfiz.

Metodologi Kajian

a. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif untuk menilai halatuju pelaksanaan sistem hafazan Al-Quran di Maahad Darul Tahfiz Al-Quran (MDTQ). Kajian kualitatif merupakan suatu proses yang bertujuan untuk memahami isu atau masalah sosial dengan menekankan keunikan dan konteks khusus persekitaran kajian (Stake, 1995). Pendekatan ini melibatkan pembinaan gambaran yang kompleks dan holistik melalui laporan pandangan daripada responden, dengan kajian dilakukan dalam keadaan yang netral.

Menurut Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan Ali (2012), kajian kualitatif adalah kaedah untuk meneroka dan memahami individu atau kumpulan dalam konteks masalah atau fenomena manusia dan masyarakat. Fokus utama kaedah ini adalah pada kualiti konteks yang dikaji, di mana kajian ini melibatkan analisis mendalam tentang isu dalam suasana yang memerlukan interaksi langsung dengan konteks tersebut. Kajian kualitatif berbeza daripada kaedah kuantitatif kerana ia tidak bergantung pada data berbentuk angka atau kategori. Sebaliknya, ia menggunakan data berbentuk teks, video, foto, transkrip perbualan, dan lain-lain yang diperoleh secara langsung di lapangan atau semasa sesi temu bual.

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dipilih untuk mengenal pasti dan memahami isu berkaitan dengan halatuju pelaksanaan sistem hafazan Al-Quran di MDTQ dengan cara yang mendalam dan kontekstual.

b. Kaedah Pengumpulan Data

Kajian kualitatif ini melibatkan proses pengumpulan data yang kemudiannya dianalisis untuk mengenal pasti corak atau hubungan antara variabel, dengan tujuan membentuk teori mengenai fenomena yang dikaji (Othman Talib, 2013). Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian kes sebagai pendekatannya. Menurut Othman Talib

(2013), kajian ini boleh dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti temu bual yang tidak berstruktur, analisis dokumen, atau pemerhatian secara langsung.

i. Temu bual.

Temu bual merupakan alat yang sangat penting dalam kajian ini kerana ia membolehkan penulis meneroka dan memperoleh maklumat dengan lebih mendalam. Data yang diperoleh melalui temu bual bersifat fleksibel dan sering kali tidak dapat diperoleh melalui soal selidik. Sesi temu bual boleh dijalankan dalam suasana yang semulajadi dan bersahaja, di mana penemubual boleh menyesuaikan diri dengan situasi dan membina hubungan kepercayaan dengan responden. Jawapan yang diperoleh daripada temu bual ini dapat mencerminkan pengalaman sebenar peserta kajian dan menjadi asas yang berguna bagi penulis (Gay, 1981).

Kaedah temu bual terbahagi kepada tiga kategori utama: temu bual berstruktur, separa berstruktur, dan tidak berstruktur. Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur secara bersemuka dengan sembilan orang pelajar yang memenuhi kriteria tertentu.

ii. Pemerhatian

Selain daripada kaedah temu bual, kajian ini juga akan menggunakan pemerhatian sebagai salah satu kaedah pengumpulan data. Pemerhatian, yang berasal daripada pendekatan etnografi, bertujuan untuk memahami perspektif populasi dalam konteks semulajadi mereka. Melalui pemerhatian, data penyelidikan boleh diperoleh secara langsung dan dalam keadaan semula jadi. Terdapat tiga jenis pemerhatian: turut serta, tidak turut serta, dan separa turut serta. Dalam kajian ini, pendekatan separa turut serta akan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang relevan.

iii. Dokumen

Dalam penyelidikan kualitatif, dokumen adalah salah satu kaedah pengumpulan data yang penting. Menurut Merriam (1998), dokumen boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama: dokumen atau rekod awam, dokumen peribadi, dan bahan fizikal atau artifak.

Maahad Darul Tahfiz Al-Quran Jerantut Pahang

Maahad Darul Tahfiz Al-Quran (MDTQ) terletak di Kampung Sungai Badak, Benta, Pahang, di atas tanah seluas kira-kira 3 ekar. Madrasah ini berfungsi sebagai institusi pendidikan berasrama penuh yang khas untuk pelajar lelaki dan berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP). MDTQ, yang juga dikenali sebagai sekolah tahfiz yang pertama di Malaysia dengan sistem hafazan Al-Quran berasaskan kaedah Pakistan, ditubuhkan pada tahun 1989.

Pada awal penubuhannya, MDTQ hanya dilengkapi dengan sebuah surau dan sebuah bangunan asrama kecil yang mampu menampung 20 orang pelajar. Madrasah ini diasaskan oleh Allahyarham Haji Busu dan diteruskan oleh Ustaz Abdul Hamid bin Busu. Kini, kepimpinan madrasah ini diteruskan oleh anaknya, Ustaz Muhammad Yusuf bin Abdul Hamid.

Sejak penubuhannya, MDTQ telah mengalami perkembangan pesat. Pada tahun 2004, pihak pengurusan madrasah telah melaksanakan penaiktarafan prasarana dan infrastruktur, yang menjadikan MDTQ sebagai sebuah institusi pengajian dengan fasiliti moden dan lengkap. Pada tahun 2012, madrasah ini telah menukar namanya kepada Sekolah Agama Maahad Tahfiz Wa Ta'lil Quran di bawah program Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Namun, menjelang akhir tahun 2022, nama madrasah ini telah diubah kembali kepada Maahad Darul Tahfiz Al-Quran.

Sebagai institusi yang terus berkembang, MDTQ kini dilengkapi dengan fasiliti moden termasuk sebuah masjid, bangunan dua tingkat, kantin, padang permainan, lima blok bangunan asrama, dan studio shahadah. Pada tahun 2023, terdapat seramai 44 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di MDTQ, dengan 4 orang tenaga pengajar, 3 daripadanya berasal dari Pakistan. Sejak penubuhan madrasah ini, seramai 80 pelajar telah menyelesaikan hafazan dan shahadah mereka.

Kaedah Hafazan Di Maahad Darul Tahfiz Al Quran

Maahad Darul Tahfiz Al-Quran mempunyai sistem pembelajaran tersendiri untuk mendidik pelajar dalam bidang hafiz Al-Quran. Terdapat kaedah hafazan khusus dan penerapan tarbiyyah kepada pelajar.

Kaedah Pakistan, dikenali sebagai kaedah Panipati, cukup terkenal di kalangan pelajar tahfiz di Pakistan. Dinamakan Panipati kerana guru pertama yang mempelopori kaedah ini berasal dari daerah Panipati. Kaedah ini efektif dalam melahirkan para huffaz yang berwibawa. Secara keseluruhan, kaedah hafazan ini melibatkan beberapa teknik seperti Sabak, Lima Sabak, Sabki, dan Manzil. MDTQ mengadaptasi kaedah dari Pakistan dengan beberapa pengubahsuaian untuk disesuaikan dengan keadaan di Malaysia. (MDTQ, 2023).

Pelaksanaan Sistem Hafazan Al-Quran Di MDTQ

Pelajar di MDTQ terdiri daripada mereka yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Kaedah Pakistan menjadi sistem rasmi di MDTQ, dengan beberapa penyesuaian dilakukan untuk menyesuaikannya dengan situasi pelajar di Malaysia. Dalam pelaksanaan sistem ini, pihak MDTQ meletakkan beberapa proses yang wajib diikuti. Proses-proses tersebut ialah:

a. Persediaan Sebelum Menghafaz

Sebelum memulakan hafazan al-Quran, beberapa pendekatan telah diperkenalkan untuk memastikan pelajar dapat menghafaz dengan baik. Pelajar akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan, dengan setiap kumpulan terdiri daripada 13 hingga 15 orang pelajar dengan seorang guru. Umur pelajar dalam setiap kumpulan tidak seragam, ada yang berumur 12 tahun dan ada yang berumur sehingga 17 tahun. Pembahagian kumpulan ini ditentukan melalui mesyuarat yang diadakan oleh pihak ustaz. Pembahagian kelas terbahagi kepada 3 kelas iaitu kelas Nazirah, kelas Tahfiz dan kelas Shahadah:

i. Kelas Nazirah

Kelas ini dikhurasukan kepada pelajar yang lemah dalam pembacaan Al-Quran dengan melihat mushaf. Kelas Nazirah atau pra-tahfiz diwujudkan untuk membantu pelajar melancarkan bacaan Al-Quran sebelum mula menghafaz. Pelajar lain akan ditempatkan

dalam kumpulan kelas tahfiz. Tempoh maksimum berada di kelas ini adalah 3 bulan, dengan tempoh terpanjang sehingga satu tahun. Selain al-Quran, pelajaran yang turut diajar termasuklah fardhu ain, tajwid, akhlak, dan jawi (bacaan dan tulisan).

ii. Kelas Tahfiz

Kelas tahfiz Al-Quran adalah untuk pelajar yang khusus menghafaz Al-Quran. Biasanya, pelajar menyelesaikan pengajian tahfiz dalam masa 3 hingga 5 tahun. Setiap pelajar perlu menghafaz sekurang-kurangnya 3 hingga 5 juzuk. Selepas mengkhatamkan 30 juzuk, pelajar akan memantapkan hafalan mereka dalam tempoh 6 bulan hingga 2 tahun sebelum menduduki peperiksaan akhir kelas Shahadah (Temubual MDTQ, 2023).

iii. Kelas Shahadah

Kelas shahadah adalah proses yang dilalui oleh pelajar yang telah mengkhatamkan hafazan 30 juzuk Al-Quran dan ingin memperkuatkannya hafalan mereka. Shahadah diadakan di institusi tahfiz untuk memantapkan dan melancarkan hafazan Al-Quran, membantu pelajar menguasai hafazan dengan lebih baik. (Temubual MDTQ, 2023).

Terdapat 3 cara untuk menduduki peperiksaan Shahadah Hafiz. Pertama, pelajar boleh membaca 30 juzuk Al-Quran dalam masa satu hari. Kedua, mereka boleh membaca 30 juzuk dalam masa dua hari, iaitu 15 juzuk setiap hari. Ketiga, mereka boleh memilih untuk membaca 30 juzuk dalam masa tiga hari, dengan 10 juzuk setiap hari.

Pelajar yang menduduki peperiksaan akhir ini akan diperiksa oleh tiga orang guru, dengan dua daripadanya daripada halaqah lain. Peperiksaan bermula pada jam 7 pagi, dan setiap juzuk al-Quran akan mengambil masa kira-kira 30 minit untuk dibaca. Pelajar mesti membaca al-Quran dengan lancar dan tidak boleh melakukan lebih daripada 10 kesalahan. Jika kesalahan melebihi 10 kali, peperiksaan akan dibatalkan. (MDTQ, 2023)

b. Menghafaz Kaedah Pakistan

Kaedah Pakistan ini terdiri daripada beberapa pendekatan seperti sabak, lima sabak, sabki, dan manzil. Di MDTQ, proses menghafaz al-Quran biasanya dimulakan daripada depan, iaitu daripada juzuk pertama surah al-Baqarah hingga ke belakang sehingga juzuk ke-30. Namun, cara ini bukanlah satu-satunya pendekatan yang digunakan. Terdapat juga kaedah di mana pelajar mula menghafaz daripada juzuk ke-30 terlebih dahulu. Setelah menghafaz juzuk ke-30, pelajar akan kembali menghafaz juzuk pertama, kedua, dan seterusnya.

Pendekatan ini bertujuan memudahkan pelajar dengan menghafaz surah-surah pendek terlebih dahulu sebelum beralih ke surah-surah yang lebih panjang. Dari segi psikologi, kaedah ini membantu memupuk minat pelajar dalam menghafaz Al-Quran. Jika pelajar terus dideakah dengan surah panjang seperti surah Al-Baqarah di juzuk pertama, mereka mungkin merasa terbebani dan kurang bersemangat untuk menghafaz (Temubual MDTQ, 2023).

i. Sabak

Sabak adalah istilah yang merujuk kepada hafazan baru yang belum dihafaz oleh pelajar. Dalam proses ini, pelajar diwajibkan untuk menguasai ayat-ayat yang ingin dihafaz secara individu terlebih dahulu. Selepas itu, mereka perlu memperdengarkan hafazan mereka kepada rakan-rakan untuk menyemak ketepatan bacaan. Proses ini dikenali sebagai semak bacaan atau tasmi'. Kesalahan biasa yang sering berlaku termasuk kesalahan pada baris, kesalahan huruf, atau tertinggal ayat tertentu. Setelah melalui proses semakan dengan rakan-rakan, pelajar akan memperdengarkan bacaan mereka kepada guru. Jika pelajar masih belum lancar atau terlupa bacaan, guru akan memberi peluang untuk pelajar tersebut memperbaiki hafazan mereka. Pelajar perlu memastikan bacaan mereka disemak oleh rakan-rakan sebelum menyemak dengan guru untuk mengelakkan kesilapan yang banyak.

Pada sebelah malam, dari jam 7.00 hingga 9.30, pelajar akan menghafaz hafazan baru di kelas masing-masing, yang disebut sebagai sabak. Mereka akan berhenti sejenak untuk menunaikan solat maghrib secara berjemaah dan akan menunaikan solat isya' pada jam 9.00 malam. Dengan ini, pelajar mempunyai sekitar 2 jam setiap hari untuk menghafaz sabak. Pelajar diarahkan untuk tidur pada jam 10.30 malam dan tidak dibenarkan melakukan aktiviti lain selepas waktu tersebut. Jika didapati masih melakukan aktiviti lain, mereka akan dikenakan denda rotan.

Sejam sebelum subuh, pelajar akan dikehutkan untuk mengikuti kaedah hafazan ini, di mana mereka dikehendaki menunaikan solat sunat di awal pagi. 30 minit sebelum subuh, pelajar perlu berada dalam halaqah hafazan masing-masing untuk melancarkan sabak yang akan dibaca selepas solat subuh. Selepas solat subuh, pelajar akan menyemak hafazan baru dengan guru masing-masing. Had sabak ditentukan berdasarkan kemampuan individu, namun guru kumpulan sentiasa memantau dan mencatat jumlah bilangan ayat yang dihafaz oleh pelajar setiap hari beserta tarikh.(Temubual MDTQ, 2023).

ii. Lima Sabak

Lima sabak merujuk kepada lima kali hafazan terbaru atau lima hari hafazan sebelumnya. Sebagai contoh, jika pelajar sedang menghafaz juzuk pertama muka surat 10, maka lima sabak yang perlu dilancarkan adalah muka surat 9, 8, 7, 6, dan 5. Bacaan ini perlu diperiksa oleh guru kumpulan. Pelajar harus memastikan lima sabak ini dilancarkan dengan baik untuk meneruskan hafazan pada hari berikutnya. Jika pelajar tidak dapat membaca lima sabak dengan baik, mereka tidak dibenarkan menghafaz ayat baru sehingga mendapat kebenaran dari guru kumpulan. Masa yang diperuntukkan untuk membaca lima sabak ini adalah selepas membaca sabak, iaitu dari 8:30 pagi hingga 9:30 pagi (Temubual MDTQ, 2023).

iii. Sabki

Sabki merujuk kepada ulangan sebanyak satu juzuk di belakang lima sabak. Masa untuk membaca sabki adalah setelah selesai membaca enam sabak, iaitu dari pukul 9:30 pagi hingga 10:45 pagi. Sabki ini perlu dibaca di hadapan guru atau boleh juga dibaca bersama rakan dengan izin guru. Setiap kesalahan dalam membaca sabki akan dikenakan hukuman

tiga kali rotan bagi setiap kesalahan. Contohnya, jika seorang pelajar sedang menghafaz muka surat 62, maka muka surat tersebut adalah sabak, muka surat 61, 60, 59, 58, 57, dan 56 adalah enam sabak, manakala sabki adalah dari muka surat 36 hingga 55, satu juzuk di belakang enam sabak. Ini adalah jika pelajar menghafaz satu muka surat setiap hari (Temubual MDTQ, 2023).

iv. Manzil

Manzil pula merujuk kepada hafazan lama yang telah dihafaz sebelum ini. Sebagai contoh, jika pelajar telah menghafaz 12 juzuk, maka juzuk 1 hingga 10 adalah manzil bagi pelajar tersebut. Masa untuk membaca manzil adalah dari pukul 2:30 hingga 4:45 petang. Dari jam 12:00 tengahari hingga 2:00 petang, pelajar dikehendaki tidur sebagai sebahagian daripada sunnah Rasul SAW dan untuk memulihkan tenaga mereka bagi kelas sebelah petang.

Kaedah Manzil yang berasal dari India dan Pakistan ini jarang diamalkan di Maahad Tahfiz di Malaysia, di mana pelajar biasanya hanya menghafaz ayat-ayat baru sahaja. Ayat-ayat lama yang telah dihafaz tidak diberi penekanan oleh guru, sebaliknya bergantung kepada inisiatif pelajar itu sendiri untuk mengulanginya. Jika pelajar rajin mengulangi hafazan lama, hafazan tersebut akan kekal; jika tidak, hafazan lama mungkin akan dilupakan. Berikut adalah jadual harian pelajar MDTQ (Temubual MDTQ, 2023).

Latar Belakang Sistem Hafazan Di MDTQ

Analisa telah dibuat hasil daripada kajian yang dijalankan di MDTQ adalah seperti berikut:

a. Pengalaman Menghafaz

Berdasarkan temu bual dengan 9 responden, didapati 3 daripada 9 tidak pernah menghafaz, manakala 6 dari 9 pernah menghafaz sebelumnya. Mereka yang tidak pernah menghafaz biasanya baru mencebur ke bidang tafsir dan berumur 13 tahun. Mereka yang mempunyai pengalaman menghafaz sudah lama dalam bidang tafsir atau pernah menghafaz surah pendek sebelum ini.

R1: Umur 13 tahun, sudah setahun di sini. Tak pernah hafal sebelum ini.

R2: Umur 13 tahun, baru 6 bulan di sini. Pernah hafal surah pendek.

R4: Umur 15 tahun, sudah 21 juzuk. Pernah hafal sebelum ini di tafsir lama.

b. Sistem Hafazan Yang Digunakan di MDTQ

Pengkaji menjalankan temu bual dengan 9 responden pelajar tafsir di MDTQ untuk mengetahui latar belakang sistem hafazan Al-Quran di sana. Temu bual ini dilakukan secara separa struktur secara bersemuka dan dirakam sepenuhnya. Berdasarkan temu bual, pelajar yang baru masuk tidak didedahkan tentang sistem hafazan dan tidak mengetahui sistem apa yang digunakan. Tiada modul atau hebahan mengenai sistem hafazan tersebut. Pelajar lama atau yang pernah menggunakan kaedah Pakistan di tafsir lama mengetahui tentang sistem ini. Dari 9 responden, 3 tidak mengetahui tentang sistem Pakistan kerana baru masuk dan baru memulakan hafazan, manakala 6 responden mengetahui kaedah Pakistan kerana sudah lebih 3 tahun dan lama menghafaz Al-Quran.

R2: Entahlah nak tahu, sepenuh masa.

R4: Sistem Pakistan tahu sebab tahfiz dulu pakai sistem ni. Sepenuh masa.

R8: Sistem Pakistan, mungkin sama dengan tahfiz lama yang pakai sistem Deobandy. Mungkin ada sedikit perbezaan kerana tahfiz dulu tiada kelas 5 sabak.

Pelaksanaan Sistem Hafazan Al-Quran Di MDTQ

Kajian menganalisis dapatan kajian yang telah dijalankan di MDTQ adalah seperti berikut:

a. Kelas Hafazan

Berdasarkan temubual dengan 9 responden, didapati pelajar yang telah menghafaz banyak juzuk menghadapi kesukaran untuk mengikuti kelas hafazan Sabki dan Manzil kerana perlu mengingati 2 juzuk setiap hari. Sekiranya pelajar tidak dapat mengulang 2 juzuk dalam sehari, guru tidak akan membenarkan mereka menghafaz ayat baru. Sebaliknya, pelajar yang baru menghafaz atau yang berada di bawah 10 juzuk tidak menghadapi masalah untuk mengikuti kelas pengulangan.

R3: Boleh kot, sebab baru mula menghafaz jadi belum ada Sabki dan Manzil.

R4: 50/50, kelas Manzil agak mencabar kerana ustaz minta 1 juzuk setengah sehari.

R6: Boleh saja, tetapi sistem ini banyak pengulangan jadi kalau tidak lepas, ustaz tidak benarkan ambil sabak.

b. Peruntukan Masa/Sesi Pelaksanaan

Berdasarkan temubual yang dijalankan, setiap sesi untuk menghafaz dan mengulang Al-Quran bagi kelas Nazirah, Tahfiz, dan Shahadah berlangsung antara 2 hingga 3 jam. Selain itu, hasil temubual menunjukkan bahawa kelas hafazan yang disediakan oleh pihak sekolah adalah mencukupi. Semua responden menyatakan bahawa sesi hafazan yang ada sudah mencukupi untuk menghantar dan mengulang hafazan Al-Quran.

R3: 5 sesi, 2 jam, cukup jer.

R5: 5 sesi, 2 jam, cukup.

R7: 3 sesi untuk kelas syahadah, 3 jam, cukup.

c. Susunan Kelas Halaqah

Berdasarkan temubual yang dijalankan, tidak terdapat ketetapan khusus bagi kelas Nazirah dan Tahfiz. Penentuan bagi pelajar Nazirah dan Tahfiz sepenuhnya ditentukan oleh pihak tahfiz dan guru halaqah. Namun, pembahagian kelas tetap dilakukan dengan satu kelas untuk Nazirah dan dua kelas untuk Tahfiz. Bagi kelas Shahadah, terdapat kelas khusus dengan jumlah pelajar yang lebih kecil. Setiap kelas biasanya mempunyai antara 12 hingga 15 pelajar, manakala kelas Shahadah terdiri daripada 7 pelajar.

R3: Tak ada ketetapan, satu kelas ada 15 orang.

R6: Tak, 12 orang satu kelas.

R8: Ada kelas Shahadah untuk yang khatam, 7 orang.

d. Peruntukan Mukasurat Yang Dihafaz

Berdasarkan temubual dengan 9 responden, muka surat baru untuk dihafaz ditentukan oleh guru berdasarkan kriteria pelajar. Guru memainkan peranan penting dalam mendidik dan membimbing pelajar, dan salah satu tugas mereka adalah menetapkan hafazan baru untuk membantu pelajar memahami dan mengingati Al-Quran. Bagi pelajar yang baru menghafaz 10 juzuk atau kurang, guru biasanya memberikan antara 1 hingga 3 muka surat baru. Ini bertujuan untuk memastikan pelajar tidak hanya fokus pada hafazan baru dan mengabaikan hafazan lama. Bagi pelajar yang telah menghafaz lebih dari 15 juzuk, mereka diberikan kebebasan untuk menghafaz lebih banyak muka surat baru.

R1: 1 muka surat, ustaz yang tentukan sabak, ustaz tumpu sepenuhnya.

R2: 2 atau 3 muka surat, bergantung pada kehendak sendiri, ustaz tumpu sepenuhnya.

R9: Untuk Shahadah, perlu hantar 2 helai semuka, paling banyak setengah juzuk; ikut kemampuan sendiri, kalau nak cepat habis, hantar lebih banyak

e. Perhatian Guru

Menurut analisis temubual, pelajar memerlukan perhatian yang mencukupi daripada guru, terutama pada peringkat awal hafazan, kerana mereka masih baru dan belum memahami sepenuhnya tentang hafazan Al-Quran dan kaedah-kaedahnya. Guru tahfiz memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dalam pelaksanaan sistem hafazan di mana-mana institusi. Cabaran utama bagi guru adalah membina potensi pelajar dan menguasai kemahiran sebagai pendidik yang berkesan. Kaedah dan teknik mungkin tidak berhasil jika guru dan pihak pengajaran tidak mengaplikasikan teknik tersebut secara efektif dalam sesi pengajaran. Oleh itu, guru perlu memperkuuh kepakaran dalam pengajaran tahfiz dan pendedahan kepada metodologi penghafazan terkini, tanpa hanya bergantung pada kaedah yang sedia ada.

R5: Ustaz memberi perhatian sepenuhnya.

f. Tempoh Khatam Al-Quran

Berdasarkan temubual yang dijalankan, pihak maahad Tahfiz tidak menetapkan tempoh khusus untuk mencapai status Hafiz. Ini kerana mereka ingin mengelakkan pelajar menghafaz Al-Quran dengan tergesa-gesa sehingga melupakan hafazan lama, yang bertentangan dengan prinsip kaedah Pakistan yang menekankan pengulangan sistematik. Secara umum, tempoh yang diambil untuk menjadi Hafiz adalah antara 3 hingga 5 tahun, manakala bagi pelajar Shahadah, tempoh yang disarankan adalah 2 tahun.

R1: Tak ada ketetapan.

R4: Sekitar 5 tahun.

R9: Untuk Shahadah, sebaiknya kurang dari 2 tahun.

g. Pengulangan Hafazan Tambahan Selain Kelas Tahfiz

Berdasarkan temubual yang dijalankan, pelajar tahfiz melakukan pengulangan hafazan pada waktu yang berbeza, termasuk sebelum maghrib, selepas isyak, dan sebelum subuh. Selain itu, beberapa pelajar juga melakukan pengulangan hanya di dalam kelas.

- R4: Lepas isyak.
R5: Sebelum maghrib dan selepas isyak.
R9: Bangun awal sedikit, sekitar pukul 4 pagi

h. Kaedah Hafazan Yang Sistematik

Berdasarkan analisis temubual, kaedah hafazan al-Quran sistem Pakistan terbukti sangat sistematik. Pelajar menyatakan bahawa kaedah ini menyediakan sukatan dan rekod hafazan yang terperinci, memudahkan guru untuk memantau kemajuan setiap pelajar dengan lebih efisien. Selain itu, kaedah ini juga sangat berguna bagi pelajar yang ingin melanjutkan ke kelas Shahadah, tahap terakhir bagi penghafazan sepenuhnya. Berikut adalah pendapat pelajar mengenai keberkesanan kaedah ini:

- R7: Berjaya, memudahkan proses untuk mencapai Shahadah dengan cepat.
R8: Berjaya, memastikan hafalan lama tetap terjaga.
R9: Berjaya, kerana sistem ini tidak hanya fokus pada hafazan baru tetapi juga memastikan hafalan lama tidak dilupakan.

Halatuju Pelaksanaan Kaedah Pakistan Di Maahad Darul Tahfiz Al-Quran Jerantut Pahang

Temu bual secara bersemuka dengan sembilan pelajar telah diadakan di MDTQ pada hari dan waktu yang sama. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada temubual tersebut, dapat disimpulkan bahawa kaedah Pakistan telah dilaksanakan dengan berjaya di MDTQ dan memberikan impak positif yang signifikan terhadap proses hafazan Al-Quran.

Halatuju Pelajar

a. Pengajian Kitab

Berdasarkan hasil temu bual dengan para responden, dapat disimpulkan bahawa terdapat kecenderungan dalam kalangan pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka ke dalam pengajian alim atau kitab. Pengajian kitab atau alim ini, yang merujuk kepada pengajian hadis, biasanya berlangsung selama 8 tahun. Subjek yang dipelajari termasuk Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Misykat al Masobih, dan kitab-kitab sunan, yang dikenali sebagai sistem Dars Nizami. Daripada 9 responden, 5 daripadanya menyatakan minat untuk menyambung pelajaran ke dalam pengajian kitab.

- Berikut adalah beberapa petikan daripada responden:
R1: Mungkin sambung kitab kat Sungai Salan.
R5: Sambung belajar kitab.
R6: Belajar kitab.
R7: Belajar kitab.
R8: Habiskan syahadah dulu, lepas itu baru fikir nak sambung diploma atau kitab.

b. Mengambil SPM

Selain itu, terdapat juga beberapa pelajar yang berhasrat untuk mengambil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), iaitu peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. SPM merupakan syarat penting bagi pelajar di Malaysia untuk melanjutkan

pelajaran ke peringkat pra-universiti. Namun, terdapat juga pelajar yang belum pasti mengenai langkah seterusnya selepas tamat belajar.

Berikut adalah beberapa petikan daripada responden:

R3: Emmmmm... entah lah.

R4: Ambil SPM."

Solusi Mengkekalkan Hafazan Al-Quran

Untuk memastikan pengekalan hafazan, terdapat beberapa metodologi penting yang perlu diberi perhatian oleh seorang Hafiz Al-Quran. Salah satu tanggungjawab utama seorang Hafiz adalah untuk mengulang bacaan setiap hari. Tanpa pengulangan yang konsisten, hafazan boleh dilupakan secara perlahan-lahan. Dalam usaha untuk mengulang hafazan, terdapat beberapa solusi penting yang harus diperhatikan oleh penghafaz Al-Quran.

a. Rajin Dan Berdisiplin

Kerajinan dan disiplin adalah antara solusi penting untuk mengekalkan hafazan al-Quran yang perlu ada pada setiap pelajar yang mengamalkan kaedah ini. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menghafaz al-Quran dengan menggunakan kaedah ini perlu bersedia untuk mengorbankan masa dan tenaga mereka. Untuk menyempurnakan hafazan 30 juzuk al-Quran dan memeliharanya dengan baik, mereka perlu menghadapi jadual yang padat dan bersedia menerima keadaan ini. Namun, pelajar masih diberikan ruang dan waktu rehat yang munasabah. Selain itu, pelajar yang baru mula menghafaz perlu rajin mengulang demi memelihara hafazan al-Quran mereka, kerana mereka perlu membaca hafazan baru dan lama kepada guru setiap hari.

Perincian daripada temu bual adalah seperti berikut:

R7: Sebelum nak khatam, pastikan sabki dan manzil sentiasa dihantar supaya tidak lupa juzuk-juzuk belakang. Senang nak buat shahadah nanti

R8: Ulang hafazan selalu dan jaga hubungan dengan Allah serta beradab dengan ustaz.

R9: Salah satu cara untuk ingat hafazan Al-Quran selain kelas shahadah adalah sentiasa mengulang, contohnya bawa bacaan dalam solat.

b. Inspirasi/Tauladan Dari Pelajar Senior

Inspirasi memainkan peranan penting dalam mengekalkan hafazan Al-Quran dengan menggunakan kaedah hafazan Pakistan. Analisis temu bual pelajar mendapati bahawa terdapat dua sumber motivasi yang paling ketara bagi pelajar dalam meningkatkan semangat mereka untuk menghafaz Al-Quran: kaedah hafazan itu sendiri dan inspirasi dari pelajar senior. Elemen-elemen ini, menurut pemerhatian, merupakan antara punca utama motivasi para pelajar untuk menyelesaikan hafazan Al-Quran 30 juzuk dengan cepat. Selain itu, kata-kata semangat dapat memberikan impak yang kuat dalam kehidupan seseorang, memberikan motivasi dan inspirasi yang diperlukan untuk mengatasi cabaran, mengejar matlamat, dan mencapai kejayaan.

Perincian daripada temu bual adalah seperti berikut:

R4: "Terinspirasi, pastikan hafaz sampai habis, lepas habis baru fikir benda lain."

R6: "Terinspirasi, niat hafaz Al-Quran kerana Allah."

R9: "Terinspirasi, jangan bandingkan diri dengan orang lain dalam menghafaz Al-Quran kerana setiap orang mempunyai cara yang berbeza, buat yang terbaik."

Cabaran Dalam Menghafaz Al-Quran

Berdasarkan temu bual yang dilakukan dengan 9 responden, terdapat tiga responden yang menghadapi cabaran dalam menghafaz dan mengingat Al-Quran. Beberapa cabaran tersebut termasuk masalah seperti kurang motivasi, sikap malas, dan isu keluarga. Menghafaz Al-Quran memerlukan mujahadah dan usaha yang berterusan dari para huffaz. Proses ini melibatkan disiplin dan pendekatan yang pelbagai untuk mencapai kejayaan dalam mengingat Al-Quran dengan sempurna dan cemerlang.

Untuk mencapai matlamat ini, penting untuk memiliki disiplin yang kukuh dan komitmen yang tinggi, serta tidak mengabaikan doa dan tawakkal kepada Allah SWT. Sokongan keluarga juga memainkan peranan penting dalam memberi semangat kepada pelajar. Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, mereka harus memberi dorongan kepada anak-anak agar lebih bersemangat dalam menghafaz Al-Quran.

Pelajar perlu bersedia menghadapi berbagai cabaran semasa menghafaz dan mengekalkan hafazan. Ibu bapa perlu sentiasa memantau keadaan hafazan anak-anak mereka dan memberi perhatian jika anak-anak mengalami masalah. Sokongan dan semangat daripada keluarga membantu dalam membentuk personaliti, meningkatkan keyakinan diri, dan memotivasi pelajar untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Berikut adalah perincian daripada temu bual:

R1: Setakat ini, sabak sahaja yang ustaz bagi sedikit.

R4: Masalah utama adalah hafalan lama yang sukar diingati dan mungkin juga kerana malas.

R9: Masalah utama adalah mengingat hafalan lama kerana dahulu hanya hafal sabak sahaja. Keluarga juga mengharapkan supaya selesai dengan cepat.

Kesimpulan

Sistem hafazan Pakistan di Maahad Darul Tahfiz telah berjaya melahirkan ramai pelajar yang khatam dan mendapat syahadah, dengan hampir 80 pelajar berjaya sejak penubuhannya. Pelajar cenderung melanjutkan pelajaran ke pengajian kitab atau alim yang memerlukan tempoh 8 tahun, sementara sebahagian memikirkan untuk mengambil SPM atau belum menentukan hala tuju selepas tamat pengajian. Sikap rajin dan berdisiplin amat penting dalam sistem ini, di mana pelajar perlu mengorbankan masa dan tenaga untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Walaupun jadual padat, terdapat masa rehat yang mencukupi. Kajian juga menunjukkan bahawa pelajar baru tidak didedahkan tentang sistem hafazan, dan hanya pelajar lama yang mengenali kaedah Pakistan ini. Sistem hafazan Pakistan menggunakan istilah khusus seperti sabak, lima sabak, sabki, dan manzil untuk menggambarkan proses hafazan, dengan perbezaan dalam penggunaan istilah berbanding kaedah lain.

Rujukan

- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, P.M. Dr. Hussin Bin Salamon,Etc, (2015).*Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif*. Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu.
- Abd Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir, (2017). *Amalan Hafazan Al-Quran Di Darul Quran Jakim*.
- Abdul Aziz, W. M. (2010). *Pendidikan tahfiz al-Quran aliran sains: satu inovasi baru dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia*. Pengalaman Darul Quran.
- Abd Muhammin Bin Ahmad, Dr. Muhammad Hafiz Saleh, Dr. Muhammad Arif Musa,Etc, (2019). *Kaedah Menghafaz Ayat Mutayabih Lafaz*: Kajian Di Darul Quran, Jakim Dan Jabatan Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Prof. Madya Ajmain Bin Safar,Etc, (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*
- Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman, (2017). *Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba*.
- Abdul Rahim, M. M. (2016). *Tinjauan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan ayat hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz*.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, (2012). *Memahami Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*.
- Ajmain bin Safar, Abdul Hafiz bin Haji Abdullah.etc, (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*
- Abdullah, A. H., Salamon, H., Suratman, A. S., Mohd Noor, S. S., Jasmi, K. A., & Samat, A. B. (2005). *Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran yang Efektif*. satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. (2007). *Kepelbagai Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Darul Quran (2007). *Kaedah Hafazan al-Quran*. Selangor. Medan Hikmah Sdn. Bhd.
- Darul Quran (2008). Laporan Keputusan Peperiksaan Darul Quran dan MTQN 2008. Bahagian Peperiksaan Darul Quran.
- Fatimah Zaharah Ismail, Nor Hafizi Yusof, Ahmad Farimin Ahmad Osman,Etc, (2020). *Strategi Murajaah Al-Quran Bagi Huffaz Di Peringkat Tertiari*.
- Hazaruddin Baharuddin (1997). *Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia:Perbandingan Antara Cara Moden dan Tradisional*. Jurnal Darul Quran bil. 3. Tahun 1997. Jabatan Kemajuan Islam. Kuala Lumpur.
- Institut Ilmu Al-Quran (IIQ) Jakarta, (2020). Waqf Dan Ibtida' Dalam Mushaf Al-Quran Jamiul Bayan oleh at-Tobari, Jilid 1, ms:20.
- Muhammad Fairuz Bin A. Adi, Amir Sayyaf Shohaimi, (2019). *Program Syahadah Tahfiz Berdasarkan Teknik Deobandy*: Kajian Di Maahad Tahfiz Negeri Pahang.
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A.Adi, Shaharuddin Saad, (2019). *Aplikasi Kaedah Murajaah Dalam Kalangan Guru Tahfiz Di Selangor*. Satu Analisis.
- Mohamad, S., Hashim, A., & Ishak, H. (2016). *Pembangunan kurikulum pendidikan tahfiz: Prinsip dan kaedah dalam membina kurikulum tahfiz Al-Quran*.
- M. Mustaffa. (2010). *Konsep Hafazan Al-Quran*.h.29
- Mohamad Ashraf. (2018). Bayan Linnas Siri ke- 139: Al-Quran: Kalamullah Yang Mukjizat. Dimuat turun daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2486-bayan-linnas-siri-ke-139-al-quran-kalamullah-yang-mukjizat>.
- Mohd Nazir Kadir, Muhammad Yaslam Yauzi, Dzakiah Al Miskiah Mohamed Saleh,Etc, (2021). *Kaedah Murajaah Hafazan Al-Quran Yang Diaplikasi Oleh Para Pelajar Tahfiz Marsah*.

- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman, (2015). *Pendidikan Tahfiz Di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah.*
- Nor Hafizi Yusof, (2020), *Kaedah Pintar Murajaah Al-Quran: Kajian Di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia.*
- Nordin Bin Ahmad, Muhammad Toriq Bin Yaacob,Etc, (2020), *Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia:* Edisi II. Terbitan Darul Quran Jakim.
- Nor Aisyah. (2020). *Sejarah Pengumpulan Al-Quran Pada Zaman Nabi s.a.w dan Sahabat.h.3.*
- Riddzwan. A & Tengku Puji, T. I. Z. (t.th.).*Persepsi pelajar terhadap sistem pembelajaran dan kaedah hafazan program persijilan tahliz al Quran Darul Quran JAKIM-UIAM*
- Stapa, Z., Yusuf,N.,& Shaharudin, A. F. (2012). *Pendidikan menurut al-Quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah.*
- Zulkifli,N.(2010).Disiplin dan Pelajar.<http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.24024.60161>.
- Zainora Daud, Norazman Alias, Noorhafizah Mohd Haridi, (2022). *Ithbat Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Tinjauan Kalangan Lepasan Huffaz.*

